

"SEPERTI yang beta sering tekankan di masa yang lalu, masyarakat yang sentiasa mengamalkan sikap bersatu padu, hormat-menghormati dan saling faham-memahami, adalah merupakan asas yang penting bagi pembangunan negara." - Titah di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Pesta Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda ke-57 pada 15 Julai 2003.

"ORANG-ORANG yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali. Mereka itu ialah orang-orang yang dilimpahi dengan berbagai-bagai kebaikan dari Tuhan mereka serta rahmat-Nya. Dan mereka itulah orang-orang yang dapat petunjuk hidayah-Nya." - Surah Al-Baqarah ayat 156 - 157.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah di Sesi Pertama Sidang Kemuncak Kedua Negara-negara Selatan Kumpulan 77 dan China di Doha, Qatar. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit. (Lagi berita dan gambar-gambar di muka 4, 5, 8 dan 9).

Kumpulan 77 dan China lebih berjaya

Perpaduan dan kerjasama kukuh penting dilaksanakan

DOHA, QATAR, 15 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menegaskan bahawa perpaduan sesama Negara-negara Selatan dan melalui kerjasama yang kukuh dengan negara-negara maju akan dapat menempatkan Kumpulan 77 lebih berjaya.

Baginda bertitah menegaskan demikian di Sesi Pertama Sidang Kemuncak Kumpulan 77 dan China di sini.

Titah baginda, sidang Kemuncak Negara-negara Selatan yang pertama di Havana pada tahun 2000

Laporan Zabaidah Haji Salat
zabaidah.salat@information.gov.bn



telah menyediakan asas perpaduan bagi Negara-negara Selatan yang mana telah menempatkan Kumpulan 77 lebih berjaya untuk terus bekerjasama dengan negara-negara maju.

Di sidang kemuncak itu baginda seterusnya mela-

hirkan pandangan baginda bahawa Kumpulan 77 akan berada di dalam keadaan yang lebih baik untuk menghadapi dan menimbangkan isu-isu yang timbul daripada globalisasi, perkembangan sains dan teknologi dan konsep Kerjasama Selatan-selatan.

Perkara ini penting, titah baginda, memandang kepada pengalaman dan keyakinan yang diperolehi oleh negara-negara Kumpulan 77 melalui perkembangan berterusan oleh pakar-pakar, ahli-ahli intelek dan penyelidik daripada negara

masing-masing. Di samping itu Kumpulan 77 juga lebih memahami mengenai halangan yang masih terdapat bagi pembangunan mereka.

Pada kesimpulannya, titah baginda, kepentingan Kumpulan 77 telah meningkat sebagai kuasa yang bersatu dalam hal-ehwal antarabangsa.

Memandangkan kepada perkara ini, titah baginda, Negara Brunei Darussalam bersedia menghadapi Mesyuarat Sesi Plenari Tertinggi yang diadakan September ini dengan perasaan terbuka.

Baginda juga berharap perbincangan yang akan diadakan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) nanti akan membawa banyak perubahan dan bergerak dengan lebih jauh yang bukan hanya melalui perundingan politik, tetapi atas persetujuan dan perjanjian dari pemimpin-pemimpin Negara-negara Selatan agar perkara tersebut boleh menjadi teras kepada sebarang perubahan. Dengan demikian Negara-negara Selatan akan melihat dan lebih yakin bahawa PBB bermakna untuk mereka bagi menjamin keadilan pembangunan.

Lihat muka 2

MAJLIS UGAMA ISLAM BRUNEI DINAikkan TARAF

BANDAR SERI BEGAWAN. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini dimaklumkan bahawa baginda telah memperkenankan bagi menaikkan taraf Urusetia Majlis Ugama Islam Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama kepada sebuah jabatan iaitu Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 01/2005 menyatakan bahawa antara tugas-tugas dan peranan utama Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei antaranya adalah untuk mengelilingi hal-ehwal pentadbiran dan pengurusan Majlis Ugama Islam Brunei dan hal-ehwal yang berkaitan dengannya serta jawatankuasa-jawatankuasa di bawahnya, membantu pada menyediakan hal-ehwal dasar dan undang-undang yang berkaitan dengan kepentingan umat Islam dan agama Islam, menangani hal-ehwal pentadbiran dan pengurusan harta zakat, Baitulmal dan Wakaf, menjalankan penyelidikan mengenai isu-isu agama Islam dan mentadbir dan melaksanakan kehendak Akta Penggal 77 serta akta-akta atau perintah-perintah lain yang berkaitan dengan Majlis Ugama Islam Brunei.

Menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri itu lagi, Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei ditempatkan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagai sebuah jabatan penuh dengan diketuai oleh seorang Setiausaha. Penubuhan jabatan berkenaan adalah berkuat kuasa mula 20 Muharram 1426 bersamaan 1 Mac 2005.

Alam sekitar beri sumbangan besar terhadap kesihatan

Oleh Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

MUARA, 5 Jun. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Abdullah mengingatkan supaya kita tidak akan leka, alpa dan lupa akan nilai dan sumbangan alam sekitar dalam mempengaruhi kesihatan dan tahap kehidupan, di samping mengecapi keadaan selesa dan seronok serta persekitaran yang berkualiti.

Dalam hubungan itu, tambah Yang Berhormat, kita mesti prihatin akan kesan terhadap alam sekitar hasil dari perbuatan dan kelalaian hingga menye-

babkan sistem saliran tersumbat dan berlakunya banjir kilat ketika hujan.

Menteri Pembangunan menjelaskan perkara itu di Majlis Pelancaran Hari Alam Sekitar Sedunia 2005, anjuran Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dengan kerjasama Majlis Perundingan Mukim Serasa yang berlangsung di Pantai Serasa di sini.

Lihat muka 16

KIBARKAN BENDERA

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Jun. - Sempena Sambutan Hari Keputeraan Ke-59 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam hendaklah mengibarkan bendera mulai hari Jumaat 1 Julai 2005 hingga hari Ahad 31 Julai 2005.

Bagi Pengiran-pengiran hendaklah mengibarkan bendera peribadi mereka. Orang-orang yang dikurniakan gelaran hendaklah mengibarkan bendera masing-masing dan orang ramai hendaklah mengibarkan bendera Negara Brunei Darussalam.

MUAFAKAT
MEMBAWA
BERKAT

ANTARA
YANG
MENARIK

Haluan:
Memperluas ruang lingkup kerjasama Brunei - Russia
- Muka 2
Analisis:
Pentadbiran yang cekap, bersih, amanah lagi jujur
- Muka 3

Sidang Kemuncak Kedua Negara-negara Selatan Kumpulan 77 dan China
- Muka 4, 5, 8 dan 9
Melirik Masa Silam:
Masam Manis Dunia Pelajar
- Muka 6

Ekonomi:
Koperasi Tasamul Mukim Lumapas 'Persepakatan wawasan dan usaha gigih mendorong kejayaan'
- Muka 2 ANEKA
Setiap yang hidup pasti akan mati
- Muka 3 ANEKA

TAHUKAH AWDA

DALAM tahun 2001, terdapat 34 buah akhbar luar negeri yang beredar di Negara Brunei Darussalam sama ada akhbar harian atau mingguan dalam pelbagai bahasa. Akhbar dari Sarawak (Miri Daily News, See Hua Daily News, Sin Chew Jit Poh, International Times, Borneo Post dan Utusan Borneo); Semenanjung Malaysia (New Straits Times, Berita Harian, Berita Minggu, Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Utusan Melayu, Tamil Nesan, Malay Mail, Business Times, China Press, Nanyang Shang Poh, The Star dan Metro Ahad); Singapura (The Straits Times, Business Times, Berita Harian, Berita Minggu, International Herald Tribune, Asia Wall Street Journal, Lian He Zao Bao, Lian He Wan Bao dan Sin Ming); Indonesia (Kompas dan Jawa Pos); dan Hong Kong (Seng Poh, Apple, Ming Poh dan Dai Kong Poh). - Sumber: Abd Karim Haji Abu Bakar, Peranan Media Cetak Dalam Pembangunan Negara: Analisa Mengenai Lidah Pengarang PELITA BRUNEI (1983-1985). Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Major Dalam Pengajian Brunei (Kepujian) 2000/2001. Akademi Pengajian Brunei: Universiti Brunei Darussalam. (2000/2001: 42 - 43).



22 JUN 2005 BERSAMAAN 1426 15 جمادى الأول

PEMBANGUNAN EKONOMI DAN PERDAGANGAN G77

SIDANG Kemuncak Kedua Negara-negara Selatan Kumpulan 77 dan China (G77 + China) di Doha, Qatar baru-baru ini telah mencapai kata sepakat untuk saling bantu-membantu dari segi pembangunan ekonomi dan perdagangan. Melalui rumusan Deklarasi Doha dan Pelan Tindakan Doha, beberapa perkara yang telah dibincangkan mendapat keputusan sebulat suara. Selain itu sidang kali ini dianggap penting bagi Negara-negara Selatan untuk meningkatkan hubungan dan kerjasama antara selatan dan utara.

Kedua-dua dokumen itu memberi penekanan kepada kerjasama yang lebih erat antara Negara-negara Selatan selain mengakui banyak perkara yang telah dicapai sejak Sidang Kemuncak Pertama di Havana, Cuba pada 2000. Secara jelas, Pelan Tindakan Doha menekankan keperluan meningkatkan hubungan dua hala dalam wilayah dan antara wilayah di kalangan negara-negara membangun dalam semua bidang. Pelan itu mengukuhkan strategi bersama untuk mengukuhkan polisi negara-negara membangun dalam semua bidang terutama perdagangan, pelaburan, kewangan dan industri. Pelan itu juga menuntut layanan yang lebih adil dari Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terutama sekali dari segi aliran bantuan dan modal untuk membangunkan negara-negara miskin dan lemah.

Sementara itu, Deklarasi Doha pula menyentuh pelbagai isu yang membabitkan negara-negara anggota seperti kemelut di Timur Tengah terutama sekali isu Iraq, Palestin dan Somalia. Meskipun sebenarnya, G77 bukanlah 'gelanggang' untuk membincangkan isu politik yang lebih menumpukan kepada ekonomi dan pembangunan, namun atas kesedaran dan pendirian Negara Selatan yang menggambarkan perhatian mereka terhadap masalah berkenaan yang belum ada kesudahan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berangkat hadir kali pertama di sidang itu menekankan bahawa negara Kumpulan 77 telah berjaya dan berupaya untuk bekerja dengan negara-negara maju yang terdiri dari Kumpulan G8, sungguhpun negara maju adalah dalam keadaan baik untuk menghadapi dan menimbangkan isu-isu yang timbul dari kesan globalisasi, perkembangan sains dan teknologi dan konsep Kerjasama Selatan-selatan.

Menurut baginda, berdasarkan pengalaman dan keyakinan yang diperolehi, Kumpulan 77 kini lebih memahami mengenai halangan dalam proses untuk membangun di mana kelompok ini kini sudah bersedia meningkat sebagai kuasa yang bersatu padu dalam hal-ehwal antarabangsa. Negara Brunei Darussalam sebagai ahli dalam kumpulan itu akan terus memberikan sumbangan sedaya upaya dan mengikut kemampuannya terutama dalam usaha meletakkan pembangunan sebagai agenda utama masyarakat antarabangsa. Negara Brunei Darussalam dalam memberikan keprihatinan bukan hanya kepada perpaduan sesama Negara-negara Selatan, tetapi juga bekerjasama dengan negara-negara maju.

G77 adalah kumpulan 132 buah negara membangun yang dibentuk 41 tahun lalu pada tahun 1964, ditubuhkan dengan penumpuan meningkatkan kerjasama negara-negara membangun, terutama dalam bidang ekonomi. Sidang kali ini bertepatan 'Cabaran Pembangunan Yang Dihadapi Oleh Selatan' dihadiri oleh kira-kira 75 pemimpin susulan daripada sidang pertama di Havana. Dalam sidang ini juga, pemimpin G77 mengalu-alukan keputusan G8 menghapuskan hutang berjumlah AS\$40 bilion untuk 18 negara termiskin di dunia. Namun demikian masih banyak yang perlu dilakukan oleh negara-negara maju dengan menaikan janji mereka untuk menghulurkan bantuan kepada negara-negara miskin bagi mengurangkan jurang ekonomi. G8 juga didesak untuk mengotakan janji meningkatkan bantuan pembangunan kepada 0.7 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Negara maju juga perlu telus dalam perdagangan bebas yang mereka laung-laungkan namun hakikatnya, setiap tahun negara maju membelanjakan AS\$300 bilion untuk subsidi produk pertanian yang meminggirkan langsung Negara Selatan daripada pasaran.

Kerjasama Selatan-selatan tidak seharusnya menjadi slogan kosong. Setiap negara anggota perlu mewujudkan hubungan dan mengenal pasti bidang untuk kerjasama lebih meluas. Dalam konteks ini negara maju harus melayan negara miskin dengan pertimbangan kemanusiaan dan sentiasa komited dengan pembangunan negara-negara berkenaan. Hutang yang berlambak adalah cabaran langsung kepada ancaman keselamatan dan modal kepada negara maju. Maka dalam hubungan ini, misi sidang di Doha ini menjadi penting untuk membebaskan setengah negara-negara membangun daripada belenggu kemiskinan, kekurangan kemudahan kesihatan dan pendidikan. Cabaran utama ialah untuk memecahkan tembok kemiskinan dan terpingggar dari arus pembangunan ekonomi sejagat.

HALUAN...

MEMPERLUAS RUANG LINGKUP KERJASAMA BRUNEI - RUSSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Was-salaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Presiden Putin,
Tuan-tuan Yang Terutama,
Tetamu Khas,
Tuan-tuan dan puan-puan.

Terima kasih setingginya terhadap ucapan dan ingatan Tuan Presiden. Izinkan saya menyampaikan penghargaan mesra kerajaan dan rakyat beta Negara Brunei Darussalam terhadap sambutan mengalu-alukan keberangkatan beta yang telah Tuan Presiden berikan kepada kami.

Sejak kami berpeluang menerima Tuan Presiden di Negara Brunei Darussalam, beta sering mengalu-alukan peluang untuk menerima undangan Tuan Presiden untuk melawat negara Tuan Presiden.

Bagi beta, Tuan Presiden, ia adalah satu penghormatan yang indah untuk hadir di sini sebagai tetamu kepada penduduk dan rakan kepada Tuan Presiden. Beta sangat berterima kasih kepada Tuan Presiden.

Sejak Negara Brunei Darussalam mengambil alih semula kemerdekaan penuh pada tahun 1984, kita terus-menerus melihat keluar dari sudut kecil Asia Tenggara. Kita telah melakukan dengan penuh minat yang mendalam untuk menawarkan persahabatan, muhibah dan menghormati semua anggota masyarakat negara moden. Kita berhasrat untuk hidup dan bekerjasama dengan semua anggota masyarakat, kepercayaan dan latar belakang. Kita juga berhasrat untuk memainkan apa jua peranan yang dapat membantu bagi membina sebuah dunia yang berasaskan prinsip-prinsip berkenaan.

Selepas mengadakan mesyuarat dengan Tuan Presiden dan Menteri-menteri Tuan Presiden dalam beberapa tahun yang lalu, beta maklum bahawa rakyat Russia juga berkongsi kepercayaan ini. Beta dengan ini ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Presiden dan Kerajaan Tuan Presiden terhadap peranan yang telah dimainkan dalam memandu hal-ehwal dunia pada hari ini.

Dunia ini dipelopori oleh ciri-ciri saling bersandar, saingan yang sama dan keperluan yang sama. Masa depannya akan dibentuk oleh keputusan

antarabangsa yang besar yang diputuskan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Ini memerlukan satu bentuk kepimpinan yang baru oleh anggotanya yang paling berpengaruh. Dengan yang demikian, beta ingin mengucapkan penghargaan yang setingginya kepada Tuan Presiden dan rakyat Russia terhadap usaha yang telah Tuan Presiden lakukan bagi menyediakan kepimpinan yang sedemikian. Beta khusus mengucapkan terima kasih terhadap usaha Tuan Presiden dalam membantu mencari penyelesaian yang adil terhadap banyak masalah yang kompleks di Palestin dan Timur Tengah.

Seperti yang Tuan Presiden maklum, perkara ini adalah menjadi kebaikan mendalam bagi rakyat kita dan kita mengalu-alukan sumbangan positif yang telah Tuan Presiden tawarkan kepada proses perdamaian berkenaan. Kita juga ingin mengucapkan tahniah terhadap komitmen Tuan Presiden bagi perdamaian dan kemajuan dalam Asia, khususnya sokongan Tuan Presiden bagi rundingan enam pihak dengan Korea Utara.

Seperti rakan seperjuangan dalam Dialog ASEAN-Russia dan Forum Serantau ASEAN, kita



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Santap Malam Rasmi yang disembahkan oleh Presiden Russia, Tuan Yang Terutama Vladimir V. Putin bertempat di Alexander Hall, Grand Kremlin Palace pada 7 Jun 2005.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris
oleh Haji Dayang Haji Kasim
dayang.kasim@information.gov.bn

gembira yang Tuan Presiden melihat diri Tuan Presiden sebagai rakan dalam hal-ehwal rantau yang sama-sama kita kongsi ini.

Bagi kita, kerjasama serantau dan antarabangsa ini telah memberikan kesan yang seterusnya. Ia telah membuka peluang-peluang untuk membangun lebih rapat kerjasama dua hala yang praktikal. Ini telah dapat dilihat dalam usaha yang sedang kita lakukan untuk memperluas ruang lingkup

kerjasama kita dalam pelancongan, pertahanan, pendidikan dan kebudayaan.

Jadinya, kita sangat gembira jika kita dapat menarik minat dari rakyat dan Kerajaan Russia dan beta berharap lawatan yang diadakan ini akan membantu untuk menggalak minat berkenaan.

Beta merasa gembira dengan perkembangan yang besar yang telah kita buat dalam membangun hubungan kita. Ianya telah

diwujudkan atas dasar persahabatan dan saling hormat-menghormati. Kita kini telah mewujudkan cara yang rasmi untuk membina apa yang telah kita capai setakat ini. Ini sememang adalah sangat penting.

Bagaimanapun, beta percaya, bahawa cara yang terbaik untuk memastikan bahawa ianya tetap kuat dan bertahan ialah melalui agensi kemanusiaan yang mudah. Dengan ini, apa yang beta maksudkan ialah mencari jalan bagi penduduk kita untuk saling mengenali dengan lebih baik lagi, berkongsi pengalaman, memperdalam kefahaman mereka dan menghargai antara satu dengan yang lain dan gembira menikmati peluang-peluang muhibah antarabangsa.

Dalam hubungan itu, beta secara peribadi sangat menghargai terhadap semua atur cara yang telah disusun untuk keberangkatan lawatan rasmi beta ini. Beta mengalu-alukan dengan penuh minat untuk melihat lebih banyak lagi bandar raya besar Tuan Presiden dan untuk melawati St. Petersburg, sebuah bandar raya bersejarah.

Bagaimanapun, melebihi dari segala-galanya, kita mengalu-alukan untuk menemui rakyat Tuan Presiden. Untuk itu, kita berharap untuk belajar lebih banyak lagi tentang sebuah negara yang telah pernah kita baca dan kaji di mana kita sangat menghargai untuk diberikan kebaikan dan persahabatan yang sedemikian rupa.

Sekian Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.

BAGI kita, kerjasama serantau dan antarabangsa ini telah memberikan kesan yang seterusnya. Ia telah membuka peluang-peluang untuk membangun lebih rapat kerjasama dua hala yang praktikal. Ini telah dapat dilihat dalam usaha yang sedang kita lakukan untuk memperluas ruang lingkup kerjasama kita dalam pelancongan, pertahanan, pendidikan dan kebudayaan.

Perpaduan, kerjasama kukuh penting dilaksanakan

Dari muka 1

Di samping itu, Negara Brunei Darussalam, titah baginda juga ingin menyumbang seberapa yang boleh bagi memastikan Sidang Kemuncak September nanti akan mencapai

kesepakatan, terutama sekali dalam usaha meletakkan pembangunan sebagai agenda utama masyarakat antarabangsa.

Dalam titah baginda di Sesi Pertama Sidang Kemuncak Kedua Negara-negara Selatan Kumpulan

77 dan China, baginda juga melahirkan penghargaan yang tinggi kepada Yang Teramat Mulia Sheikh Hamad bin Khalifa Al-Thani, Amir Qatar, kerajaan dan rakyat Negara Qatar di atas layanan baik dan sambutan yang mesra.

Hadiri mesyuarat di Mataram, Indonesia

BERAKAS, 20 Jun. - Jawatankuasa Nasional ASEAN COCI Negara Brunei Darussalam menghadiri Mesyuarat Ke-40 Komite ASEAN COCI di Mataram, Republik Indonesia bermula 21 hingga 24 Jun 2005.

Delegasi komiti Nasional ASEAN COCI Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut, Pengarah Penerangan selaku Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN COCI Negara Brunei Darussalam. Rombongan tersebut juga mengandungi lapan orang pegawai dari Komiti Kecil Kebudayaan dan Penerangan.

PENTADBIRAN YANG CEKAP BERSIH, AMANAH LAGI JUJUR

ANALISIS

Oleh JAAFAR HAJI IBRAHIM
jaafar.ibrahim@information.gov.bn

TANGGAL 24 Mei 2005, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengumumkan mengenai rombakan keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet Negara Brunei Darussalam. Pengumuman baginda itu tegasnya merombak barisan Menteri-menteri Kabinet. Maka serentak dengan rombakan itu, baginda telah mengumumkan perantikan-perantikan baru barisan Menteri-menteri kabinet dan timbalan-timbalan Menteri yang berkuat kuasa pada hari itu juga. Barisan rombakan Menteri-menteri Kabinet itu adalah bagi tempoh lima tahun akan datang sehingga tahun 2010 yang bermula pada hari Selasa, 15 Rabiulakhir 1426 bersamaan 24 Mei 2005.

Titah khas pengumuman itu disiarkan seluruh pelusuk tanah air menerusi Radio dan Televisyen Brunei kira-kira jam 5.20 petang. Sesungguhnya pengumuman baginda yang tidak disangka-sangka itu mengejutkan seluruh lapisan rakyat dan penduduk di negara ini. Pengumuman itu dikumandangkan serentak menerusi radio dan televisyen tanpa memberi 'signal' awal iaitu dengan menghebahkan pengumuman awal seperti yang sebelumnya.

Selaku rakyat yang bernaung di bumi Darussalam ini, kita melihat pengumuman pemimpin kita itu adalah tepat pada waktunya ketika Negara Brunei Darussalam terus mengorak langkah ke arah kemajuan dan pembangunan yang lebih cemerlang dan gemilang. Pengumuman itu jelas memperlihatkan kewibawaan dan karisma baginda yang sentiasa berusaha bagi memastikan negara kita terus maju dan mantap di masa akan datang khususnya di era globalisasi ini.

Ini selaras dengan titah baginda semasa Mengisytiharkan Penyesuaian Semula Menteri-menteri Kabinet dan Penubuhan Sebuah Kementerian Baru melalui Radio dan Televisyen Brunei pada 30 November 1988. Antara lain baginda bertitah menyatakan bahawa penyesuaian pentadbiran negara akan diperbaiki dan dihalusi lagi dari semasa ke semasa dan diselaras dengan keadaan dan keperluan negara. Berdasarkan titah baginda itu, kita melihat rombakan itu bukanlah sesuatu yang luar biasa dan mengejutkan. Cuma apa yang mengejutkan itu ialah cara pengumuman itu dibuat di mana ianya dibuat secara 'spontan' dan tidak dihebahkan lebih awal. Apa pun titah pengumuman khas itu adalah satu kurnia baginda yang amat 'berharga' kepada seluruh lapisan rakyat untuk terus memberikan kerjasama yang lebih jitu dan mantap kepada kerajaan dalam merealisasikan apa jua impian dan hasrat murni kerajaan dalam membawa bumi Darussalam ini terus maju jaya.

"Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana Negara Brunei Darussalam - di dalam perkara mengukuhkan pelbagai bidang - telah dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara lain.

Khususnya di bidang pemerintahan dan pengurusan kerajaan, kita telah membuktikan kemampuan kita yang tinggi yang sebanding dengan orang lain, di mana dengannya kita telah mencapai objektif-objektif negara dalam berbagai jurusan," titah baginda dalam titah pengumuman khas itu.

Menurut baginda lagi, Negara Brunei Darussalam telah berjaya mengekalkan keamanan dan kesejahteraan untuk dikecapi oleh sekalian rakyat dan penduduk. Pendek kata kerajaan baginda telah berhasil membawa rakyat dan penduduk negara ini menikmati keamanan dan kesejahteraan tersebut, sebagai hasil dari cara hidup kita menghormati dan mematuhi undang-undang serta peraturan, iaitu suatu cara kehidupan orang-orang bertamadun yang sangat-sangat diidamkan oleh semua negara di dunia.

Barisan Menteri-menteri Kabinet yang kini baru berumur 30 hari itu adalah kali ketiga dirombak oleh baginda sejak negara kita mencapai kemerdekaan lebih 20 tahun lalu. Rombakan pertama berlaku pada Oktober 1986 dan kedua pada 30 November 1988. Pembentukan pertama barisan Menteri-menteri Kabinet telah dibuat pada 1 Januari 1984 dan serentak dengan itu negara kita mula mengamalkan sistem berkementerian.

Rombakan yang diumumkan oleh baginda itu masih mengekalkan 12 kementerian sejak penyesuaian semula dan terakhir pada 1 Januari 1989. Tegasnya, dalam erti kata yang lain tiada tambahan kementerian atau diwujudkan kementerian baru seperti yang dilaporkan oleh media tempatan baru-baru ini.

Susunan kementerian-kementerian berkenaan seperti yang diumumkan oleh baginda ialah Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Kementerian Perhubungan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Apa yang menarik dalam rombakan baru itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengumumkan mengenai pewujudan satu portfolio baru itu jawatan Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri yang disandang oleh anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Di samping itu tiga jawatan Menteri baru juga diwujudkan iaitu Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri, Menteri Kewangan II (Kedua) dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II (Kedua).

Bagi memantapkan lagi jentera pentadbiran dan pengurusan kerajaan dan selaras dengan hasrat baginda untuk mewujudkan sistem pentadbiran negara yang lebih kemas, mantap dan efisien, lima jawatan Timbalan Menteri yang baru juga diwujudkan bagi Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Kementerian Perhubungan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan. Ini juga bermakna bahawa portfolio Timbalan Menteri telah diadakan bagi lima kementerian berkenaan kerana sebelum ini, kementerian-kementerian tersebut tidak mempunyai Timbalan Menteri.

Berikutan dengan rombakan itu, kita dapat menyaksikan jawatan Timbalan Menteri Kewangan dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri diadakan tetapi dinaikkan taraf menjadi Menteri iaitu Menteri Kewangan II (Kedua) dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II (Kedua).

Dengan rombakan baru itu, barisan Menteri-menteri Kabinet kini mengandungi 14 orang dalam keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan dibantu oleh 10 orang Timbalan Menteri.

Jika kita amat-amati secara terperinci, rombakan itu jelas sejajar dengan hasrat baginda untuk menghalusi lagi jentera pentadbiran kerajaan dan untuk meningkatkan lagi usaha-usaha pembangunan dan kemajuan Negara Brunei Darussalam yang berterusan di masa akan datang. Di samping itu sebagai satu cara untuk memberikan peluang kepada beberapa individu tertentu untuk mencurahkan khidmat berbakti dan menghulurkan sumbangan yang amat berharga kepada bangsa dan negara.

Ini bertepatan dengan titah baginda yang menekankan, "Bagi meneruskan apa yang dicapai itu dan juga sebagai cara untuk memberikan peluang kepada beberapa individu tertentu, maka beta ingin merombak keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan melantik beberapa lantikan baru."

Dalam rombakan itu, apa yang juga menarik ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia memberikan kepercayaan dan amanah kepada beberapa orang muka baru untuk dilantik menganggotai jemaah Menteri Kabinet dan Timbalan Menteri bahawa lantikan-lantikan itu sesungguhnya mencerminkan hasrat murni baginda bagi memantapkan lagi jentera Pentadbiran kerajaan baginda yang benar-benar lebih efisien, telus dan berdaya maju bagi meneruskan landskap pembangunan negara.

Sehubungan dengan itu, baginda penuh mengharap agar Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri yang baru dilantik akan dapat melak-

sanakan tugas-tugas, kuasa-kuasa dan kewajipan kewajipan yang diamanahkan kepada mereka dengan penuh ikhlas, jujur dan amanah serta teguh pula memegang ikrar dan konsep taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada baginda selaku tampuk pemerintahan negara ini.

"Segala ikrar dan peraturan hendaklah betul dan benar, jangan disulam dengan kepura-puraan walaupun sedikit, kerana tujuan kita semua ialah untuk mencari keselamatan di mana keselamatan itu berpunca atau bersumber dari keredaan Allah jua, iaitu apabila orang-orang yang diberi jawatan atau kuasa itu menjalankannya dengan lurus dan adil," titah baginda penuh mengharap.

Bagi kita selaku rakyat dan penduduk pula, tugas kita bukan hanya setakat berkeluk tubuh sebagai pemerhati atau 'tukang lihat' saja namun kita sebenarnya mempunyai amanah, tanggungjawab dan peranan yang sama dalam memastikan keamanan dan keselamatan Negara Brunei Darussalam agar tetap berpanjangan dan berkekalan setiap masa bagi masa depan anak cucu kita dan generasi muda akan datang.

Masanya bukan lagi untuk kita bercakap mengenai rombakan itu, tetapi yang penting bekerja keras, berazam lebih tekad serta lutan dalam membangun negara. Dalam erti kata yang lain kita perlu siap siaga dan memantapkan diri masing-masing dengan pelbagai ilmu dan kemahiran dalam meneruskan kesinambungan pembangunan. Ha-rapan mengungguli yang dikehendaki ialah agar seluruh lapisan rakyat dan penduduk di negara ini akan terus dapat memberikan sokongan dan kerjasama yang erat kepada kerajaan, khususnya dalam memelihara suasana keamanan, ketenteraman dan kemakmuran yang sedang kita nikmati.

Kita panjatkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala semogalah rombakan dan perantikan baru itu akan terus membawa Negara Brunei Darussalam ke mercu kejayaan yang lebih gemilang lagi dalam semua aspek pembangunan dan kemajuan. Hasrat dan matlamat kita hanya bertekad satu tujuan dan satu destinasi dengan mengharapkan semoga perubahan-perubahan itu akan dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan kelicinan jentera pentadbiran dalam kerajaan yang mana matlamat yang dikehendaki ialah satu pentadbiran yang cekap, bersih, amanah lagi jujur demi untuk kebaikan dan kemakmuran bumi kita yang bertuah ini serta bagi kesejahteraan semua lapisan rakyat dan penduduk jua.

Rombakan Menteri-menteri Kabinet baru-baru ini merupakan niat dan hasrat murni baginda untuk melihat Negara Brunei Darussalam terus cemerlang dan gemilang di arena antarabangsa. Ianya juga selaras dengan hasrat baginda untuk memperbaiki dan menghalusi lagi penyesuaian pentadbiran negara dari masa ke semasa dan yang penting sekali untuk meningkatkan lagi usaha-usaha pembangunan terutama dalam usaha kerajaan baginda untuk memantap dan memajukan ekonomi Negara Brunei Darussalam.

Timbalan Sultan menerima mengadap Utusan Khas Presiden Brazil

BANDAR SERI BEGAWAN, 13 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir

Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Timbalan Sultan, hari ini berkenan

menerima mengadap Tuan Yang Terutama Luiz Augusto de Araujo Castro, Duta Besar Brazil ke Me-

xico dan Utusan Khas Presiden Brazil. Majlis berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan.

Duli Yang Teramat Mulia dan Tuan Yang Ter-

utama pada perjumpaan itu bertukar-tukar pandangan mengenai hal-ehwal dua hala dan antarabangsa.

Di majlis itu, Duli Yang Teramat Mulia juga me-

nyebarkan warkah dari Tuan Yang Terutama Lula de Silva, Presiden Brazil ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Tuan Yang Terutama berada di negara ini bagi lawatan selama tiga hari.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Timbalan Sultan berkenan menerima mengadap TYT Luiz Augusto de Araujo Castro, Duta Besar Brazil ke Mexico. - Gambar oleh Masri Osman.

Berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 11 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Timbalan Sultan, hari ini berkenan menerima mengadap Yang Berhormat De-Anne Kelly MP, Menteri Bagi Hal Ehwal Bekas Perajurit dan Menteri Pembantu kepada Menteri Pertahanan Australia. Majlis berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan.

Duli Yang Teramat Mulia mengalu-alukan

Yang Berhormat dan berbincang mengenai perkara-perkara dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Australia.

Yang Berhormat dan sebelas bekas perajurit Perang Dunia II pada masa ini sedang dalam rangka lawatan di rantau ini bagi memperingati ulang tahun ke-60 pendaratan tentera Australia di Borneo. Rombongan berkenaan telah singgah di Balikpapan, Tarakan dan Labuan.

Yang Berhormat berada di negara ini bagi lawatan dua hari.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Timbalan Sultan, berkenan menerima mengadap Yang Berhormat De-Anne Kelly MP, Menteri Bagi Hal Ehwal Bekas Perajurit dan Menteri Pembantu kepada Menteri Pertahanan Australia. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Sidang Kemuncak Kedua Negara-negara Selatan Kumpulan 77 dan China di Doha

Deklarasi Doha beri tumpuan kepada isu pembangunan

DOHA, QATAR, 16 Jun. - Pemimpin-pemimpin Sidang Kemuncak Kedua Negara-negara Selatan Kumpulan 77 dan China telah meluluskan Deklarasi Doha dan Pelan Tindakan Doha di majlis penutup sidang itu di sini.

Majlis dimulakan dengan ucapan penghargaan kepada Negara Qatar sebagai negara penganjur dari negara El-Salvador sebagai wakil Kumpulan 77 diikuti ucapan penutup oleh Perdana Menteri Jamaica yang juga selaku Pengerusi Kumpulan 77, Yang Amat Berhormat Percival J. Patterson dan diakhiri dengan ucapan Yang Teramat Mulia Sheikh Hamad bin Khalifa Al-Thani, Emir Negara Qatar.

Deklarasi Doha merupakan dokumen yang banyak memupuk perhatian terhadap pelbagai isu yang penting kepada Kumpulan 77 dan China terutamanya yang berkaitan dengan pembangunan.

Ianya antara lain menekankan keperluan bagi meningkatkan kerjasama di semua bidang di kalangan negara-negara yang sedang membangun dalam Kumpulan 77 dan seterusnya peningkatan yang berterusan terhadap perpaduan di kalangan Negara-negara Selatan bagi membantu negara-negara miskin kumpulan ini dalam semua aspek pembangunan agar mereka dapat keluar dari belenggu kekurangan dalam banyak segi.

Dalam hal ini banyak negara menyuarakan kesediaan menghulurkan bantuan kepada negara-negara anggota Kumpulan 77 yang miskin dalam aspek pembangunan. Antaranya ialah Negara Qatar sendiri telah menyumbangkan US\$20 juta bagi membantu Ne-

gara-negara Selatan dalam usaha-usaha pembangunan di bidang ekonomi, sosial, kesihatan dan pendidikan, dan untuk mengatasi masalah kebuluran, kemiskinan dan bencana manusia.

Bagi tujuan itu, Negara Qatar telah menubuhkan dan menjadi tuan rumah bagi inisiatif kepada 'Dana Pembangunan dan Bantuan Perikemanusiaan Bagi Negara-negara Selatan'.

Di samping itu Deklarasi Doha juga melancarkan penghargaan kepada Kerajaan China dan India di atas sumbangan mereka masing-masing berjumlah US\$2 juta kepada dana berkenaan.

Deklarasi Doha juga telah mengenal pasti isu dan cabaran seterusnya mencadangkan beberapa langkah bagi menghadapinya. Di antaranya ialah perlunya meningkatkan Kerjasama Selatan-selatan dan pelaksanaan langkah-langkah dan inisiatif khusus bagi mencapai objektif-objektif Deklarasi Marrakech dan Rangka Kerja Marrakech bagi pelaksanaan Kerjasama Selatan-selatan.

Dokumen dalam Deklarasi Doha juga menyeru dan menggalakkan pembangunan melalui dialog yang berterusan dan pada waktu yang sama menyediakan suasana yang sesuai bagi kerjasama antarabangsa dengan mengambil kira berbilang agama dan kebudayaan.

Deklarasi itu juga telah menekankan betapa mustahaknya 'good governance' dan pemerintah mengikut undang-undang untuk memberi daya tahan kepada pertumbuhan ekonomi, pembangunan yang berdaya tahan dan membasmi kemiskinan dan kebuluran. Dalam mencapai tujuan itu perlunya bagi mewujudkan keseimbangan dan

Laporan Zabaidah Haji Salat
zabaidah.salat@information.gov.bn
Gambar-gambar oleh
Abdullah Haji Awang Damit



keadilan dalam sistem antarabangsa.

Di samping itu deklarasi tersebut juga menekankan pentingnya bagi penyelesaian segera secara adil terhadap isu Palestin dalam semua aspek bagi mencapai keamanan di Timur Tengah secara berkekalan dan menyeluruh dan deklarasi ini menyeru pihak-pihak yang terlibat bagi menghentikan dengan segera semua kegiatan pendudukan haram Israel di Wilayah Palestin yang diduduki, termasuk Jerusalem Timur (East Jerusalem) dan Wilayah Golan di Syria.



PARA pemimpin 132 negara yang sama-sama menghadiri Sidang Kemuncak Kedua Negara-negara Selatan Kumpulan 77 dan China di Doha, Qatar.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Pembukaan Rasmi Sidang Kemuncak Kedua Negara-negara Selatan Kumpulan 77 dan China di Dewan Al-Dafna, Hotel Sheraton Doha.

Berangkat ke Pembukaan Rasmi Sidang Kemuncak G 77 + China

DOHA, QATAR, 15 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat menghadiri Majlis Pembukaan Sidang Kemuncak Kedua Negara-negara Selatan Kumpulan 77 dan China, Majlis berlangsung di Dewan Al-Dafna, Hotel Sheraton di sini.

Keberangkatan tiba baginda di Hotel Sheraton Doha telah dialu-alukan oleh Yang Teramat Mulia Sheikh Hamad bin Khalifa Al-Thani, Emir Qatar.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian berkenan beredat bersama pemimpin-pemimpin Negara-negara Selatan dan China ke Dewan Al-Salwa bagi sesi bergambar ramai.

Sidang Kemuncak Kedua Kumpulan 77 dan China telah dibuka rasmi oleh Yang Teramat Mulia Sheikh Hamad bin Khalifa Al-Thani, Emir Qatar, yang juga memberikan ucapan pembukaan. Juga memberikan ucapan di majlis pembukaan itu ialah Perdana Menteri Jamaica selaku Pengerusi Kumpulan 77, Yang Amat Berhormat Percival J. Patterson; Presiden Nigeria, Tuan Yang Terutama Chief

Olusegun Obasanjo; Naib Presiden Cuba, Tuan Yang Terutama Carlos Lage; Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga selaku Pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM); Presiden Persidangan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, Tuan Yang Terutama Jean Ping; Menteri Kerjasama dan Tindakan Kemanusiaan Luxembourg, Tuan Yang Terutama Jean-Louis Shiltz dan Wakil Setiausaha Agung PBB, Puan Yang Terutama Louise Frechette.

Di sebelah tengah hari, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat

ke Majlis Santap Tengah Hari bersama pemimpin-pemimpin Kumpulan 77 yang lain diberikan oleh Yang Teramat Mulia Emir Qatar bersempena Sidang Kemuncak Kedua Negara-negara Selatan dan China di Hotel Sheraton Doha.

Baginda kemudiannya berkenan berangkat ke Sesi Pertama Sidang Kemuncak bersama-sama dengan pemimpin-pemimpin Kumpulan 77 dan China yang antara lain membincangkan agenda persaingan pembangunan Negara-negara Selatan untuk dibentangkan di Sesi Plenari Tertinggi di Perhimpunan Agung Ke-60 di New York September depan.

Pelan Tindakan Doha sediakan empat dokumen penting

DOHA, QATAR, 16 Jun. - Kumpulan 77 dan China menyeru negara-negara maju untuk menyumbang dan memberi bantuan kepada negara kumpulan ini bagi merapatkan jurang

antara negara kaya dan miskin.

Draf ketetapan itu telah diluluskan oleh Sidang Kemuncak Negara-negara Selatan Kumpulan 77 dan

China di sidang keduanya di sini yang terus menyeru negara-negara kaya untuk terus meningkatkan dan menjelaskan hutang mereka melalui ODA (Official Development Assistance) kepada 0.7 peratus daripada GNP.

Sasaran tersebut telah ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu beberapa tahun yang lalu tetapi kebanyakan negara-negara industri masih mengelak dari membuat pertemuan.

Pelan Tindakan Doha di sidang kemuncak ini juga telah menyokong dan memberikan cadangan-cadangan bagi empat perkara penting yang patut dilaksanakan dalam Kumpulan 77 dan China.

Empat perkara tersebut ialah Globalisasi; Meningkatkan Ilmu Pengetahuan dan Teknologi; Kerjasama Selatan-selatan dan Hubungan Antara Negara-negara Membangun dan Negara-negara Yang Sedang Membangun (North-South Relation).

Pelan ini telah menekankan keperluan untuk membasmi kemiskinan dan mencapai pertumbuhan ekonomi dan pembangunan yang berdaya

tahan di Negara-negara Selatan dan menyeru bagi pelaksanaan langkah-langkah dan inisiatif yang terkandung dalam Rangka Kerja Marrakech bagi pelaksanaan Kerjasama Selatan-selatan dan bidang sains dan teknologi dan menggalakkan pendidikan dan memperbanyakkan cara dan penggunaan teknologi perhubungan maklumat bagi pembangunan.

Dokumen ini juga mengiktiraf UNCTAD sebagai komponen penting dalam sistem ekonomi antarabangsa, terutama sekali peranannya yang bebas dalam menyediakan penganalisaan dan nasihat dasar serta peranannya yang penting untuk mewujudkan persetujuan dalam perkara-perkara pembangunan.

Pelan ini juga menggesa untuk mendapatkan sokongan daripada UNCTAD dalam memastikan kemajuan dicapai daripada perdagangan antara-bangsa dan komoditi dan terus menggalakkan perdagangan di kalangan Negara-negara Selatan dan peningkatan kepayaan bagi perundingan perdagangan.

Sidang Kemuncak Kedua Negara-negara Selatan Kumpulan 77 dan China di Doha



Berangkat hadiri Majlis Santap

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Tengah Hari yang disembahkan oleh Yang Teramat Mulia Sheikh Hamad bin Khalifa Al-Thani, Amir Qatar dan isteri. Majlis berlangsung di Istana Wajba di Doha pada 16 Jun. Gambar atas baginda berbual mesra bersama Yang Teramat Mulia Amir Qatar.

Berangkat balik meninggalkan Doha

DOHA, QATAR, 18 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat balik meninggalkan Doha, Qatar setelah menghadiri Sidang Kemuncak Kedua Negara-negara Selatan Kumpulan 77 dan China. Sebelum berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Doha, doa selamat telah dibacakan oleh

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Hadir di lapangan terbang untuk menyebarkan selamat berangkat balik ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Kuasausaha Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di sini, Awang Haji Nor-din bin Haji Ahmad.

Sidang Kemuncak Negara-negara Selatan Kumpulan 77 dan China diadakan lima tahun sekali, yang mana sidangnya yang pertama telah diadakan di Havana, Cuba pada tahun 2000, manakala Sidang Kemuncaknya yang akan datang dijangka akan diadakan di Afrika pada tahun 2010.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah para pegawai Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam sejurus sebelum berlepas meninggalkan Doha, Qatar.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersalaman mesra bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Gyanendra Bir Bikram Shah Dev, Raja Nepal.

Perjumpaan dua hala

Laporan Zabaidah Haji Salat
zabaidah.salat@information.gov.bn
Gambar-gambar oleh
Abdullah Haji Awang Damit

DOHA, QATAR, 15 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengadakan perjumpaan dua hala secara berasingan bersama dua pemimpin dalam Kumpulan 77.

Mula-mula baginda berkenan mengadakan perjumpaan bersama Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Raja Gyanendra Bir Bikram Shah Dev, Raja Nepal. Diikuti kemudiannya bersama Tuan Yang Terutama Presiden Mathieu Kerekou dari Republik Benin.

Dalam perjumpaan-perjumpaan tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kedua-dua pemimpin berkenaan telah membincangkan usaha untuk meningkatkan kerjasama dua hala.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan perbincangan dua hala bersama Tuan Yang Terutama Presiden Mathieu Kerekou dari Republik Benin.

DPMM berkenan menerima mengadap Duta Besar ke Oman

BANDAR SERI BEGAWAN, 7 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, hari ini berkenan menerima me-

ngadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Awang Haji Adam bin Haji Ahmad.

Setiasusaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail turut

Oleh Abd. Karim Haji Abu Bakar
karim.abubakar@information.gov.bn

hadir di Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Tuan Yang Terutama telah menjunjung Surat Watakah Perlantikan daripada ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada hari Khamis, 26 Mei 2005. Tuan Yang Terutama sebelum ini adalah Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri semasa berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Awang Haji Adam bin Haji Ahmad. - Gambar oleh Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassin.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan ketika berucap di Majlis Perjumpaan Bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-59. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Sesi Dialog antara PDB dan Pejabat Peguam Negara

GADONG, 9 Jun. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) mengadakan Sesi Dialog bersama Pejabat Peguam Negara berlangsung di Mes Pegawai Ibu Pejabat PDB di sini.

Beberapa orang Ketua Pegawai Polis Daerah, Pegawai-pegawai Jenayah Daerah dan Pegawai-pegawai Trafik Daerah serta Pegawai-pegawai Polis yang lain menyertai sesi dialog tersebut bersama Pegawai-pegawai Perundangan dari Pejabat Pe-

guam Negara.

Antara isu yang ditekankan dalam sesi dialog itu termasuklah mengenai tatacara pengendalian bukti, pencatatan kenyataan, beberapa prosedur penyiasatan, masalah-masalah di samping mengenal pasti dan kelemahan yang dapat melicinkan proses kerja kedua-dua pihak.

Sesi dialog selama dua hari itu dianjurkan bersama

Daerah Brunei dan Muara sediakan 26 acara sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke -59

BERAKAS, 8 Jun. - Sebanyak 26 jenis acara akan diadakan di Daerah Brunei dan Muara sepanjang Sambutan ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, antaranya termasuklah keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bercemer duli dan beramah mesra bersama rakyat, perlawanan dan pertandingan permainan tradisi, acara-acara bercorak keagamaan

Oleh Siti Seri Leila Imelda Farrah Zohre Haji Abdullah

dan lain-lain.

Sehubungan itu penglibatan, keramaian dan kehadiran semua peringkat lapisan rakyat dan penduduk di Daerah Brunei dan Muara secara langsung menunjukkan bahawa perpaduan, kemuafakatan, sokongan dan kekukuhan kerjasama di kalangan rakyat dan penduduk di daerah itu sentiasa teguh dan saling bantu-membantu dalam mengukuhkan apa jua atur cara yang bermanfaat dan berkebaikan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Ber-

hormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan menyatakan demikian di Majlis Perjumpaan Bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-59 bagi Daerah Brunei dan Muara berlangsung di Bilik Gerakan Silaturahim, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Menurut Yang Berhormat, tujuan perjumpaan tersebut antara lain ialah untuk meninjau, mendengar dan mengetahui se-

cara lebih dekat lagi mengenai persediaan, persiapan dan perkembangan mutakhir yang telah, sedang atau akan diukayahkan oleh Jawatankuasa Perayaan khususnya dalam acara yang melibatkan keberangkatan baginda.

Yang Berhormat dalam perjumpaan itu juga mengambil kesempatan bertukar-tukar fikiran, pandangan dalam sama-sama memperbaiki, menyemarak dan mempertingkatkan lagi acara-acara perayaan demi kesempurnaan, kemegahan dan meramaikan lagi sambutan perayaan ulang tahun Hari Keputeraan. Kebawah

DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ketika berucap Yang Berhormat juga memaklumkan bahawa bagi menandakan bermulanya acara-acara sambutan perayaan, penarikan atau pengibaran Bendera Besar Rasmi Negara Brunei Darussalam akan diadakan pada pagi Jumaat, 1 Julai 2005 bertempat di kawasan lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanali Bolkiah di ibu negara.

Yang Berhormat seterusnya menyeru Penghulu-penghulu Mukim Ketua-ketua Kampung dan Ketua-ketua Rumah Panjang supaya akan dapat menasihati anak-anak buah masing-masing untuk sama-sama mengibarkan bendera rasmi negara pada tarikh tersebut.

Bangunan-bangunan sama ada di sektor kerajaan, gedung-gedung, kompleks perniagaan dan perusahaan, rumah-rumah kediaman dan persendirian juga diseru untuk sama-sama menunjukkan perpaduan, sokongan, dukungan perasaan patriotik dan ketaatsetiaan yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



PARA Penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Ketua-ketua Rumah Panjang ketika hadir di Majlis Perjumpaan Sempena Sambutan Hari Keputeraan. - Gambar oleh Ramli Tengah.

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

MASAM MANIS DUNIA PELAJAR

yang tidak mengizinkan dan kekhuatiran dari akibat kemiskinan biarpun seluruhnya ditanggung oleh kerajaan.

Memang tahun-tahun sebelum 1950-an itu sudah ramai anak-anak Brunei keluar negeri, namun bidang yang dituju lebih banyak pada bidang perguruan, sedikit bidang pertanian dan pentadbiran termasuk dalam rancangan Latihan Dalam Perkhidmatan. Tahun 1950-an itu kelihatannya menyerlahkan lebih ramai dan lebih luas lagi jurusan yang ditawarkan termasuklah bidang pengajian agama dan bidang-bidang yang lain yang menuju ke peringkat yang setinggi-tingginya seperti dalam bidang perubatan dan kesihatan, undang-undang, ekonomi dan sosial dengan tidak mengabaikan bidang perguruan itu sendiri. Lalu, perkembangan itu berjalan terus disebabkan hasrat kerajaan yang sangat besar untuk melihat lebih ramai lagi anak-anak Brunei yang berilmu dan selanjutnya berperanan dalam mentadbir negara dan seterusnya menjadi tuan di negeri sendiri.

Dalam perkara 'meninggi taraf' di kalangan mereka yang sedang berkhidmat pada waktu itu, Latihan Dalam Perkhidmatan merupakan kemudahan yang banyak ditawarkan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan dalam semua jabatan yang wujud ketika itu untuk dihantar ke beberapa institusi yang berkaitan dengan bidang mereka malah ada yang sampai mencapai peringkat ijazah dari pelbagai universiti. Namun untuk sampai ke tahap pengajian tinggi itu termasuk kelayakan untuk mendapatkan peluang dalam Skim Latihan Dalam Perkhidmatan atau dalam Skim Cuti Belajar, seseorang itu akan biasanya terpaksa melalui pelbagai ujian dalam proses mendapatkan kelayakan.

Dengan demikian, antara pelajar biasa dengan mereka yang dihantar menerusi skim-skem sedemikian dari segi statusnya adalah

tetap sebagai pelajar biarpun berlaku beberapa perbezaan. Ini adalah hal yang biasa, kerana perbezaan itu terjadi adalah atas asas antara 'yang sedang berkhidmat' dan dengan yang berstatus 'pelajar', biarpun antara kedua-duanya itu ada yang belajar dalam institusi yang sama dan masing-masing membawa atau menyematkan kad penuntut yang sama juga. Hal begini kita ambil sebagai contoh yang menunjukkan bahawa tahun 1950-an itu sebagai tahap penerobosan ke arah kesedaran terhadap pendidikan moden dan sekali gus akan kepentingan ilmu moden yang perlu diraih oleh anak-anak Brunei yang berkemampuan untuk mencapainya.

Antara negara yang menjadi tumpuan penghantaran anak-anak Brunei untuk menuntut ilmu itu ialah seperti Republik Singapura dan Tanah Melayu atau Malaysia yang bukan sahaja disebabkan kedua-dua negara itu berdekatan dengan Brunei dan dengan demikian dianggap lebih mudah dalam pengurusan, tetapi juga, banyak pandangan yang mengarah kepada fahaman kerantauan dan melihat kepada jurusan geografi yang tidak banyak berbeza malah masih dilihat dalam lingkungan rumpun Melayu yang banyak mendukung kepada keyakinan yang 'meragapkan' hati terutamanya di kalangan keluarga yang bersangkutan dengan pelajar-pelajar itu. Maka tidak hairan kiranya kedua-dua negara itu adalah antara yang menjadi fokus kebanyakan anak-anak Brunei yang ingin meneruskan pelajaran. Demikian juga dengan mereka yang mengikuti berbagai kursus di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan, maka Singapura dan Tanah Melayu itu merupakan tempat yang sangat menarik perhatian. Dengan demikian, mungkin ramai di antara kita yang kebetulan melancang ke Singapura dan ke negeri-negeri di Tanah Melayu pada sekitar tahun-tahun 1950-an itu menemui adanya orang-orang Brunei di situ

baik selaku pelajar ataupun yang sedang dalam latihan.

Selain dari Republik Singapura dan Malaysia itu, United Kingdom adalah antara destinasi yang awal yang dituju oleh pelajar-pelajar Brunei dalam tahun-tahun tersebut. United Kingdom juga melahirkan ramai anak-anak Brunei yang berkebolehan tinggi dan berkaliber dalam pentadbiran dan pengendalian negara. Demikian juga Mesir di Universiti Kaherahnya cukup dikenal sebagai penyumbang besar dalam melahirkan ilmuwan Islam kita yang bertaraf tinggi dan dapat membantu kecemerlangan keagamaan di kalangan rakyat dan penduduk negara ini yang juga turut dikenali di dunia Islam antarabangsa.

Dengan demikian itu, pencapaian darjah pendidikan dalam pelbagai cabang ilmu yang tinggi itu, Negara Brunei Darussalam kini dapat memiliki rakyat dan penduduknya dalam kualiti pendidikan yang banyak memberi kekuatan untuk menjamin keutuhan sebagai negara yang aman makmur lagi berkesejahteraan.



PARA penuntut Brunei di Republik Singapura dalam tahun 1975.

DUNIA pelajar merupakan tahap-tahap diari hidup yang sangat penting pada setiap orang yang pernah mengharunginya. Tahap-tahap itu, di antaranya, ada yang sangat sukar untuk dilupakan dan ada juga yang mudah sahaja lupa, ada yang tidak suka mengingatkannya, ada yang berbangga kerananya, ada yang suka bermegah-megah kerananya dan ada pula yang menganggapnya sebagai sesuatu yang wajar-wajar sahaja, ada yang biasa-biasa sahaja atau yang membawa pengertian yang pelbagai dan hanya mereka sahajalah yang tahu. Tetapi yang penting pada semua itu ialah akhiran perjalanan dalam mencapai puncak cita-cita terhadap pelajaran yang dikejar dan ilmu yang didapat itu.

Semua perkara yang kita sebutkan di atas itu memang antara satu dengan yang lainnya itu sangat berkaitan dan sangat tali-temali dalam konteks prosesnya untuk menjadikan seseorang itu memasuki era pelajar di gerbang lanjutan setelah melalui pengajian rendah dan menengah. Di sekitar tahun 1950-an, bidang pelajaran adalah satu sektor yang sangat susah untuk dicapai. Sebut sahaja sekolah, belum tentu mudah diterima orang. Hal yang demikian ini tidak sahaja berlaku di kalangan kita bahkan juga di kalangan orang lain di sekitar kita terutama yang berpegang teguh kepada budaya hidup yang sangat kuat meligari kehidupan di waktu itu. Cerita sekolah mencari murid sudah biasa kita dengar apabila orang memperkatakan tentang sejarah persekolahan. Ia adalah bayangan bagaimana sekolah itu dianggap tidak penting dan tidak akan membawa faedah apa-apa melainkan bakal membawa 'penentangan' terhadap budaya dan cara hidup yang wujud pada waktu itu. Namun, lambat-laun, keadaan yang demikian itu akhirnya luruh juga setelah pelajaran itu membuahkan beberapa perubahan baru dalam hidup mereka setiap hari. Pandangan budaya yang selalu mengait-ngaitkannya dengan agama dan dengan adat resam akhirnya terpaksa berundur dan ruang kepada pelajaran itu semakin luas.

Sekitar tahun-tahun 1950-an itu, kita kira adalah tahun-tahun semakin longgarnya halangan kepada anak-anak Brunei untuk melangkah kaki ke tempat yang lebih jauh lagi untuk mendapatkan pelajaran dan ilmu yang sangat diperlukan oleh negara. Halangan yang kita sebutkan itu bukan yang terbit dari dasar kerajaan atau negara tetapi tidak lain dan tidak bukan adalah akibat kuatnya pegangan kepada budaya hidup yang disebutkan di atas tadi selain dari beberapa faktor lain terutamanya kesihatan

KAN HALNYA

SUARA IMAN DAN KANAK-KANAK

MASALAH kanak-kanak berbuat bising semasa menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat termasuk semasa khatib membaca khutbah di masjid-masjid dan surau-sarau bukan perkara baru. Dan langkah-langkah untuk menanganinya juga telah banyak dibuat khususnya oleh Pegawai-pegawai Masjid sendiri dan juga pihak-pihak yang berkenaan serta di kalangan ibu bapa sendiri. Namun masalah itu nampaknya terus berulang, bukan di satu dua masjid tetapi hampir menyeluruh di mana kanak-kanak ramai mengunjungi masjid yang pada tujuan asalnya memang untuk sama-sama menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat. Mereka datang bersama orang tuanya dan juga yang datang sendirian.

Kehadiran mereka, sama ada kanak-kanak itu sudah 'mumayiz' atau 'akil baligh' adalah memang tuntutan agama. Cuma kanak-kanak yang baru mumayiz (tahu buruk baik sesuatu) belum diwajibkan, tetapi sudah perlu dilatih dan dibimbing menunaikan ibadat tersebut. Manakala kanak-kanak yang

OLEH HAJI TIMBANG BAKAR
timbang.bakar@information.gov.bn

sudah akil baligh wajib atas dirinya mendirikan sembahyang dan kalau mereka ingkar ibu bapa boleh memukul anak mereka itu. Demikianlah pentingnya ibadat sembahyang tersebut kerana ia merupakan tiang agama.

Soalnya, apabila kanak-kanak dibawa atau disuruh menunaikan sembahyang ke masjid, lain pula yang mereka lakukan (tidak semua). Kalau kita perhatian mereka lazimnya akan duduk di pisuk-pisuk atau di belakang

masjid. Mereka bukan sahaja bising bercakap-cakap atau bergurau senda, malahan juga ada yang berkejar-kejaran sehingga khutbah tidak kedengaran dan konsentrisasi sembahyang para jemaah juga terganggu oleh keonaran mereka. Jadi, ada dua suara yang kedengaran, satu suara imam dan satu lagi suara kanak-kanak. Sewaktu khatib membaca khutbah dan dalam menunaikan sembahyang sudah tentu kita tidak dapat berbuat apa-apa untuk melarang atau

menghentikan perbuatan kanak-kanak tersebut.

Perkara ini seolah-olah satu dilema - kalau kanak-kanak tidak digalakkan ke masjid - salah. Kalau mereka ke masjid tetapi bising, juga salah. Bagaimanapun jua bukan tuntutan agama itu yang salah.

Kalau kita perhatikan ada kanak-kanak yang bersama orang tuanya dalam saf jemaah yang lain. Sewajarnya anak-anak itu mengambil tempat di barisan belakang selepas jemaah dewasa, namun dalam konteks untuk mengawal supaya anak-anak itu me-

matuhi dan mengikut rukun serta tatatertib sembahyang yang sebenarnya cara ini lebih berkesan. Kita maklum saja, namanya kanak-kanak mereka suka bebas bergerak dan membuat olah mengikut kehendaknya. Nah di sini kita menerima isyarat dari mereka bahawa kita perlu tegas dan memberi penjelasan yang cukup sehingga mereka benar-benar mengerti dan tidak mahu melakukan larangan-larangan itu lagi.

Nampaknya, sekadar memberi amaran sebelum sembahyang memang belum cukup,

pihak sekolah, ibu bapa dan pegawai-pegawai masjid perlu mencari jalan yang boleh memberi kesan termasuklah cara pengawalan yang boleh menghalang kanak-kanak dari berbuat bising dan sebaliknya mereka patuh mengikut tatatertib ibadat serta adab-adab di masjid supaya ibadat dan amalan kita semua lebih sempurna.

Kan Halnya, di samping kita merasakan kemanisan dengan keramaian golongan remaja dan kanak-kanak datang ke masjid itu dalam masa yang sama kita juga terpaksa menelan kepahitannya.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Timbalan Sultan semasa berkenan mengurniakan jamuan santap malam bagi Menteri Hal Ehwal Luar Jepun, Tuan Yang Terutama Nobutaka Machimura (kanan), sementara gambar kiri, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Jepun, Tuan Yang Terutama Nobutaka Machimura. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi Hj. Duraman

Menteri Hal Ehwal Luar Jepun diraikan

Oleh Abd. Karim Hj. Abu Bakar
karim.abubakar@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, 9 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Timbalan Sultan malam tadi berkenan mengurniakan jamuan santap malam bagi Menteri Hal Ehwal Luar Jepun, Tuan Yang Terutama Nobutaka Machimura di Balai Penghadapan Bukit Kayangan.

Sejurus sebelum jamuan santap malam, Duli Yang Teramat Mulia dan Tuan Yang Terutama telah

membincangkan hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Jepun serta bertukar-tukar pandangan dalam hal-ehwal serantau dan antarabangsa.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri juga berangkat sama di majlis itu.

Tuan Yang Terutama adalah dalam rangka lawatan dua hari ke negara ini.

130 unit telefon bimbit hilang

BERAKAS, 11 Jun. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), Daerah Polis Berakas kini berusaha bagi mendapatkan semula jumlah 130 unit telefon bimbit jenama Nokia dari pelbagai jenis yang telah dijual kepada orang ramai secara pasaran gelap.

Menurut Daerah Polis Berakas sebanyak 150 unit telefon bimbit berjenama Nokia telah hilang waktu dalam simpanan di bangunan Pusat Kargo Udara Antarabangsa Brunei (BIACC) dan dipercayai dicuri.

Hasil siasatan PDB, lapan orang dipercayai terlibat dalam kes kehilangan atau dicuri itu dengan empat warga tempatan dan

empat warga asing.

Setelah disoal siasat tiga daripada mereka direman untuk siasatan lanjut seorang daripadanya warga asing yang kesemuanya pekerja sebagai 'Service-men' di BIACC.

Ketika dalam siasatan, mereka memberitahu pihak Polis bahawa kesemua telefon bimbit itu telah dijual dengan harga yang murah kepada orang ramai dan setakat ini pihak PDB telah menemui semula 20 unit telefon yang dijual.

Oleh yang demikian pihak Polis menyarankan

kepada orang ramai agar tidak membeli sebarang telefon bimbit yang tidak pasti kesahihan penjualannya, kerana dikuatiri telefon tersebut termasuk telefon curi atau ada hubungan dengan kes tersebut.

Menurut pihak PDB sesiapa yang memiliki atau menyimpan barang curi mengikut akta yang ada sabit kesalahan boleh didenda dan akan dipenjarakan tiga tahun, manakala si penjual barang curi boleh didenda atau penjara lima dan sipencuri boleh didenda atau hukuman tujuh tahun.

Dari meja...

PERHUBUNGAN AWAM

Sumber maklumat untuk biskita

KELOLAAN
JAWATANKUASA PERHUBUNGAN AWAM
KEMENTERIAN-KEMENTERIAN
DAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KEMENTERIAN KESIHATAN

* 26 Jun 2005: - Simposium Hari Tembakau Sedunia 2005. Maklumat lanjut: Ramlan/Dayang Hajah Hamsah. Tel: 2380989/ 2381640.

* 29 - 30 Jun 2005: - Jerayawara Perkhidmatan Kemalangan dan Kecemasan bertempat di Kementerian Pendidikan. Maklumat lanjut: Awang Ramlan/Marsini. Tel 2380989/2381640.


* Hari Ahad 3 Julai 2005: - Simposium Hari Tembakau Sedunia 2005. Maklumat lanjut: Awang Ramlan/Hajah Hamsah. Tel 2380989/2381640.

* 30 - 31 Julai 2005: - 1st International Anaesthesia, Critical Care Medicine and Pain Conference In Brunei Darussalam. Maklumat lanjut: Hajah Hamsah/Hajah Mahanum. Tel 2380989/2381640.

PEPERIKSAAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN BRUNEI (BAS) DAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN DALAM TANGGAGAJI B2/B2 EB3

* Hari Ahad 26 Jun 2005: - Peraturan-peraturan Kewangan. - Jam 8.30 - 11.30 pagi.

* Hari Isnin 27 Jun 2005: - Undang-undang Am Negara Brunei Darussalam (General Laws). - Jam 8.30 - 11.30 pagi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berbual mesra bersama Menteri Negara Bagi Hal Ehwal Keluarga Negara Qatar, Tuan Yang Terutama Sheikh Mohammad bin 'Eid Al-Thani yang menjunjung keberangkatan tiba baginda di Doha.



DOA selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz, Mufti Kerajaan sejurus sebelum meninggalkan Doha (kiri). Sementara gambar kanan, baginda berkenan menerima junjung ziarah Kuasausaha Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Doha, Qatar, Awang Haji Nordin bin Haji Ahmad sebelum berangkat meninggalkan Doha.



DOHA, QATAR. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat bagi memukemak Kedua Negara-negara Selatan Kumpulan 77 dan China) pada 15 dan 16 Jun lepas di sini.

Keberangkatan tiba baginda di Lapangan Terbang Antarabangsa telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Menteri Negara B. Keluarga Negara Qatar, Tuan Yang Terutama Sheikh Mohammed Thani. Juga berada di lapangan terbang bagi menjunjung dan keberangkatan tiba baginda ialah Kuasasasaha Sementara.

Negara Brunei
sini, Awang H
Haji Ahmad.

Kebawah I
Mulia Paduka
Sultan dan Y
Negara Brun
akan berkenan
Sidang Kemur
gara-negara Se
77 dan China
Dafna, Hotel
Sidang itu di
ketua negara
negara-negara
Afrika, Amer
Carribean, Ju
Setiausaha Ag
Bangsa-Bangs
(PBB), Tuan
Kofi Annan.

Kumpulan
tuk pada 15 Ju
negara memi
pakan forum b
ekonomi ber
negara membe
jasama teknik
negara-negara

Soal-soal adalah antara dibincangkan kali kedua ini politik, ekonomi topik yang sudah bagi negara-negara

Sidang [in]





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berangkat menghadiri Pembukaan Rasmi Sidang Kemuncak Negara-negara Selatan Kumpulan 77 dan China di Dewan Al-Dafna, Hotel Sheraton, Doha.



BAGINDA ketika berangkat di Pembukaan Rasmi Sidang G77 + China. Juga kelihatan ialah Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II (Kedua).

KEDUA TAN DI DOHA

g Damit

ri Baginda Sul-
dan Yang Di-
ghadiri Sidang
China (G77 +

rabangsa Doha
gi Hal Ehwal
ad bin 'Eid Al-
mengalu-alukan
edutaan Besar
Darussalam di
Nordin bin

uli Yang Maha
Seri Baginda
ng Di-Pertuan
i Darussalam
berangkat ke
rak Kedua Ne-
natan Kumpulan
di Dewan Al-
heraton Doha.
adiri oleh 74
lain dari 132
ahli dari Asia,
ka Latin dan
a hadir ialah
ng Pertubuhan
Bersatu
ang Terutama

7 (G77) diben-
1964 oleh 77
angun meru-
gi kepentingan
ama negara-
gun dan ker-
i kalangan
hli.

pembangunan
genda penting
dalam sidang
selain isu-isu
i dan lain-lain
n menjadi fa-
ayarakat di
hli.

di buka rasmi



oleh Yang Teramat Mulia Sheikh Hamad bin Khalifah Al-Thani, Amir Qatar dan akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Jamaica, Yang Amat Berhormat Percival Patterson.


Sidang kali ini lebih menumpukan kepada kemajuan ekonomi dan perdagangan dan kerjasama di kalangan negara-negara yang sedang membangun dan seterusnya mengkaji semula perkembangan cabaran yang dihadapi oleh negara-negara kumpulan ini, di mana hasil dari sidang kali ini akan dibawa ke Sesi Plenari Peringkat Tertinggi di Perhimpunan Agung PBB Ke-60 di New York, September nanti.

Di samping itu para pemimpin Kumpulan 77 dan China di sidang ini juga membincangkan bagi terus melaksanakan 'Pelan Tindakan Havana' yang dikeluarkan di sidang kemuncak pertamanya di Cuba, Havana pada tahun 2000 terutamanya soal-soal globalisasi, Kerjasama Selatan-selatan dan bidang sains dan teknologi bagi tujuan pembangunan.

Dua dokumen penting telah dikeluarkan di akhir Sidang Kemuncak Kedua Negara-negara Selatan Kumpulan 77 dan China (G77 + China) iaitu 'Deklarasi Doha' dan 'Pelan Tindakan Doha'.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika berangkat ke Sesi Pertama Sidang Kemuncak G77 + China (atas). Sementara gambar kanan, baginda berkenan menerima junjung ziarah pegawai kanan kerajaan Negara Brunei Darussalam sejurus berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Doha.



SIDANG Kemuncak Kedua Negara-negara Selatan Kumpulan 77 dan China dibuka rasmi oleh Yang Teramat Mulia Sheikh Hamad bin Khalifa Al-Thani, Amir Qatar. Majlis berlangsung di Dewan Al-Dafna, Hotel Sheraton, Doha.

TALIAN PENTING

Ambulans

991

Polis

993

Bomba

995

Mencari & Menyelamat

998

**PERKHIDMATAN-
PERKHIDMATAN
PENTING**

Air

140

Elektrik

144

Maklumat Penerbangan

2331747

Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut)

2332600

Unit Pengurusan Bencana Alam

2381874

2381313

2382143

2382027

Penderaan

2338700

2339733

2345050

PEMBANGUNAN BERTERASKAN ISLAM DI BRUNEI DARUSSALAM

PENDAHULUAN

TULISAN ini bertujuan untuk melihat secara umum sejauh mana Islam dijadikan teras kepada pembangunan di Brunei. Istilah pembangunan di sini tentulah mencakupi pembangunan rohani dan jasmani atau pembangunan mental dan fizikal, juga melihat sejauh mana tahap pembangunan itu, permasalahannya dan potensi Brunei menjadi sebuah negara Islam yang menghayati ajaran Islam.

Bercakap mengenai Islam sebagai teras pembangunan tentulah kita akan perlu menyingkap serba sedikit sejarah penerimaan Islam di Brunei, corak pemerintahan Brunei, kedudukan Islam di dalam Perlembagaan dalam pentadbiran, dalam pendidikan, dalam institusi keagamaan dan lain-lain yang relevan.

KEMASUKAN ISLAM

Brunei dijangka telah menerima Islam secara meluas dalam kurun ke-14 Masihi iaitu dengan pengislahan Raja Brunei yang bergelar Sultan Muhammad Shah yang diikuti oleh pembesar dan rakyat jelata. Tidak dapat dipastikan tarikh sebenar Raja Brunei memeluk Islam, tetapi berdasarkan catatan sejarah China, bahawa pada tahun 1371 Masihi didapati Brunei sudah mempunyai raja Islam yang bernama "Ma-ha-mo-sa" atau "Muhammad Shah". Pendakwah yang berjaya mengislahkan Raja Brunei dan rakyatnya adalah dipercayai seorang Arab berketurunan cucu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menerusi Sayidina Hasan ibn Sayidina Ali, ibunya Sayidina Fatimah al-Zahra' puteri Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Pendakwah tersebut bernama "Syarif Ali" yang akhirnya dilantik menjadi Sultan Brunei Ke-3. Pembangunan yang diutamakan dan diutamakan oleh raja ini ialah membina masjid. Ini seolah-olah mengambil teladan dari sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang membina Masjid Quba apabila sampai ke Yathrib (Madinah Munawwarah) dalam peristiwa Hijrah Baginda itu. Dalam sepanjang pemerintahan kesultanan Brunei dari dahulu hingga sekarang adalah menjadi tradisi bahawa masjid menjadi inti pem-

angunan. Sejak kemasukan Islam ke Brunei, agama tersebut telah menjadi dominan. Ajarannya dihayati. Sistem pentadbiran Brunei pada masa itu antaranya adalah berpandukan kepada 'Hukum Kanun Brunei' yang mengandungi banyak unsur-unsur Islam.

ISLAM TERAS PEMBANGUNAN

Keterangan ini menunjukkan bahawa Islam telah bertapak dengan kuatnya di Brunei dalam zaman tradisional itu. Tetapi kedatangan British ke Brunei pada akhir abad ke-19 Masihi yang mencampuri hal-ehwal dalam negeri di Brunei telah menjejaskan perkembangan Islam. Namun dengan kebijaksanaan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin yang menaiki takhta pada tahun 1950, perkara tersebut telah dapat ditangani dengan baik. Kedudukan Islam telah dapat dikembalikan sebagai mana asalnya, malahan lebih baik lagi sesuai dengan peradaran zaman.

Islam menjadi teras pembangunan terserlah dalam tiga mekanisme canggih berikut:

1. Perlembagaan Brunei

Pembangunan berteraskan Islam sudah tentu tidak akan berjaya diimplementasikan jika tidak disokong oleh sumber ter-

Oleh Pg. Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pg. Haji Abd. Rahman

tinggi perundangan negara. Sumber tertinggi itu ialah Perlembagaan. Di sini dapat dilihat pandangan jauh dan kegihaan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin yang berusaha melahirkan Perlembagaan Negeri Brunei 1959 di mana dalam Perlembagaan tersebut Islam telah diberi kedudukan yang istimewa yang mencatatkan bahawa:

"Agama rasmi bagi negeri ialah agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah. Tetapi agama-agama yang lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya."

Peruntukan ini dengan tegas menjelaskan kerasmian agama Islam bagi Brunei. Bila mana ia bertaraf rasmi maknanya semua jentera kerajaan dan bukan kerajaan dan semua lapisan masyarakat hendaklah berusaha ke arah mendukung kerasmian agama tersebut. Agama Islam bertaraf rasmi itu pula bersifat khusus iaitu menurut aliran Ahli Sunnah Waljamaah. Malah dalam bahagian lain dari Perlembagaan itu juga ada menyatakan bahawa rujukan utama dalam lingkungan Ahli Sunnah Waljamaah itu yang berhubung kait dengan hukum-hukum fiqh ialah Mazhab Shafi'i sementara pendapat-pendapat dari mazhab-mazhab lain seperti Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali juga boleh dirujuk jika perlu.

Peruntukan di atas mengenai agama nampak me-

narik yang memperlihatkan keterbukaan Brunei untuk membenarkan lain-lain agama bagi diamalkan dengan aman dan sempurna oleh penganut-penganut agama tersebut. Ini menunjukkan Brunei tidak menghalang agama-agama lain dipraktikkan oleh penganut-penganutnya, tetapi dengan kefahaman bukan untuk dikembangkan kerana yang berhak dikembangkan hanyalah agama Islam yang menjadi agama rasmi negara sesuai dengan pendirian Islam yang dinyatakan di dalam Al-Quran Al-Karim yang tafsirnya: "Sesungguhnya agama yang (benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam." Surah Ali 'Imran ayat 19.

Firman Allah Taala lagi yang tafsirnya: "Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada Hari Akhirat kelak dari orang-orang yang rugi." Surah Ali 'Imran ayat 85.

Peruntukan mengenai kerasmian agama Islam di atas sebagai dasar panduan negara telah menyelamatkan masyarakat Islam di Brunei dari mengalami perpecahan yang biasanya berpunca dari wujudnya pelbagai fahaman keagamaan. Malah telah dapat menghalang tumbuhnya penyelewengan akidah Islam di kalangan masyarakat Islam. Mana-mana ajaran sesat dan menyeleweng yang cuba disembarkan oleh individu-individu tertentu telah dapat

dibantaras. Jelasnya, seluruh jentera berjalan di atas landasan Islam mengikut Ahli Sunnah Waljamaah dan Mazhab Shafi'i.

Perlembagaan Negeri Brunei 1959 juga mensyaratkan bahawa para pemegang teraju kepimpinan seperti Raja, Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan hendaklah beragama Islam mengikut Ahli Sunnah Waljamaah. Hal ini telah menjamin kemantapan dan kelangsungan perkembangan Islam di Brunei, sekali gus ajaran Islam diambil kira dalam proses pengurusan pembangunan negara.

2. Pemasyhuran Kemerdekaan

Brunei telah mencapai kemerdekaannya dari tangan British pada 1 Januari 1984. Dengan kemerdekaan tersebut bermakna Brunei telah muncul sebagai sebuah negara yang berdaulat mampu mengurus dan mentadbir segala hal-ehwal dalam dan luar negara. Hakikatnya kemerdekaan tersebut telah memberi ruang yang luas kepada Brunei untuk menonjolkan dirinya sebagai sebuah negara Islam yang tulen yang ditadbir berasaskan prinsip-prinsip Islam yang luhur. Ini tergambar dalam Pemasyhuran Kemerdekaan yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang antara lain berbunyi:

"Negara Brunei Darussalam adalah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wataala, akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik berdasarkan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah dan dengan berasaskan keadilan dan amanah dan kebebasan, dan dengan petunjak serta keredaan Allah Subhanahu Wataala jua akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat beta, dan demikian juga pemeliharaan perhubungan persaha-

batan di kalangan antara-bangsa atas dasar saling hormat-menghormati terhadap kemerdekaan, keadilan, persamaan dan keutuhan (kukuh) wilayah bagi semua negara yang bebas dari campur tangan dari luar negeri."

Prinsip-prinsip dan unsur-unsur Islam yang luhur dalam Pemasyhuran Kemerdekaan ini dapat dibuktikan antaranya ialah:

1. Kepercayaan penuh kepada Allah Subhanahu Wataala; 2. Petunjuk dan keredaan Allah Subhanahu Wataala; 3. Melayu Islam Beraja; 4. Merdeka; 5. Demokratik; 6. Berdaulat; 7. Ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah; 8. Keadilan; 9. Amanah; 10. Kebebasan; 11. Ketenteraman; 12. Keselamatan; 13. Kebajikan; 14. Kebahagiaan; 15. Hubungan persahabatan dengan masyarakat antarabangsa; 16. Hormat-menghormati; 17. Persamaan; 18. Keutuhan; 19. Tiada campur tangan dari luar.

Jika diteliti butir-butir dalam Pemasyhuran Kemerdekaan tersebut tidak syak lagi ianya adalah antara intipati ajaran Islam yang sebenar yang bersumberkan Al-Quran dan Al-Sunnah. Pemasyhuran itu adalah gambaran objektif Brunei. Dan berdasarkan objektif tersebut Brunei telah diurus dan ditadbir oleh pemegang teraju pemerintahan selama ini iaitu sejak Brunei menerima ajaran Islam beberapa kurun dahulu hingga sekarang dan seterusnya di masa-masa yang akan datang, insya-Allah.

3. Falsafah Negara

Sebagaimana kita maklum setengah negara di rantau ini mempunyai rukun negaranya sendiri, maka demikian juga Brunei. Di Brunei ianya dikenali sebagai falsafah negara. Falsafah ini merupakan satu ungkapan yang mengandungi tiga komponen iaitu 'Melayu Islam Beraja' yang intipatinya telah pun termaktub dalam Perlembagaan dan Pemasyhuran Kemerdekaan. Ia dianggap sebagai falsafah kerana ketiga-tiga

KOPERASI TASAMUL MUKIM LUMAPAS

'Persepakatan, wawasan dan usaha gigih pendorong kejayaan'

EKONOMI

OLEH SAHARI AKIM

APABILA disebut sahaja 'TASAMUL', minda umum akan tertumpu kepada kejayaan dan keunggulan Koperasi Tasamul Mukim Lumapas Berhad. TASAMUL cukup dikenali dan tersohor di negara ini atas pencapaiannya dalam pelbagai kegiatan urusan niaga dan perkhidmatan.

Sehingga bulan Mac 2005 keahliannya berjumlah 2,187 orang yang bukan sahaja tertumpu kepada penduduk Mukim Lumapas tetapi merapusi ke seluruh negara. Koperasi ini juga dapat menyediakan banyak peluang pekerjaan, di mana 65 peratus daripadanya terdiri anak tempatan dan selebihnya tenaga asing.

Ukuran kejayaannya dapat dilihat melalui kedudukan kewangan terkumpul sejak tahun 1994 hingga tahun 2004 iaitu kumpulan saham B\$2.7 juta; simpanan ahli yang terkumpul B\$4.420 juta; Skim Pinjaman B\$3.66 juta, manakala jumlah simpanan yang dikeluarkan oleh ahli sehingga kini berjumlah lebih B\$2 juta.

Itu belum termasuk aset-aset lain milik koperasi seperti hartanah dan bangunan, anak-anak syarikat, perkhidmatan-perkhidmatan dan seumpamanya. Urus niaga dan perkhidmatan TASAMUL termasuklah Stesen Minyak terletak di Kampong Lumapas (Jalan Junjongan); pasar mini; Tasamul SMAS Travel; pengangkutan; kem sewa; pinjaman kewangan peribadi; simpanan tetap; Insurans Takaful dan lain-lain.

Pengurusan TASAMUL terletak di premisnya sendiri di Blok B, Simpang 88, Bangunan Haji Abdul Rahman dan Hajah Siti Ajar, Kampong Kiulap, Gadong. TASAMUL juga memiliki seunit lagi premis lain, di samping dua bidang tanah.

KEWANGAN

Laporan Tahun Kewangan berakhir 30 Jun 2000 mencatatkan TASAMUL mempunyai jumlah saham terkumpul sebanyak B\$2,210,382.04 manakala jumlah wang simpanan sebanyak B\$2,932,961.04.

Hasil melalui aktiviti TASAMUL yang dijalankan pada tahun-tahun tersebut, koperasi ini telah memperoleh keuntungan pendapatan bersih sebanyak B\$263,542.76 meningkat sebanyak 79 peratus dari tahun 1999.

Di antara sebab meningkatnya keuntungan perniagaan TASAMUL pada tahun 2000 ialah pertambahan pendapatan melalui perkhidmatan bas, kem sewa, kedai elektrik dan perkhidmatan sewa beli.

Koperasi Tasamul Mukim Lumapas Berhad mempunyai satu struktur pentadbiran kewangan yang ringkas dan meyakinkan. Sumber kewangan terbesar meliputi Saham Ahli, Simpanan Ahli dan Pinjaman Bank.

Tiga sumber kewangan di atas digabungkan membiayai perniagaan Stesen Minyak Shell TASAMUL, Skim Pinjaman dan Sewa Beli, perniagaan pengangkutan bas awam (bus purple), bas sewa khas, pick-up sewa dan kem sewa, perniagaan pasar mini dan perniagaan agensi pelancongan.

TASAMUL juga mempunyai dua keistimewaan iaitu kebenaran yang diberikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam membuat pemotongan gaji ahli-ahli koperasi terus melalui Kementerian Kewangan. Satu lagi keistimewaan ialah kebenaran untuk tabung ini mengumpul atau meminjam dan meminjamkan wang sehingga tidak melebihi

B\$500 juta iaitu setengah bilion.

Rancangan jangka panjang koperasi ialah penubuhan Credit & Finance; TASAMUL Debit Card; Rangkaian TASAMUL Mini Mart; Projek Sekolah, Taman Asuhan/Primari; pembangunan hartanah dan Syarikat Pemasaran & Perdagangan TASAMUL.

SEJARAH

TASAMUL (Tabung Simpanan Amanah Mukim Lumapas) diluluskan pendaftarannya pada bulan September 1993 dan memulakan operasi pada tahun 1994. Ilham menubuhkan TASAMUL timbul berikutan Syarikat Kerjasama Serbaguna Mukim Lumapas Dengan Tanggungan Berhad (nama sebelumnya) yang ditubuhkan pada tahun 1984 menghadapi masalah kewangan bagi menjalankan projek stesen menjual minyak petrol.

Syarikat berpendapat bahawa penduduk mukim ketika itu tidak mempunyai masa yang cukup dan kurang berkemampuan untuk menyediakan jumlah wang yang banyak bagi tujuan tersebut, maka akhirnya tertubuhlah TASAMUL.

Skim TASAMUL merupakan sebahagian daripada projek kewangan Koperasi Serbaguna Mukim Lumapas Berhad bertujuan untuk memberikan perkhidmatan dan kemudahan kepada ahli-ahli koperasi untuk menyimpan dan menjimatkan sebahagian dari wang mereka.

Setiap ahli koperasi yang bekerja dengan kerajaan dan bergaji bulan digalakkan menyertai Skim TASAMUL dengan mencarum sebahagian kecil daripada gaji mereka setiap bulan mengikut syarat yang ditetapkan dalam skim tersebut.

Selain menabung ahli-ahli koperasi juga boleh mendapatkan perkhidmatan

pinjaman wang tunai dan memiliki saham stesen minyak, saham bangunan dan hartanah serta saham pengangkutan bas.

Dalam memberikan perkhidmatan kepada ahli-ahlinya, koperasi ini juga telah memperkenalkan Skim Pinjaman Sewa Beli untuk membeli pelbagai jenis barangan bermula pada Februari 1995.

Skim Pinjaman Sewa Beli Biasa khusus bagi ahli-ahli yang telah menyertai TASAMUL dan menyimpan selama 10 bulan dengan mendapat pinjaman lima kali ganda daripada jumlah simpanan.

Sementara itu Skim Pinjaman Istimewa pula menggalakkan orang ramai supaya memasuki TASAMUL, di samping memberikan peluang bagi mendapatkan barangan secara sewa beli. Tempoh pinjaman tidak melebihi 20 bulan dengan kadar keuntungan sebanyak 10.5 peratus dan pengurusan 20 peratus, sementara jumlah pinjaman berjumlah \$2 ribu.

Bagi Skim Pinjaman Sewa Beli, koperasi membantu ahli-ahli dan orang ramai untuk memiliki keperluan seperti peti televisyen, peti sejuk, mesin basuh dan jahit, audio Visual, penghawa dingin, komputer, kamera, mesin faksimili, telefon, perabot dan sofa, lampu hiasan, permaidani dan langsir, tangki air, enjin perahu, ayat-ayat bergambar, mini pos dan lain-lain.

Ahli-ahli koperasi boleh membeli barangan tersebut di kedai koperasi atau mana-mana rakan niaga dan cawangan-cawangannya. Bagi barangan elektrik ia boleh didapati di Kedai Elektrik KSMLB, manakala barangan perabot boleh dibeli di Court Furnishing Co. Sdn. Bhd., Fashion Furniture & Construction Co. Sdn. Bhd., Dayang Damit & Anak-Anak Sdn.

Bhd. dan Thomson Furniture Square Sdn. Bhd.

Pembelian sofa pula boleh didapati melalui Fella Design Sdn. Bhd. dan New Hotline Home Furniture, sementara perkhidmatan rawatan kereta di Top Star Automobile, manakala Lampu Hiasan di M. J. L. Electrical & Lighting Co. dan Crystal Palace.

Selain dari itu pembelian permaidani dan langsir boleh didapati melalui Mohan Carpet Palace, Tangki Air di LSL Stainless Steel & Aluminium Sdn. Bhd. dan Sing Hiap Hin Motor Co., manakala mesin pemotong rumput di S & L Trading Sdn. Bhd.

PERKEMBANGAN

Untuk memantapkan lagi urusan niaga dan perkhidmatannya serta sesuai dengan tuntutan ajaran Islam, koperasi ini telah memberikan penekanan serius terhadap cadangan yang disuarakan oleh ahli-ahlinya untuk mewujudkan Skim Pinjaman TASAMUL berkonsepkan hukum-hukum syariah.

Ke arah itu Ahli Lembaga Pengarah telah mengadakan beberapa perbincangan bersama pihak-pihak yang berkenaan seperti Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan seorang Panel Penasihat Hukum Syariah bagi bank-bank tempatan. Jika semua keperluan persiapan dapat dilaksanakan maka proses skim pinjaman akan dapat dimulakan pada tahun hadapan.

Sementara itu sejak 9 April 2004, satu kaunter perjumpaan di antara ahli-ahli koperasi bersama Lembaga Pengarah pada setiap pagi Jumaat mulai jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari telah dibuka.

Kaunter tersebut bertujuan mengumpul maklumat atau pandangan ahli-ahlinya dalam usaha meningkatkan lagi keupayaan pe-

ngurusan dan mutu perkhidmatan kepada para ahli koperasi dari masa ke semasa. Selain itu pihak pengurusan koperasi juga telah mengadakan Program Jerayawara bagi ahli-ahli di Daerah Belait baru-baru ini.

JANGKA PENDEK

Sepanjang tahun 2005, pihak Lembaga Pengarah juga telah dan akan membuat beberapa perancangan jangka masa pendek bagi memantapkan lagi urusan niaga dan perkhidmatan koperasi tersebut. Diari perancangan dan kegiatan antaranya termasuklah:

FEBRUARI 2005: Antaranya termasuklah mengenai skim tangga gaji kakitangan baru; kertas kerja TASAMUL Debit Card; Kajian Bengkel dan Pusat Pemeliharaan Kenderaan TASAMUL dan e-Runcit konsep urusan niaga nasional.

MAC 2005: Perancangan meliputi cadangan perancangan peruntukan bagi Tahun Kewangan 2005-2006 (Budget Year 2005-2006); Tabung Tekad Haji dan Umrah TASAMUL; Pembinaan Pondok Bas Sungai Kebun; Majlis Muzakarah di Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

APRIL 2005: Mesyuarat Agung 2005; Pelancaran Umrah TASAMUL; persiapan kawasan bagi Bengkel dan Pusat Pemeliharaan Kenderaan TASAMUL; In-Bound & Out-Bound Tour: Islamic Tours To China - Preliminary Tour dan Draft Laporan Tahunan bagi Tahun Kewangan 2004 - 2005.

MEI 2005: Kertas kerja Produk Baru Saham TASAMUL - 'Business Financing'; produk baru Saham TASAMUL: pendidikan dan biasiswa dan

Pejabat Operasi Kuala Belait.

JUN 2005: Pelancaran Pakej Umrah TASAMUL dan Perkiraan Stok dan Inventori bagi Akhir Tahun Kewangan 2004-2005.

JULAI 2005: Perkhidmatan Perunding Projek dan Perniagaan TASAMUL (TASAMUL Projects and Business Consultation Services); In-Bound & Out-Bound Tour Islamic Tours to China - Preliminary Tour dan Pelancaran e-Runcit.

OGOS 2005: Memorandum Persefahaman (MOU) bersama institusi rakan kongsi e-Runcit.

NOVEMBER 2005: Mesyuarat Agung Khas untuk pembahagian keuntungan perniagaan bagi tahun 2001, 2002, 2003 dan 2004.

CERAH

Kejayaan yang telah dicapai didukung oleh persepakatan, wawasan dan usaha gigih pihak pengurusan TASAMUL. Berdasarkan kepada kepelbagaian urusan niaga dan perkhidmatan yang telah dan akan dilaksanakan oleh pihak pengurusan Koperasi TASAMUL, di samping keyakinan dan sokongan ahli-ahlinya maka TASAMUL akan lebih maju lagi di masa hadapan.

Apa yang penting ialah pihak pengurusan dapat mencetuskan wawasan lebih mantap untuk meraih manfaat yang wujud di persekitaran tempatan dan luar negara, tepat dan sesuai pada masa dan tempatnya. Juga penting ialah akauntabiliti, perpaduan, keyakinan diri, sikap berdaya maju dan berdaya saing terutama dalam menghadapi era globalisasi dan ledakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang begitu pesat ketika ini.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN,
KEMENTERIAN KESIHATAN
(Unit Kawalan Vektor, Jabatan Perkhidmatan
Kesihatan Alam Sekitar)

Bahagian II

Bil.	Perkhidmatan	TPOR
1.	Menangani pengendalian aduan	5 hari
2.	Membuat kerja-kerja pemantauan	3 hari



KERAJAAN melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan telah menyediakan tong-tong sampah kitar semula di beberapa buah tempat di negara ini. Salah sebuah tempat yang disediakan itu ialah di Kampong Orang Kaya Besar Imas, Daerah Brunei dan Muara (seperti kelihatan dalam gambar).

Penyediaan tong-tong sampah tersebut ialah bagi memberikan kemudahan kepada pengguna untuk membuang sisa-sisa sampah sarap di tempat yang dikhaskan seperti botol plastik, tin dan kaca.

SETIAP YANG HIDUP PASTI AKAN MATI

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah Ali 'Imran ayat 185 yang tafsirnya:

"Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati dan bahawasanya pada Hari Kiamat sahalalah akan disempurnakan balasan kamu. Ketika itu sesiapa yang dijauhkan dari Neraka dan dimasukkan ke Syurga, maka sesungguhnya ia telah berjaya. Dan ingatlah bahawa kehidupan di dunia ini meliputi segala kemewahannya dan pangkat kebesarannya tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya."

Setiap yang hidup pasti akan mati, tiada siapa pun yang dapat lari daripadanya. Mati bererti bercerai nyawa dari badan ataupun berpisah roh dari jasad. Inilah perpindahan pertama manusia dari alam dunia, seterusnya manusia akan berpindah pula ke alam barzakh (alam kubur) iaitu tempat roh-roh orang mati menunggu hari kebangkitan semula di Padang Mahsyar.

Apabila sesebuah keluarga ditimpa kesusahan atau musibah seperti kematian, maka kita yang hidup ini perlulah bersimpati dan membantu meringankan beban kesusahan yang menimpa mereka. Agama Islam telah mengajarkan adab-adab yang sunat dilakukan apabila berlaku kematian, seperti mengucapkan takziah kepada keluarga si mati dengan ucapan yang maksudnya: "Mudah-mudahan Allah Taala membalas kepadamu dengan pahala yang berganda-ganda dan diperelokkan dukacita dengan sebaik-baik hiburan serta diampunkan akan si mati daripada keluarga kamu."

Apabila keluarga si mati diberikan ucapan takziah maka adalah elok membalasnya dengan jawapan yang maksudnya: "Semoga Allah Taala akan mengurniakan kepadamu sebaik-baik ganjaran."

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Dari Abdullah Radiallahuanhu katanya: Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Siapa yang mengucapkan takziah (penyataan turut bersedih dan berdukacita) kepada orang yang ditimpa musibah, maka dia memperoleh pahala seperti pahala orang yang mendapat musibah." (Riwayat Al-Imam Ibnu Majah).

Apabila berlaku kematian seseorang ahli keluarga akan merasa sedih dan menangis. Keadaan seumpama ini tentunya tidak dapat dielakkan. Menangis kerana kehilangan orang yang dikasihi dan disayangi adalah diharuskan dalam Islam. Tetapi adalah menjadi kesalahan dan haram hukumnya jika menangis yang keterlaluan sehingga menjerit-jerit, menarik

rambut, memukul-mukul pipi dan dada atau mengoyak-ngoyak baju sebagaimana perbuatan yang dilakukan orang zaman jahiliyah. Ini dijelaskan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda yang maksudnya:

"Dari Abdullah Radiallahuanhu katanya: Telah bersabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam: Tidak termasuk golongan kami orang yang memukul-mukul pipi, mengoyak-ngoyak baju dan berteriak-teriak seperti berteriaknya orang jahiliyah." (Riwayat Al-Imam Bukhari).

Ketahuiilah bahawa menangisi mayat dan meratapinya dengan cara keterlaluan akan menyebabkan mayat tersebut terseksa, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Sesungguhnya mayat itu disiksa dengan sebab tangisan (ratapan) ahli keluarga ke atasnya." (Riwayat Al-Imam Bukhari).

Oleh itu apa yang sepatutnya dilakukan apabila ditimpa kesusahan atau musibah seperti kematian ialah bersabar menghadapinya. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Baqarah ayat 156 - 157 tafsirnya:

"Orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali. Mereka itu ialah orang-orang yang dilimpahi dengan berbagai-bagai kebaikan dari Tuhan mereka serta rahmat-Nya. Dan mereka itu ialah orang-orang yang dapat petunjuk hidayah-Nya."


Pada kelazimannya, apabila ada kematian, Majlis Tahlii atau Kenduri Arwah akan diadakan oleh keluarga berkenaan dengan menjemput sanak-saudara, jiran tetangga dan sahabat handai hadir ke rumah si mati bagi membacakan ayat-ayat Al-Quran seperti Surah Yaasiin dan bertahlil untuk dihidiahkan pahalanya kepada si mati. Dan seterusnya membaca doa, mendoakan si mati semoga Allah Subhanahu Wataala memberikannya rahmat dan keampunan

serta memasukkannya ke dalam golongan orang-orang salih dan dimasukkan ke dalam Syurga. Setelah selesai berdoa para jempunan yang hadir akan menikmati jamuan yang telah disediakan oleh tuan rumah.

Menyentuh tentang Majlis Kenduri Arwah ini, pada lazimnya orang-kita Brunei mengadakan majlis tersebut dengan tujuan untuk memohonkan rahmat dan keampunan kepada Allah Subhanahu Wataala bagi si mati. Selain itu ia boleh mengeratkan lagi hubungan persaudaraan (silaturrahim) di kalangan sanak-saudara, sahabat handai dan jiran tetangga. Jika majlis tersebut diadakan untuk tujuan demikian, maka mengadakan Majlis Kenduri Arwah itu adalah suatu perbuatan yang baik dan digalakkan oleh Islam. Tetapi perlu diingat, supaya tujuan kenduri tersebut selaras dengan kehendak agama, maka janganlah ia dianggap sebagai suatu perkara hak bagi si mati yang mesti ditunaikan oleh keluarga kerana perbuatan tersebut bukanlah perkara yang disyariatkan oleh agama Islam. Akan tetapi yang lebih elok dan sunat dilakukan ialah kaum kerabat dan jiran menghantar makanan kepada ahli si mati sebagai tanda simpati untuk meringankan beban yang mereka tanggung kerana ahli si mati ketika itu dalam keadaan sibuk menguruskan perkara-perkara si mati. Inilah per-

buatan yang sebenarnya yang wajar dilakukan dan digalakkan oleh Islam. Perkara inilah yang disuruh oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam apabila Baginda menerima berita kematian Ja'afar ibnu Abi Talib, sebagaimana sabdanya yang maksudnya:

"Dari Abdullah ibnu Ja'afar katanya: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Buatlah makanan oleh kamu untuk ahli keluarga Ja'afar yang telah meninggal, kerana telah datang kepada mereka perkara yang membuat mereka sibuk disebabkan ditimpa kematian itu." (Riwayat Al-Imam Ibnu Majah).



Dari maksud hadis tersebut adalah jelas menunjukkan bahawa menyediakan makanan oleh jiran atau keluarga bagi orang yang ditimpa kesusahan seperti kematian adalah perbuatan yang terpuji kerana ia menandakan rasa simpati, kasih sayang yang mengeratkan silaturrahim terhadap keluarga si mati.

Alhamdulillah, di negara kita Brunei Darussalam perkara memberi bantuan ini telah menjadi satu budaya yang telah lama diamalkan oleh orang-orang kita, dalam membantu meringankan beban yang ditanggung oleh keluarga yang ditimpa musibah seperti kematian dengan memberi-

kan bantuan berupa kewangan dan tenaga sebagai tanda simpati mereka. Budaya inilah yang digalakkan oleh Islam yang sepatutnya diteruskan dan diwarisi.

Islam sangat menggalakkan orang yang masih hidup terutama kepada anak-anak dan keluarga terdekat yang lain supaya sentiasa membaca Al-Quran, berdoa dan berzikir dan menghidiahkan pahalanya kepada yang telah meninggal dunia. Pada hakikatnya pembacaan Al-Quran, bertahlil dan seumpamanya itu tidak hanya terhad kepada tujuh hari, empat puluh hari atau seratus hari sa-

haja. Bahkan amalan tersebut sepatutnya sentiasa diamalkan sepanjang masa supaya ibu bapa dan keluarga yang telah meninggal itu mendapat rahmat, ketenangan dan kebahagiaan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda yang diriwayatkan oleh Al-Imam Muslim dari Abi Hurairah Radiallahuanhu yang bermaksud:

"Apabila seorang manusia itu mati, maka putuslah segala amal ibadatnya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariyah, ilmu yang bermanfaat dan anak yang salih yang mendoakan kesejahteraan kedua ibu bapanya."

Bagi kita yang masih hidup ini sama-samalah kita mempersiapkan diri dengan memperbanyakkan amal ibadat sebelum terlambat untuk bekalan kita di akhirat nanti. Bagi mereka yang telah meninggal dunia lebih awal daripada kita, sama-samalah kita mendoakan semoga roh mereka dicucuri rahmat dan mendapat keampunan Allah Subhanahu Wataala. Amin Ya Rabbalalamin.

Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah Al-Hasyr ayat 10 yang tafsirnya:

"Dan orang-orang Islam yang datang kemudian daripada mereka berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman dan janganlah Engkau jadikan kami perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau amat melimpah belas kasihan dan rahmat-Mu."

Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah Al-Hasyr ayat 10 yang tafsirnya:

"Dan orang-orang Islam yang datang kemudian daripada mereka berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman dan janganlah Engkau jadikan kami perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau amat melimpah belas kasihan dan rahmat-Mu."

Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah Al-Hasyr ayat 10 yang tafsirnya:

وقت سمبهيڭ، امساک، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سمبهيڭ، امساک، شوروق دان ضحی باڳي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 15 جمادی الاول، 1426 برسمان دغن 22 جون، 2005 هيڭگ کهاري ثلاث، 21 جمادی الاول، 1426 برسمان دغن 28 جون، 2005 اداله سفرت دباوه اين:-

مجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	شوروق	ضحی	مسیحي
جمادی الاول									جون
15	12.23	3.49	6.34	7.50	4.35	4.45	6.09	6.34	22
16	12.23	3.50	6.35	7.51	4.35	4.45	6.09	6.34	23
17	12.24	3.50	6.35	7.51	4.35	4.46	6.10	6.35	24
18	12.24	3.50	6.35	7.51	4.36	4.46	6.10	6.35	25
19	12.24	3.50	6.35	7.51	4.36	4.46	6.10	6.35	26
20	12.24	3.50	6.35	7.51	4.36	4.46	6.10	6.35	27
21	12.25	3.51	6.36	7.52	4.36	4.46	6.10	6.35	28

وقت ۲ سمبهيڭ باڳي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبهيڭ فرض جمعة دسلوروه نگارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوکل 12.45 تڦهاري.

SEMBAHYANG DHUHA: Mulakan langkah sekarang

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda).

WAKTU MENERJAKANNYA

SEMBAHYANG Dhuha bermula ketika matahari naik pada kadar satu galah di waktu pagi dan berakhir dengan tergelincirnya matahari. Kadar satu galah itu ialah ketika matahari sedang naik kira-kira tujuh hasta pada pandangan mata. (Sila rujuk takwim Hijrah yang dikeluarkan oleh institusi yang diiktiraf untuk menentukan waktu permulaan Dhuha yang tepat). Sebagaimana dijelaskan, waktu yang paling baik untuk mengerjakan Sembahyang Dhuha ialah setelah berlalu seperempat siang iaitu ketika matahari meninggi dan hari menjadi panas. Ini bersandarkan hadis yang diriwayatkan daripada Zaid bin Arqam Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Sembahyang Awwabin (Dhuha) (waktunya) ialah ketika anak unta kepanasan." (Riwayat Muslim, Ahmad dan At-Tirmidzi).

Ungkapan yang disebutkan dalam hadis di atas ialah kiasan waktu di siang hari ketika suhu udara panas terik. Ini dijelaskan dalam Kitab Shahih Muslim bi Syarh An-Nawawi yang menyatakan jangka waktu itu digambarkan melalui kepanasan bumi di mana anak-anak unta mula tidak dapat duduk diam disebabkan pasir tempat mereka berpijak menjadi panas disimbahi cahaya matahari. Oleh itu, berdasarkan kandungan maksud hadis ini serta pendapat ulama yang menyatakan waktu yang afdal ialah setelah berlalu seperempat siang, anggaran waktu mengerjakan Sembahyang Dhuha yang terbaik mengikut kiraan tempatan ialah dalam lingkungan 9.30 hingga ke 10.00 pagi.

Sebagaimana ibadat sembahyang yang lain, Sembahyang Dhuha juga afdal dilakukan dalam masjid. Bagaimanapun, jika bertembung keutamaan melengahkan Sembahyang Dhuha dengan fadilat mengerjakannya dalam masjid, adalah lebih awla mendapatkan kelebihan waktu. Contohnya: Tidak mengapa melupakan kelebihan mengerjakannya dalam masjid jika kesempatan tidak mengizinkan untuk pergi ke masjid yang berdekatan, bahkan kerjakan ia di mana sahaja asalkan dapat dicapai waktunya yang afdal. Begitu juga, tidak perlu menanti dalam masjid begitu lama sehingga tiba waktu afdalnya sedang keperluan-keperluan lain juga menghendaki untuk dipenuhi. Kelebihan waktu adalah yang utama dari kelebihan tempat dalam hal ini.

BILANGAN RAKAAT

Bilangan rakaat yang paling sedikit ialah dua rakaat. Bilangan yang sekadar sempurna (adna al-kamal) ialah empat rakaat. Lebih sempurna daripada itu ialah enam rakaat.

Menurut Imam Ibnu Hajar Al-Haitami, bilangan rakaat yang maksima bagi Sembahyang Dhuha ialah dua belas rakaat. Ini turut dinyatakan oleh Imam Nawawi dalam kitabnya Ar-Raudhah, walaupun dalam Kitab Al-Majmuk beliau mengatakan lapan adalah rakaat terbanyak. Mengikut As-Sayyid Al-Bakri dalam kitabnya l'annah At-Thalibin, pendapat Imam Ibnu Hajar itu adalah pendapatnya yang muktamad. Ketika menyatakan pendiriannya, Imam Ibnu Hajar bersandar kepada hadis yang diriwayatkan daripada Abu Zar Radiallahuanhu walaupun ini menyebabkan kebanyakan ulama tidak sehaluan dengannya kerana hadis tersebut tidak terkeluar daripada menerima kritikan. Imam Ibnu Hajar berpendapat bahawa berpegang kepada hadis yang sedemikian sifatnya adalah tidak mengapa dalam persoalan ini. Beliau juga berpendapat, lapan rakaat ialah bilangan rakaat yang paling afdal dilakukan, tetapi bukannya had ter-

banyak sebagaimana yang dipegang oleh kebanyakan ulama yang lain.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagaimana yang diriwayatkan daripada Abu Zar Radiallahuanhu yang maksudnya:

"Sesiapa mengerjakan Sembahyang Dhuha dua rakaat dia akan ditulis dari kalangan orang-orang yang tidak lalai daripada mengingati Allah. Sesiapa menunaikannya empat rakaat dia akan ditulis dari kalangan orang-orang muhsinin (orang-orang yang sering melakukan kebaikan). Sesiapa menunaikannya enam rakaat dia akan ditulis dari kalangan orang-orang yang taat mengerjakan ibadat. Sesiapa menunaikannya lapan rakaat Allah akan menuliskannya dari kalangan orang-orang yang berjaya. Sesiapa menunaikannya sepuluh rakaat tidak ditulis baginya pada hari itu walau satu dosa sekalipun, dan sesiapa menunaikannya dua belas rakaat Allah akan membina baginya sebuah rumah di Syurga." (Hadis riwayat Al-Baihaqi).

Mengikut As-Sayyid Al-Bakri, Sembahyang Dhuha tidak boleh dikerjakan lebih daripada bilangan rakaat yang paling maksima. Jika ia dikerjakan lebih daripada bilangan rakaat yang terbanyak itu dengan hanya sekali takbiratul ihram, sedang yang mengerjakannya itu tahu akan larangan tersebut, keseluruhan sembahyangnya adalah batal. Jika ia dikerjakan setiap dua atau empat rakaat, cuma rakaat-rakaat terakhir yang melebihi had maksima sahaja tidak dikira sah. Sebaliknya, jika dia tidak mengetahui akan larangan itu, rakaat yang selebihnya itu adalah termasuk dalam amalan yang diberi pahala sunat.

Ketika mengerjakan Sembahyang Dhuha lebih daripada dua rakaat, yang afdal dilakukan ialah memberi salam setiap dua rakaat. Ini berdasarkan hadis Ummu Hani' yang meriwayatkan yang maksudnya:

"Rasulullah Sallallahu Alaihi wasallam mengerjakan Sembahyang Dhuha lapan rakaat dengan memberi salam setiap dua rakaat." (Hadis riwayat Al-Baihaqi).

Sembahyang Dhuha juga harus dikerjakan sekali gus dengan hanya sekali takbiratul ihram dan sekali duduk tahiyat di rakaat terakhir. Juga boleh dikerjakan dengan duduk bertahiyat, seperti tahiyat awal sembahyang fardu atau sunat empat rakaat, pada setiap dua, empat, enam rakaat atau seterusnya.

SURAH YANG SUNAT DIBACA

Mengikut Imam Ibnu Hajar, sunat membaca Surah Asy-Syams dan Surah Adh-Dhuha selepas Surah Al-Faatihah. Jika melebihi dari dua rakaat, memadai dengan membaca Surah Al-Kafirun dan Surah Al-Ikhlash selepas itu. Manakala Syeikh Ar-Ramli pula menjelaskan lebih utama membaca Surah Al-Kafirun dan Surah Al-Ikhlash daripada surah-surah yang lain hatta pada dua rakaat yang pertama.

Sebagai alternatif, adalah lebih awal menggabungkan surah-surah yang dianjurkan oleh ulama-ulama di atas untuk mendapatkan kesemua fadilat-fadilatnya. Ini disarankan sendiri

oleh penulis kitab l'annah At-Thalibin sebagaimana anjurannya untuk membaca Surah Asy-Syams dan Surah Al-Kafirun pada rakaat yang pertama selepas Al-Faatihah, dan kemudian Surah Adh-Dhuha dan Surah Al-Ikhlash pada rakaat kedua. Pada rakaat yang seterusnya bolehlah dibaca Surah Al-Kafirun dan Surah Al-Ikhlash sahaja.

Perlu diingatkan, jika sembahyang dikerjakan empat rakaat, tidak perlu membaca surah yang lain lagi mengiringi Al-Faatihah selepas duduk tahiyat awal pada rakaat yang kedua.

BOLEHKAH SEMBAHYANG DHUHA DIQADA?

Menurut Syeikh Ar-Ramli, sunat mengqada Sembahyang Dhuha jika ia luput dari waktunya. Ini turut dijelaskan oleh Imam Nawawi yang mengatakan ia adalah sembahyang yang terikat dengan waktu. Apabila luput waktunya, sunat ia diqada sebagaimana sembahyang fardu lima waktu dan sembahyang-sembahyang sunat yang lain. Ini juga berdasarkan hadis daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagaimana yang diriwayatkan daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu yang maksudnya:

"Barangsiapa terlupa menunaikan sembahyang, maka hendaklah dia mengerjakannya apabila dia ingat." (Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

DOA SEMBAHYANG DHUHA

Bagi menyempurnakan Sembahyang Dhuha, terdapat beberapa doa yang boleh dijadikan amalan sebagaimana yang dianjurkan oleh ulama. Antara doa tersebut adalah seperti berikut:

1. Doa ini disebutkan dalam Kitab l'annah At-Thalibin oleh pengarangnya Abu Bakar bin Muhammad Shatta Al-Dimyathi yang terkenal dengan gelaran As-Sayyid Al-Bakri yang ertinya:

"Ya Allah! Bahwasanya waktu Dhuha itu ialah Dhuha-Mu, kecantikan itu ialah Kecantikan-Mu, keindahan itu ialah Keindahan-Mu, kekuatan itu ialah Kekuatan-Mu, kekuasaan itu ialah Kekuasaan-Mu, dan perlindungan itu ialah Perlindungan-Mu.

Ya Allah! Jika sekiranya rezekiku masih di langit, turunkanlah ia. Jika ia ada di perut bumi, keluarkanlah ia. Jika sukar, maka mudahkanlah ia. Jika ianya (daripada yang) haram, maka sucikanlah ia. Jika ia masih jauh, maka dekatkanlah ia dengan berkat waktu Dhuha, Keagungan, Keindahan, Kekuatan dan Kekuasaan-Mu. Berikanlah kepadaku seperti mana yang telah Engkau berikan pada hamba-hamba-Mu yang saleh."

Juga boleh dijadikan amalan membaca doa ini sebanyak empat puluh atau seratus kali selepas doa di atas yang ertinya:

"Ya Allah! Ampunilah aku, rahmatilah hamba-Mu ini dan terimalah taubatku. Sesungguhnya Engkau Maha Penerima Taubat lagi Maha Mengasihani."



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail : mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

Bilangan 206 Bahagian Akhir

2) Doa ini pula dikumpulkan oleh Muhammad bin 'Umar bin 'Ali Nawawi Al-Jawi Abu Abdul Mu'ti dalam kitabnya Nihayah az-Zain fi Irsyad Al-Mubtadi'in yang ertinya:

"Ya Allah! Bukankah kunci-kunci yang menutupi pintu hati kami dengan kehendak-Mu, berikanlah kami taufik-Mu agar kami sentiasa membenarkan kemahuan-Mu, pancarkan kami saat ini dengan naungan hidayat-Mu, persiapkanlah kami dengan pedang kekuasaan-Mu, mahkotakanlah kami dengan mahkota ilmu pengetahuan-Mu, cucuri kami dengan limpahan rahmat-Mu, simbah kami dengan curahan kasih sayang-Mu, tetapkan kami dalam himpunan kebaikan-Mu, tempatkan kami agar sentiasa berada dalam peliharaan-Mu. Jernihkanlah segala yang terbatin dalam diri kami, cahayakanlah pemandangan kami, himpunkan kami dalam lingkungan kesucian-Mu, selesaikan diri kami dengan kebaikan-Mu, dan janganlah pisahkan kami daripada-Mu dengan apa-apa sekutu selain-Mu.

Ya Allah! Apa yang datang dari perlakuan kami menerima sesuatu selain Engkau, dan menolak Engkau daripada kami sama ada dengan sengaja, tersilap atau lupa, maka hindarkanlah semua itu daripada kami. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa terhadap tiap sesuatu."

SEMBAHYANG DHUHA SEBAB SEGALA KEBAIKAN

Sembahyang Dhuha adalah satu wadah bertaqarrub kepada Allah Subhanahu Wataala yang istimewa, di samping kelebihan Yang tidak mampu disembunyikan lagi, ibadat ini menjadi penjalin akrabnya ketaatan seseorang dalam mengingati Penciptanya yang Maha Pemberi segala sebab-sebab kebaikan kepadanya. Seperti disebutkan, ia membuka pintu rezeki dan menolak kepapaan. Siapa yang bakal mengaut untungnya selain daripada pengamalannya sendiri? Ia sudah tertulis, tinggal lagi kepada kita untuk merebutnya. Dalam satu hadis ada meriwayatkan yang maksudnya:

"Sesungguhnya dalam Syurga ada satu pintu yang dipanggil Dhuha. Apabila tiba Hari Kiamat, seseorang akan menyeru: "Di manakah orang-orang yang selalu mendirikan Sembahyang Dhuha? Inilah pintu kamu. Masuklah ke dalamnya dengan Rahmat Allah." (Hadis riwayat At-Thabarani).

Rebutlah peluang ini, jangan lepaskan peluang untuk memperolehi keistimewaan Sembahyang Dhuha. Mulakanlah sekarang dan tingkatkan usaha dalam menuju matlamat reda Allah Subhanahu Wataala.

WALLAHUALAM

منوجو كرىضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسة دعوه اسلاميه

SEJAK dahulu lagi kewujudan manusia di dunia ini perlukan makanan, kesihatan, perlindungan (keamanan), kesenangan, kekayaan dan sebagainya. Oleh yang demikian mereka perlu berusaha mencari rezeki, mengumpulkan harta, mencari kesenangan dan kekayaan dengan memanfaatkan nikmat-nikmat Allah yang telah disediakan-Nya. Di samping kita mencari dan mengambil kesempatan yang telah diberikan kepada kita ada suatu perkara yang manusia itu sering melakukan dan melanggarnya iaitu sifat membazir.

Membazir atau pembaziran merupakan satu sifat tabiat manusia apabila mereka diberikan nikmat yang banyak, mereka akan lupa dan melakukannya bukan pada tempat yang sepatutnya, sama ada pada harta dan sebagainya. Pembaziran ini para ulama mendefinisikan dengan pengertian yang berbeza, walau bagaimanapun pengertian tersebut hampir serupa.

Al-Imam Al-Syaukani memberikan erti pembaziran itu dengan makna:

"Membahagi-bahagikan atau menceraikan harta dengan sesuka hati tanpa ada sebarang keperluan. Pemborosan yang melampaui batas seperti ini adalah tercela di segi syarak. Pembaziran juga boleh diertikan sebagai membelanjakan sesuatu atau menghabiskan sesuatu bukan pada jalan kebenaran walaupun sedikit."

PEMBAZIRAN SIFAT YANG PERLU KITA JAUHI

Sementara itu Al-Imam Al-Syafie dalam mendefinisikan pembaziran itu dengan pengertian "Membelanjakan harta bukan pada jalan kebenaran, Tetapi tidaklah pula dikatakan membazir jika ia dilakukan pada pekerjaan atau amal yang berkebaikan." Definisi ini dipersetujui oleh Jumhur Ulama.

Walaupun para ulama mengertikan pembaziran dalam skop pembaziran harta sahaja, tetapi tidaklah bererti bahawa dalam perkara-perkara lain tidak wujud pembaziran. Apa saja pekerjaan atau perbuatan yang mengarah kepada pemborosan yang merugikan, maka ia juga termasuk dalam erti kata pembaziran.

Jenis-jenis pembaziran itu adalah banyak, di antaranya ialah:

- Pembaziran harta
- Pembaziran masa
- Pembaziran tenaga

Ketiga-tiga jenis pembaziran ini adalah berdasarkan kepada keperluan sesama, kerana setiap orang berlumba-lumba memajukan diri dalam bidang pekerjaan, di samping mengejar kepentingan harta, masa dan tenaga perlu diambil berat dan diambil perhatian dengan sewajarnya. Kadang-kadang dalam mengejar kejayaan dan cita-cita seseorang itu boleh terlalai dari sesuatu yang semestinya dihindarkan dan secara tidak langsung akan menjerumuskan dirinya dalam pembaziran yang tidak diduga dan tidak disangka-sangka.

Kita sering mendengar bahawa pembaziran itu pada harta dan masa sahaja, tetapi tanpa disedari pembaziran tenaga juga boleh terjadi,

sama ada di pejabat, di rumah dan sebagainya. Pembaziran tenaga yang dimaksudkan seperti penggunaan tenaga yang bukan pada tempatnya, seperti menyalurkan sesuatu kemahiran pada bukan bidangnya juga boleh mengakibatkan berlakunya pembaziran tenaga. Pembaziran seperti ini sering berlaku di dalam sesebuah agensi atau organisasi yang boleh merosakkan perancangan dan kemajuannya.

Umat Islam perlulah menjauhi sifat membazir, kerana sebagaimana yang telah diketahui bahawa membazir adalah suatu sifat yang buruk sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

"Sesungguhnya orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan." (Surah Al-Israa' ayat 27).

Walau apa pun bentuk pembaziran, ianya tetap dilarang dalam agama Islam kerana kesan dan akibatnya boleh memudaratkan diri sendiri, orang lain masyarakat dan negara. Sebenarnya pembaziran ini tidaklah terhad kepada pembaziran harta, tenaga dan masa sahaja, bahkan tanpa disedari atau tidak ianya boleh terjadi juga pada setiap perbuatan atau pekerjaan yang dilakukan.

Apabila diteliti dengan mendalam, akan didapati bahawa pembaziran itu membawa kesan yang negatif terhadap rohani dan jasmani seseorang, di mana ia meninggalkan akibat buruk terhadap akidah, akhlak, ibadat, ekonomi dan juga sosial. Di dalam Islam, melakuan pembaziran ini adalah ditegah dan tujan tegahan dan larangan tersebut ialah untuk

kebaikan dan kemaslahatan ummah, di samping untuk mengajjar dan memimpin manusia supaya bersifat jimat cermat dan bersederhana dalam segala perkara.

Oleh kerana pembaziran ini meninggalkan kesan buruk dalam kehidupan, maka dari awal-awal lagi Allah Subhanahu Wataala menyatakan bahawa pembazir atau pemboros adalah saudara syaitan, kerana kebanyakan pembaziran diasas dan didorong oleh syaitan yang sentiasa membisik dan memperlihatkan keburukan itu sebagai kebaikan. Oleh sebab itu kebanyakan orang tidak menyedari dirinya telah terpedaya oleh hasutan syaitan tersebut.

Dalam Al-Quran, Allah Subhanahu Wataala berkali-kali mengingatkan hamba-hamba-Nya supaya jangan mengikut jejak langkah syaitan, sebagaimana firman-Nya yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan; dan sesiapa yang menurut jejak langkah syaitan; maka sesungguhnya syaitan itu sentiasa menyuruh (pengikut-pengikutnya) melakukan perkara yang keji dan perbuatan yang mungkar." (Surah An-Nuur ayat 21).

Oleh yang demikian, kita sebagai sebuah negara Islam yang menjadikan Islam sebagai landasan pentadbiran, sudah semestinyalah terus-menerus mempertingkatkan usaha dan menerapkan nilai-nilai Islam dalam semua bidang kegiatan atau pekerjaan. Pihak kakitangan atau pekerja itu sendiri, mereka hendaklah sentiasa sedar dan berusaha untuk menunaikan tugas menurut ajaran Islam, di samping memikirkan semasak-masaknya apabila hendak melakukan atau melaksanakan sesuatu tugas itu supaya jangan sampai membawa kepada pembaziran atau pemborosan tenaga, masa dan juga harta. Sama ada kita berada di rumah, pejabat atau dalam sebuah organisasi dan sebagainya. Dari itu jauhi dan hindarilah diri kita dari melakukan dan bersifat yang sedemikian. semoga kita akan beroleh manfaat dan termasuk di dalam golongan orang-orang yang beriman.

HUBUNGAN LUAR NEGARA FORUM SERANTAU ASEAN (ARF)

ASEAN membayangkan Forum Serantau ASEAN (ARF) sebagai suatu forum konsultatif pelbagai hala yang bertujuan untuk membina keyakinan di kalangan negara-negara yang mempunyai kepentingan keselamatan di Timur Asia ketika mana Perang Dingin baru saja berakhir dan satu bentuk hubungan antarabangsa telah wujud di Timur Asia.

Walaupun ianya pada asalnya tidak dihasratkan untuk dijadikan sebagai satu mekanisme yang diinstitusikan, ARF telah wujud menjadi sebuah forum utama dan besar dalam isu-isu politik serta keselamatan bagi pegawai-pegawai diplomatik tertinggi, di samping sebagai penyumbang yang tinggi nilainya bagi pengekalan keharmonian dan kestabilan di rantau Asia Pasifik.

Peserta-peserta ARF kini telah memasukkan kesemua sepuluh negara-negara anggota ASEAN, kesepuluh buah rakan dialog ASEAN yang terdiri daripada Australia, Kanada, China, Kesatuan



Kelolaan Hj. Dayang Hj. Kasim
dayang.kasim@information.gov.bn

Eropah, India, Jepun, Republik Korea, New Zealand, Russia dan Amerika Syarikat. Papua New Guinea yang mendapat status pemerhati dalam ASEAN, Mongolia dan Republik Demokratik Korea juga ikut serta untuk pertama kalinya pada tahun 2000 yang lalu.

Sejak mesyuaratnya yang pertama di Bangkok pada bulan Julai 1994, ARF telah menggunakan pendekatan evolusi yang meluas dalam tiga peringkat iaitu penggalakan pembinaan keyakinan di kalangan peserta, pewujudan dasar di-

plomasi pencegahan serta peluasan pendekatan terhadap konflik. Pendekatan sedemikian telah membolehkan peserta ARF menangani isu politik dan keselamatan yang melibatkan perdamaian dan kestabilan secara membina, termasuk isu-isu baru yang muncul akibat daripada globalisasi.

Proses ARF berjalan dalam dua cara iaitu satu cara bagi aktiviti yang akan dilaksanakan oleh kerajaan dan satu cara lagi ialah bagi institusi bukan kerajaan atau perseorangan yang bertindak secara peribadi untuk menyumbang kepada tujuan-tujuan ARF.

Melalui ARF, terdapat pertukaran pendapat yang meluas mengenai isu Laut China Selatan, situasi di Semenanjung Korea, ujian nuklear dan isu-isu keselamatan yang lain di rantau ini.

Di Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN (AMM) Ke-33 di Bangkok pada bulan 25 Julai 2000, Menteri-menteri Luar ASEAN melaporkan satu perkembangan yang penting dalam proses ARF. Mereka telah mengambil maklum mengenai kepentingan langkah-langkah pembinaan keyakinan dan ianya masih menjadi fokus utama. ARF kini sudah boleh membentuk dasar, prinsip dan konsep diplomasi pencegahan. Mereka menekankan bahawa sumbangan dan kepentingan penyertaan yang berterusan dari pegawai-pegawai pertahanan dan ketenteraan adalah juga penting dalam proses ARF.

PROSES ASEAN + 3

Proses ASEAN + 3 adalah merujuk kepada sidang-sidang kemuncak antara pemimpin-pemimpin ASEAN dan rakan mereka dari China, Jepun dan Republik Korea. Proses ini bermula di Kuala Lumpur pada bulan Disember tahun 1997. Pemimpin-pemimpin yang ikut serta mendapati proses berkenaan berguna dan memutuskan untuk memulakan persidangan berkenaan setiap tahun. Pemimpin-pemimpin dari Timur dan Tenggara Asia bertemu sekali lagi di Sidang Kemuncak ASEAN Keenam di Ha Noi pada bulan Disember 1998 dan di Manila pada bulan November 1999.

Agenda strategik jangka panjang bagi kerjasama dalam proses ASEAN + 3 telah ditentukan dalam Kenyataan Bersama Mengenai Kerjasama Timur Asia di mana 13 pemimpin telah sepakat meluluskannya di Sidang Kemuncak Manila pada tahun 1999. Kenyataan Bersama telah menggariskan bidang-bidang utama bagi kerjasama iaitu bidang isu sosial dan ekonomi, isu kewangan, sosial dan pembangunan sumber tenaga manusia, pembangunan saintifik dan teknikal, penerangan dan kebudayaan, pembangunan kerjasama dan isu politik dan antara negara.

Proses ASEAN + 3 telah bergerak begitu cepat dalam bidang kerjasama kewangan, dengan Menteri-menteri Kewangan ASEAN + 3 dan timbalan mereka bekerja dalam rangkaian kerja pertukaran mata wang dan perjanjian beli semula, sebuah sistem yang menjadikan sumber kewangan wujud bagi peserta dalam bentuk kesukaran dalam imbalan pembayaran. Mereka juga memantau dengan serius perkembangan ekonomi rantau ini.

Menteri-menteri Ekonomi ASEAN + 3 pula telah bersetuju untuk memberikan keutamaan kepada kerjasama dalam bidang perdagangan, pelaburan dan pemindahan teknologi, teknologi maklumat dan perdagangan kecil dan sederhana serta juga industri-industri sokongan.

Menteri-menteri Luar ASEAN + 3 pula telah memutuskan untuk mengadakan perundingan secara berkala mengenai perkembangan politik dan keselamatan dan menggalakkan kerjasama dalam bidang sosial dan kebudayaan.

Mengambil kira bagaimana usaha bersepadu dan agenda kerjasama membantu serta menyumbang dalam inisiatif agensi pelbagai hala, para pemimpin Timur Asia telah bersetuju untuk memperluaskan penyelarasan dalam forum antarabangsa dan serantau, seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Pertubuhan Perdagangan Dunia, Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik, Mesyuarat Asia Eropah, ARF serta juga institusi kewangan antarabangsa dan serantau.

Sumbangan kepada inisiatif dalam Kumpulan East Asia Vision Group of Eminent Persons dari ASEAN dan negara-negara dari Timur Laut Asia telah ditubuhkan pada bulan Oktober 1999 untuk mendapatkan pandangan mengenai keluasan Timur Asia dan bagaimana untuk memperkukuh kerjasama di rantau berkenaan. Kumpulan ini telah pun menghadapkan laporan mereka kepada ASEAN + 3 di Sidang Kemuncak pada tahun 2001 yang lalu.

Bersambung

BERJIMAT CERMAT MENINGKATKAN KECEMERLANGAN ORGANISASI

ISLAM sangat mementingkan dan mengambil berat sikap berjimat cermat, kerana ia merupakan asas bagi kesejahteraan hidup dan kemakmuran negara, malah Islam mengharap setiap penganutnya supaya berjimat cermat dalam segala bidang kehidupan dan keadaan.

Islam melarung umatnya melakukan pembaziran dalam semua keadaan kerana ia merupakan suatu perbuatan keji dari pekerjaan syaitan. Sesungguhnya syaitan amat suka kepada orang yang mengamalkan sikap boros dan membazir.

Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Furqaan ayat 67 yang tafsirnya:

"Dan orang-orang yang apabila membelanjakan harta, mereka tidak berlebihan dan tidak pula bakhil (kedekut) dan adalah perbelanjaan itu di tengah-tengah antara yang demikian."

Sementara itu, firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Isra' yang tafsirnya:

"Dan berikanlah kepada keluarga-keluarga yang dekat akan haknya, kepada orang miskin dan orang yang dalam perjalanan; dan janganlah kamu menghambur-hamburkan (hartamu) secara boros. Sesungguhnya pemboros-pemboros itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat ingkar kepada Tuhannya."

Sehubungan dengan perkara itu mari kita renung kembali intipati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 15 Ogos 1983 :

"..... perlu diingati bahawa dalam mengusahakan perkembangan negara, perlaksanaannya seharusnya berdasarkan kepada keupayaan dan juga mengikut tertib, yang dahulu didahulukan dan yang kurang afdal dikemudiankan dengan sentiasa menghindarkan sebarang bentuk pembaziran."

Sementara pada 15 Julai 1989 baginda juga bertitah mengenai sikap berjimat cermat yang penting untuk diamalkan:

"Kedudukan ekonomi dunia khususnya kedudukan harga minyak pada masa ini, telah mengurangkan hasil pendapatan negara. Walau bagaimanapun, menyedari akan hakikat ini, kita telah dapat mengatur dengan rapi dan mengawal perbelanjaan-perbelanjaan kerajaan bukan sahaja untuk mengelakkan pembaziran tetapi bagi mendapatkan manfaat yang maksima kepada rakyat di negara ini."

Di sini jelas kepada kita betapa baginda amat prihatin mengenai amalan berjimat cermat. Antara langkah-langkah berjimat cermat yang baginda sarankan termasuklah dari segi keupayaan wang, pemilihan prioriti, mengatur dengan rapi dan mengawal perbelanjaan-perbelanjaan.

Oleh itu, adalah menjadi satu tanggungjawab yang besar bagi Perkhidmatan Awam (PA) yang terdiri dari pegawai dan kakitangan bagi meneliti serta melaksanakan kaedah-kaedah berjimat cermat yang patut diamalkan di setiap jabatan kerajaan.

Sebagai contoh amalan berjimat cermat di bangunan kerajaan ialah memastikan segala suis lampu di setiap bilik hendaklah dimatikan apabila tidak digunakan. Ini kerana bagi mengelakkan pembaziran kos tenaga elektrik. Manakala bilik-bilik yang tidak digunakan perlu ditutup suis penghawa dingin kecuali bangunan yang dilengkapi dengan sistem hawa dingin pusat.

Sementara itu, penggunaan kertas fotokopi mestilah diambil berat yang mana amalan menggunakan kedua-dua muka surat (double side) adalah perlu diamalkan kerana ini akan menjimatkan kos perbelanjaan serta mengelakkan pembaziran. Di samping itu, setiap kakitangan mestilah berhati-hati dalam membuat sebarang kerja yang dilakukan bagi mengelakkan pembaziran kertas. Penggunaan seperti 'paper clips', 'staples' dan semua alat tulis hendaklah tidak disia-siakan dan digunakan dengan bijaksana. Kesemua ini merupakan harta benda kerajaan yang diamanahkan kepada kita sebagai jentera PA khususnya.

Sesungguhnya berlebih-lebihan dalam pembaziran itu ada banyak perkara dan cara bukan hanya terhadap wang dan harta benda sahaja, malah pembaziran dalam penggunaan masa juga merupakan pembaziran yang perlu diambil kira.

Sehubungan dengan itu, membuang masa di waktu bekerja merupakan salah satu pembaziran yang perlu kita elakkan, ini kerana ia boleh membawa kelalaian dan mengakibatkan kemerosotan kerja. Sebagai kakitangan PA penggunaan masa adalah penting bagi menjalankan tugas dengan lebih berkesan.

Oleh itu, adalah perlu bagi kita supaya tidak bersikap 'camah mata'. Jika kita melihat sebarang pembaziran yang dibuat di dalam pejabat, sebaliknya manfaatkanlah apa yang telah diberikan dan diamanahkan kepada kita dengan wajar.

Kita sebagai kakitangan kerajaan hendaklah merasa bersyukur kerana segala keperluan pejabat telah disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi kesejahteraan dan kelangsungan dalam menjalankan tugas harian kita.

Oleh yang demikian, ukuran perbelanjaan dalam Islam ialah kesederhanaan kerana itulah panduan yang membataskan antara keperluan hakiki dan pembaziran dan di antara kemurahan hati dan kebakhilan.



SURAT PEMBACA


PELITA BRUNEI mengalu-alukan surat awda dalam ruangan SURAT PEMBACA sama ada berupa masalah, kemusykilan, kemusykilan agama, pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Surat awda hendaklah ditujukan kepada alamat berikut:

Ruangan Surat Pembaca,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Awda boleh juga mengirimmkannya melalui faks 2381004 atau e-mel: pelita@brunet.bn. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Ketua Bahagian Akhbar melalui telefon 2383804 atau 2383941.

Dalam surat tersebut hendaklah dinyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat penuh. Walau bagaimanapun nama samaran boleh digunakan.

S
i
B
u
d
i
m
a
n



Penyediaan pendidikan berkeperluan khas diberikan keutamaan

TUNGKU, 6 Jun. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa meletakkan keutamaan terhadap persediaan pendidikan bagi setiap kanak-kanak di negara ini termasuk kanak-kanak berkeperluan khas yang juga mempunyai hak sepenuhnya seperti kanak-kanak lain untuk belajar mengikut kemampuan mereka.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato

Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman menyatakan perkara demikian ketika merasmikan Persidangan Antarabangsa Pendidikan Khas Ke-2 di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) di sini.

Yang Berhormat menjelaskan lagi bahawa kepentingan tersebut mencerminkan komitmen kerajaan yang kuat dalam memastikan anak-anak tempatan di negara ini menjadi rakyat yang berpendidikan seperti mana yang disebutkan dalam Dasar Pendidikan

Oleh Azrin Mohd. Hassan dan Noorkhadijah Tengah

Nasional dan Garis Pandu Dasar Pendidikan Khas.

Negara Brunei Darussalam, tambah Yang Berhormat adalah di antara negara dari beberapa buah negara di rantau ini yang telah melaksanakan Dasar Pendidikan Khas merangkumi sistem pendidikan, di mana dalam konteks ini Kementerian Pendidikan ingin menyumbangkan pengalaman-pengalaman melalui persidangan tersebut.

Sejurus selepas majlis pelancaran, Yang Berhormat telah berkesudian menyaksikan pameran poster oleh para guru pendidikan khas tempatan yang memamerkan perihai Perkembangan Pendidikan Khas di Negara Brunei Darussalam.

Acara pagi tadi itu juga diserikan dengan ceramah utama bertajuk 'Our Children Our Future: Global Approaches' disampaikan

kan oleh Profesor Dr. Mary Ann Bibby dari Kanada, manakala di sebelah petangnya diteruskan dengan beberapa sesi ceramah serta pembentangan kertas kerja.

Sementara itu di sebelah malamnya pula, Yang Berhormat Menteri Pendidikan berkesudian menghadiri Majlis Makan Malam berlangsung di Dewan Berkshire, Jerudong Polo and Country Club dan seterusnya berkesudian menyempurnakan pelancaran Jurnal Pendidikan Khas.

Persidangan selama empat hari itu bertemakan 'Anak-anak Kita Adalah Masa Hadapan Kita' anjuran Unit Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan dengan kerjasama UBD merupakan persidangan susulan dari persidangan pertama yang pernah diadakan pada bulan Julai 1997 di Negara Brunei Darussalam bertujuan untuk mengongkalkan pendapatan dan pengalaman terutamanya dalam Dasar Pendidikan Khas, prosedur-prosedur dan amalan-amalan dari seluruh dunia.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Berbakti kepada tanah pasti mendapat hasilnya

DIZAMAN serba canggih ini, sana sini orang berlumba-lumba untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih selesa tanpa mengeluarkan keringat. Ada juga di antara kita beranggapan bahawa bekerja di pejabat yang berhawa dingin itulah sebenarnya pilihan yang tepat untuk mencari rezeki.

Islam menggalakkan umatnya untuk berusaha mencari apa-apa jua jenis pekerjaan untuk kita mencari rezeki walau di manapun jua tempatnya asalkan halal. Tetapi sedarkah kita bahawa tanah yang kita pijak itulah merupakan sumber rezeki yang tiada tolok bandingnya. Ini kerana tanah juga mampu mengeluarkan hasil pertanian yang banyak dengan menjadi petani, bercucuk tanam, berkebun dan sebagainya.

Sering kita dengar perkataan 'berbakti kepada tanah pasti mendapat hasilnya'. Tetapi sejauh manakah kita mempraktikkan pepatah ini? Apa yang lebih menyedihkan ada di antara mereka yang mempunyai tanah yang banyak hanya membiarkan rumput-rampai tumbuh menjalar dan menjadikan tanah itu menjadi semak. Ini merupakan perbuatan yang amat merugikan. Jika diusahakan tanah itu dengan sebaik mungkin pasti akan mendatangkan banyak hasilnya. Apatah lagi jika tanah itu subur, segala macam tanaman dapat ditanam seperti sayuran, menanam buah-buahan dan bermacam-macam lagi.

Hasilnya pasti lumayan dan dapat dijual kepada orang ramai. Ia dapat menampung kehidupan kita terutamanya yang berpendapatan rendah.

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri menggalakkan kita untuk berusaha mencari rezeki sekalipun kita terpaksa meredah hujan dan panas terik, kerana segala usaha yang kita lakukan hanya kerana

ingin mendapat keredaan Allah pasti akan mendapat ganjaran yang lebih besar, baik di dunia mahupun di akhirat nanti.

Di dalam Al-Quran Allah Subhanahu Wataala juga ada berfirman dalam Surah Al-Mulk ayat 15 yang tafsirannya: "Bahawa bumi yang kita pijak ini mempunyai pelbagai sumber rezeki yang patut kita usahakan. Sekalipun kita terpaksa berpenat lelah tetapi mencari rezeki dengan bercucuk

Bercucuk tanam menambah sumber pendapatan

BEKERJALAH untuk kehidupan kamu di dunia ini seolah-olah kamu akan hidup selama-lamanya dan bekerja untuk kehidupan di akhirat seolah-olah kamu akan meninggal dunia pada esok hari. Kata-kata itu tadi adalah cogan bagi setiap manusia yang inginkan hidup bahagia di dunia dan di akhirat. Setiap makhluk yang hidup di muka bumi ini mestilah bekerja kerana kerja itu merupakan jiwa kepada kehidupan. Allah menciptakan bumi ini mestilah bekerja kerana kerja itu merupakan jiwa kepada kehidupan. Allah menciptakan bumi ini untuk kita berusaha dan mencari kebahagiaan serta keredaan di dalamnya. Justeru itu, manusia haruslah memanfaatkan nikmat yang berharga ia dengan berusaha melalui jalan yang betul dan halal untuk meneruskan kehidupan. Salah satu di antara jalan usaha itu ialah dengan berbakti kepada tanah.

Islam sendiri telah menggalakkan umatnya supaya berbakti kepada tanah iaitu dengan cara bercucuk tanam ataupun bersawah. Islam memandang tinggi akan pekerjaan ini dan memberi pahala kepada pelakunya. Terdapat banyak ayat-ayat Al-Quran yang menerangkan kepada umat manusia mengenai nikmatnya berbakti kepada tanah itu serta mudahnya jalan-jalan untuk melakukannya. Bumi ini menjadi

tanam itu adalah sebaik-baik pekerjaan dan mengusahakan tanah pula merupakan usaha yang amat digalakkan."

Bukan itu sahaja, sekali-pun kita bekerja di pejabat di masa lapang pula kita dapat mengusahakan tanah di belakang rumah kita dengan bercucuk tanam daripada dibiarkan begitu saja. Jika ada hasil dari tanaman yang kita usahakan itu, pasti kita dapat menjimatkan perbelanjaan seharian dengan

tanaman tersebut cepat mendatangkan hasil. Tambahan pula, faktor-faktor fizikal seperti muka bumi, tanah, iklim dan iklim di negara kita ini yang amat sesuai untuk kita bercucuk tanam. Ini disertai pula dengan faktor teknikal iaitu teknologi moden yang memudahkan lagi pekerjaan ini seperti dengan adanya penggunaan baja kimia, benih yang bermutu tinggi dan racun serangga yang boleh meningkatkan lagi produktiviti hasil pertanian. Tambahan pula dengan penggunaan jentera seperti

"Bumi ini diletakkan untuk umat manusia, di dalamnya penuh dengan buah-buahan dan kurma yang mempunyai kelopak-kelopak, biji-bijian yang mempunyai kulit dan berbau harum. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan?"

Firman Allah Taala lagi di dalam Surah Al-An'am ayat 99 tafsirnya:

"Dialah zat yang menurunkan air dari langit, maka dengan air itu Kami keluaran tumbuh-tumbuhan dari tiap-tiap sesuatu, maka Kami keluaran daripadanya pohon yang hijau yang daripadanya Kami keluaran biji-bijian yang bersusun-susun."

Tanah terbiar terutamanya di kawasan berhampiran rumah kediaman jika diusahakan pasti akan mendatangkan hasil sama ada untuk keperluan harian keluarga ataupun untuk dijual kepada orang ramai sebagai sumber pendapatan. Tanaman seperti sayur-sayuran, jagung, kacang panjang, terung, petola, kacang bendi, timun dan lada merah sesuai ditanam kerana ia mudah diusahakan dan tidak memerlukan penjagaan sepenuh masa. Selain itu,

tidak perlu lagi membeli sayur atau buah-buahan.

Hasil tanaman itu bukan sahaja menguntungkan individu itu sendiri, bahkan pertumbuhan ekonomi negara juga akan mantap di mana hasilnya itu pula dapat disalurkan ke luar negara untuk dipasarkan.

Mengusahakan tanah yang terbiar dapat memberikan keuntungan yang agak besar. Sekalipun bukan untuk jualan, memadailah

untuk keperluan keluarga sendiri. Kegiatan mengusahakan tanah juga dapat memberi pengajaran kepada ahli keluarga kita untuk menghasilkan sesuatu pekerjaan yang berfaedah dan menguntungkan.

Rahimah binti Haji Tengah,
No. 2 'D', Berek MTSSR,
Jalan Muara.
No. k/p : 00-115823.

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Berbakti Kepada Tanah Pasti Mendapat Hasilnya'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Pantai Kita Indah Asalkan ...'. Tarikh tutup 22 Jun 2005.
2. 'Memberigakan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM'. Tarikh tutup 29 Jun 2005.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
e-mel: pelita@brunet.bn

bergantung hidup kepada sedekah orang lain, apatah lagi meminta-minta untuk meneruskan kehidupan. Sebagaimana yang disebutkan di atas tadi, kegiatan bercucuk tanam merupakan menjadi budaya hidup setiap rakyat di negara ini.

Walaupun kerja ini bukanlah mudah yang mana kita perlu menitikkan keringat, bergelut dengan baja yang beraneka rupa dan bau semata-mata untuk menyuburkan tanah sebelum mula menyemai benih, namun kita pasti akan mendapat hasil yang memberi kepuasan. Tidak ada suatu makanan pun yang lebih baik kecuali dari apa yang kita peroleh hasil dari tangan dan penat lelah kita sendiri. Berbakti kepada tanah jika dilakukan secara bersungguh-sungguh, lambat-laun pastinya akan

memperolehi hasil yang baik serta pendapatan yang cukup lumayan bak kata ungkapan 'berbudi pada tanah itu besar keuntungannya.'

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga telah bersabda yang maksudnya:

"Tidak seorang Muslim pun yang menanam tanaman, kecuali apa yang ditanam merupakan sedekah baginya dan apa yang ditanam juga merupakan sedekah baginya dan tidak juga dikurangi oleh seseorang melainkan dia itu merupakan sedekah baginya sampai Hari Kiamat." Hadis riwayat Muslim.

Hajah Rafizah binti Haji Abdullah,
No. 139 'N' Kampong Peramu, BP 1126.
No. k/p : 00-298007

REMAJA

Rebung usahawan

PEMEDULIAN semua pihak dalam menggiring para remaja ke arah laluan yang lebih terpuji semakin ketara dilakukan. Langkah ini merupakan persiapan awal dalam mengenal pasti keupayaan dan juga kemahiran para remaja belia untuk bertapak melalui landasan yang dirintis sebagai aliran perjalanan yang dibentuk. Musim cuti persekolahan misalnya, memberikan peluang yang baik bagi mendedahkan pelajar-pelajar ke arah ruang pembaharuan. Salah satu dari beberapa langkah pendedahan tersebut ialah bila wujudnya konsep 'rebung usahawan', langkah ini merupakan strategi serampang dua mata yang akan memberikan impak kepada diri pelajar itu sendiri. Kaitannya ialah pendedahan ini memberi keuntungan, bukan setakat mereka mengetahui untuk mengusahakan sesuatu, akan tetapi mereka tahu bahawa dalam jang-

ka usia sedemikian persiapan awal perlu dilakukan.

Persiapan ini ialah pembentukan sikap dan keupayaan diri untuk menghadapi saingan. Bak kata pepatah 'melenut buluh biarlah dari rebungnya'. Ternyata melalui pepatah ini banyak iktibar dan pengajaran yang boleh kita pelajari. Salah satu daripadanya di usia remaja adalah usia yang paling bertepatan untuk membentuk sikap dan nilai diri. Justeru langkah mewujudkan 'rebung usahawan' adalah wajar menjadi pemangkin untuk mewujudkan kaliber yang besar dalam bidang perusahawanan. Peluang yang ada di dalamnya boleh sahaja menjadi peta jalan untuk membina laluan ke mercu kejayaan jika bermula dari sekarang. Kemahiran dalam mengenal pasti akan keupayaan diri dan juga minat yang mendalam dapat dijadikan asas pembinaan ke arah skop perluasan matlamat.

Jika kita mendalami aspirasi yang terkandung di dalam projek pengusahaan usahawan yang dinamakan rebung usahawan ini ianya mempunyai nilai falsafah yang terlalu tinggi. Cuba kita lihat rebung di waktu mudanya bermanfaat besar untuk kita. Salah satu daripadanya ia boleh digunakan sebagai bahan makanan seperti sayuran dan sebagainya. Manakala bila ianya sudah bertukar menjadi buluh, kemahiran menyantuni pula perlu dilakukan dengan sebaiknya. Buluh dapat digunakan dalam pelbagai perkara. Kegunaannya ini pula bukan setakat membantu menjadi perhiasan, ia dapat membantu membuka perniagaan dan perusahaan.

Pelbagai perkara boleh dibuat melalui peralatan dan sumber tumbuhan buluh. Peralatan rumah, perkakas dapur, rakit dan yang paling menariknya ia boleh dijadikan sebagai jambatan penghubung laluan yang

terpisah oleh sungai. Namun untuk menjadikannya terpakai dengan serba guna, ia perlu kepada kemahiran dan ilmu yang dapat mewujudkan suasana dan hasilnya. Justeru 'rebung usahawan' boleh kita anggap sebagai langkah menjadikan remaja belia kelak di hari muka sebagai generasi yang serba boleh dan berkemahiran. Kebolehan dan kemahiran mestilah terlebih dahulu terhasil dari pendidikan dan penerokaan ilmu pengetahuan ke arah bidang yang dikehendaki. Sekarang peluang sudah terbentang luas, yang tinggal hanyalah pelajar itu sendiri sama ada mahu menjadi ahli dalam projek ini atau membiarkannya berlalu begitu sahaja. Mungkin ramai yang melihatnya hanyalah sebagai gimik pemedulian, semata-mata untuk mengisi waktu lapang pelajar. Kendatipun demikian di sebalik apa pun penilaian kita, ia tetap mempunyai falsafahnya yang tersendiri. Paling sedikit jangkauan kita ialah ia merupakan proses pendidikan berdikari dengan kemahiran.

Semasa program ini berjalan, pesertanya didedahkan dengan tunjuk

cara dan pelajaran membuat serta mengusahakan minum dan makanan ringan, di samping lawatan-lawatan yang diaturnya juga merupakan 'input' untuk mereka memahami akan dunia perusahaan. Semudah-mudah berusaha pun kemahiran dan ilmu menjadi modal yang akan berkembang menjadi kepakaran. Jika kita sudah dapat dan memiliki semuanya, persaingan dan juga cabaran yang ada dalam dunia usahawan sedemikian tidak akan menggugat kemampuan. Di sinilah kita nampak projek 'rebung usahawan' sebagai sesuatu yang sangat bermanfaat untuk disertai oleh golongan pelajar. Keterlibatan pelajar dengan pendedahan sedemikian ini akan dapat dijadikan sebagai aset pelaburan negara di masa akan datang.

Kita tidak perlu menunggu lama untuk memahirkan diri, sekali peluang datang memintas, seketika itulah ia perlu digenggam erat. Biar rebung akan menjadi buluh yang menghiasi halaman masyarakat dengan pelbagai kemahiran. Jika ini dapat dihasilkan tentu kita tidak akan menjadi masyarakat subsidi.

OLEH H. A. MANAP

Peraduan Kenderaan dan Basikal Berhias 2005

BANDAR SERI BEGAWAN. - Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan telah diamainkan bagi mengendalikan perarakan Peraduan Kenderaan dan Basikal Berhias sempena ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-59 bagi tahun 2005 di Daerah Brunei dan Muara.

Tujuan peraduan tersebut diadakan ialah bagi menyemarakkan lagi sambutan berkenaan, di samping menarik lebih ramai pelancong dari luar negara.

Bagi Peraduan Kenderaan Berhias, penyertaan akan dibukakan kepada kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan firma-firma swasta serta persatuan-persatuan, manakala Peraduan Basikal Berhias hanya dibukakan kepada orang perseorangan sahaja.

Kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan firma-firma swasta serta per-

satuan-persatuan dan orang perseorangan yang berminat untuk ikut serta dalam Peraduan Kenderaan dan Basikal Berhias bolehlah mendapatkan borang dan keterangan lanjut melalui Bilik Urusetia Peraduan Perarakan Kenderaan dan Basikal Berhias di Tingkat Tiga, Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Gadong atau berhubung terus melalui talian 2451978/2451979 sambungan 302/303/305/306 atau melalui faksimili 2450808.

Perlu diingatkan kepada kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan firma-firma swasta serta persatuan-persatuan dan orang perseorangan yang berminat hendaklah menghantar borang-borang penyertaan berserta dengan 'sketch drawing' perarakan yang akan dibuat.

Tarikh tutup bagi penghantaran borang-borang penyertaan tersebut telah dilanjutkan hingga **30 Jun 2005** (hari Khamis) yang mana sebelumnya ini tarikh tutupnya ialah 30 Mei 2005 yang lalu.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 8 Jun 2005

Masjid Kampong Sinaut, Tutong.



Apakah nama masjid ini?

Nurul Aini binti Kilali,
Sekolah Rendah Dato Basir.
Umur : 11 tahun

ALAI PINTAR

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 676

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :
Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 676,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

SOALAN ALAI PINTAR 675

Pemenang-pemenang soalan Alai Pintar keluaran 8 Jun 2005

Dk. Norfaaiqah binti Pg. Haji Mohd. Mohammad Sallehudin bin Ramudin,
Alauddin, Sekolah Rendah Batu Marang.
Sekolah Rendah Beribi, Gadong, Umur : 8 tahun

BELIA

Perkhemahan Belia Alam Sekitar DEDAHKAN BELIA KEPADA KEPENTINGAN PENJAGAAN ALAM SEKITAR

SEJUMLAH 143 orang belia yang mewakili beberapa buah sekolah menengah telah menyertai Program Perkhemahan Belia Alam Sekitar di Pantai Lumut II, kelolaan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi sempena Hari Alam Sekitar Sedunia tahun ini.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui inisiatif program alam sekitar telah menetapkan setiap 5 Jun sebagai Hari Alam Sekitar Sedunia dengan tujuan bagi menyedarkan seluruh warga dunia menanamkan rasa tanggungjawab, kesedaran dan keprihatinan terhadap isu-isu yang berkaitan dengan alam sekitar.

Justeru Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara anggota PBB telah bersama-sama meraikannya dengan melibatkan semua golongan masyarakat dan belia selaras dengan hasrat untuk mempertingkatkan kesedaran, penyertaan dan penglibatan seluruh warga secepat dalam pemeliharaan alam sekitar.

Selaras dengan hasrat tersebut, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi telah memfokuskan Program Perkhemahan Belia Alam Sekitar ini kepada golongan belia, bagi memupuk rasa kesedaran, kerjasama dan tanggungjawab mereka memelihara alam sekitar.

Menurut Pegawai Alam Sekitar, Awang Yusfein Hady bin Abdul Ghani, sambutan Hari Alam Sekitar tahun ini yang bertepatan 'Menghijaukan Bandar - Perancangan Bagi Planet' menumpukan kepada penyertaan golongan belia yang perlu sama-sama dilibatkan dan diberikan pendedahan terhadap kepentingan alam sekitar.

"Kita melihat golongan belia merupakan jumlah terbesar penduduk di negara ini iaitu melebihi 50 peratus. Jadinya, golongan ini penting diberikan perhatian ke arah memupuk kesedaran alam sekitar," jelasnya.

Beliau menjelaskan, "Ini penting ke-

rana merekalah yang akan menjadi generasi penerus kepada kesinambungan penjagaan, pemeliharaan dan mengekalkan keadaan alam sekitar di masa akan datang."

Aktiviti semasa program perkhemahan ini, katanya, meliputi sesi taklimat mengenai kaedah pembisaian Pantai Lumut, lawatan ke Taman Rekreasi Hutan Sungai Liang, City Tour Kuala Belait, menyaksikan tayangan video 'Green City - Plan For The Planet', perbincangan dan perbincangan mengenai alam sekitar dan lain-lain kegiatan.

Awang Yusfein Hady

Oleh Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn
Gambar-gambar oleh Masri Osman

menyatakan, "Penayangan video yang berkaitan dengan tema Hari Alam Sekitar adalah memaparkan perbandingan Negara Brunei Darussalam yang dulu, sekarang dan Negara Brunei Darussalam akan datang. Mungkinkah nanti lebih hijau, bersih dan sebagainya."

Yang penting, jelasnya, adalah perancangan yang menjurus ke arah menghijaukan persekitaran negara dengan lebih terancang dan teratur, di

samping kesedaran semua pihak terhadapnya.

Begitu juga dengan perkembangan perbandaran, melihat kepada jumlah penduduk yang belum begitu besar berbanding dengan beberapa buah bandar raya di rantau ini, isu pencemaran terutama melalui kilang-kilang perusahaan tidak begitu membimbangkan, namun kesedaran dari kesan jangka panjang perlu dilihat bagi menjamin keselamatan.

Dalam menangani perkembangan alam sekitar, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa melaksanakan pelbagai langkah pemeliharaan termasuk melaksanakan projek pemeliharaan kawasan persisiran pantai dan projek-projek seperti pembangunan sampah, pembaikan sistem saliran dan sebagainya.



SEBAHAGIAN belia semasa melakukan Projek Berkumpulan Percambahan Minda mengenai tajuk Pembisaian Pantai.



PEGAWAI Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Awang Yusfein Hady bin Abdul Ghani.

Selain daripada itu, kerajaan juga berusaha menempatkan perusahaan-perusahaan atau perniagaan di lokasi-lokasi yang kurang berisiko tinggi terhadap kesihatan awam. Langkah itu perlu diambil perhatian dalam merencanakan perkembangan semasa perbandaran.

Kesemua usaha-usaha tersebut dan penglibatan para belia dalam sama-sama menangani kepentingan penjagaan alam sekitar melalui penyertaan

Pengalaman seumpama ini merupakan asas ke arah menyedarkan para belia menghargai kepentingan dan tanggungjawab penjagaan alam sekitar, pembangunan daya tahan, kebersihan persekitaran udara dan air oleh pencemaran dan pembuangan sampah sarap yang betul.

program perkhemahan kali ini, dilihat akan dapat membantu mengekalkan suasana persekitaran yang sempurna.

Pengetahuan yang diperolehi para belia dalam penglibatan kegiatan-kegiatan perkhemahan empat hari itu tentunya amat berguna dalam sama-sama mengembangkan minda melalui pandangan buah fikiran masing-masing.

Pengalaman seumpama ini merupakan asas ke arah menyedarkan para belia menghargai kepentingan dan tanggungjawab penjagaan alam sekitar,

pembangunan daya tahan, kebersihan persekitaran udara dan air oleh pencemaran dan pembuangan sampah sarap yang betul.

Kebersihan persekitaran yang meliputi keperluan asas seperti bekalan air, perlu ditangani lebih serius oleh semua masyarakat dan bukan dipertanggungjawabkan kepada agensi kerajaan semata-mata.

Sehubungan itu perkhemahan kali ketiga ini akan memberikan manfaat kepada belia kesedaran dan tanggungjawab terhadap persekitaran. Para belia yang menyertai perkhemahan akan dapat menanamkan rasa kesedaran dalam diri masing-masing dengan memberikan sumbangan sebagai warga yang bertanggungjawab.

Melalui pengalaman dan pendedahan perkhemahan tersebut tentunya akan dapat menimbulkan kesedaran dan memupuk semangat kerjasama dan setia kawan untuk bersatu padu memelihara alam sekitar.



PARA belia semasa mengemas barang-barang yang terdapat dalam perkhemahan.



SELAIN mendengar taklimat mengenai alam sekitar para belia juga mengadakan Kempen Kebersihan di sekitar kawasan perkhemahan.

PEMBANGUNAN BERTERASKAN ISLAM DI BRUNEI DARUSSALAM

Dari muka 1

komponen ini sudah diuji oleh zaman mengenai kewibawaan, ketahanan dan kebenarannya. Falsafah ini sudah wujud sejak Brunei menerima Islam atau sejak munculnya Kesultanan Brunei dengan penerimaan ajaran Islam tersebut. Sejak itu Brunei telah dikenali sebagai sebuah negara Melayu, sebagai sebuah negara Islam dan sebagai sebuah negara kesultanan. Ketiga-tiga konsep ini saling berkait antara satu sama lain dengan Islam menjadi terasnya. Ini bermakna ajaran Islam tetap menjadi pegangan dengan rujukan utamanya Al-Quran dan Al-Sunnah. Oleh itu apa-apa jua bentuk pembangunan yang bercanggah dengan Islam dengan sendirinya akan tertolak.

Jelasnya pihak pengu-ras atau pentadbir negara akan sentiasa menilai sama ada sesuatu perancangan pembangunan itu berten-tangan dengan ajaran Islam atau sebaliknya. Maka jika bertentangan, suatu perancangan pem-bangunan itu tidak akan dijalankan. Oleh kerana itu sebagai contoh tempat per-judian, tempat-tempat maksiat, penjualan arak dan sebagainya walaupun boleh mendatangkan hasil yang lumayan kepada ne-gara ini, tetapi kerana ianya bercanggah dengan ajaran Islam, maka pem-bangunan yang sedemikian tidak dibenarkan di Brunei.

INSTITUSI ISLAM

Di Brunei, Sultan me-rupakan satu-satunya kuasa tertinggi yang memerintah negara, di sam-ping juga menjadi Ketua Agama. Ini telah mem-bolehkan institusi-insti-tusi agama yang ditubuh-kan berperanan dengan baik, bukan sahaja dalam hal mengembangkan ajar-an Islam, malah juga me-ngawal pengurusan pem-bangunan dalam segala bidang termasuk perkara-perkara umum yang ber-bertukar kedudukan dan fizi-kal agar selari atau tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Sebagai misal, Maj-lis Ugama Islam Brunei (MUIB) (ditubuhkan pada tahun 1955) merupakan satu-satunya badan terting-gi yang berkuasa terhadap hal-ehwal agama Islam di Brunei. Badan ini berfung-si sebagai penasihat kepa-da sultan dalam apa jua hal-ehwal keagamaan. Suatu keputusan yang telah diambil oleh badan ini akan disebarkan ke-pada sultan. Hanya setelah mendapat perkenan bagin-da barulah ianya dapat dilaksanakan. Pihak yang melaksanakan keputusan tersebut ialah Kementerian Hal Ehwal Ugama yang ditubuhkan pada tahun 1986 (sebelumnya dikenali sebagai Jabatan Hal Ehwal Ugama (JHEU) yang di-tubuhkan pada tahun 1955). Kementerian ini mempunyai beberapa institusi lagi di bawahnya seperti JHEU Pusat Da'-wah Islamiah, Baitul-Mal,

Jabatan Urusan Haji, Jabatan Hal Ehwal Masjid dan lain-lain

Sebuah lagi institusi keagamaan yang penting ialah Jabatan Mufti Ke-rajaan. Jabatan ini diketuai oleh seorang Mufti Ke-rajaan bertanggungjawab mengeluarkan lrsyad Hu-kum dan fatwa-fatwa yang menjadi rujukan dan dilak-sanakan oleh semua pihak yang berkenaan dalam ne-gara. Sebelum tahun 1998 jabatan ini berada di bawah pentadbiran Ke-menterian Hal Ehwal Ugama, bagaimanapun se-lepas itu ianya telah dile-takkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Fatwa-fatwa Mufti Kerajaan ada-lah berwibawa dan sering diambil perhatian dan di-ambil tindakan yang ber-sesuaian. Adanya institusi ini telah menyelamatkan masyarakat Islam Brunei dari sebarang perbalahan sesama sendiri dalam soal hukum-hakam.

Beberapa institusi Islam lain telah dibangun-kan dari semasa ke se-masa. Misalnya dalam bidang pendidikan, Mak-tab Perguruan Ugama Seri Begawan telah dibina pada tahun 1970 yang berfungsi untuk mengeluarkan guru agama dari kalangan anak tempatan. Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolikiah (ditubuhkan pada tahun 1990) bertujuan untuk mengeluarkan hafiz-hafiz Al-Quran tempatan. Se-mantara untuk mengeluar-kan cendekiawan Islam yang mendalam pengeta-huan agama Islamnya de-ngan menggunakan bahasa Arab. Salurannya ialah melalui Sekolah Arab yang ditubuhkan pada tahun 1966 dikenali de-ngan nama Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolikiah diikuti dengan Sekolah Ugama (Arab) Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (1967) dan Ma'had Islam Brunei (1989). Pengajian Islam ini terus dipertingkat pencapaiannya dengan penubuhan Institut Pengajian Islam Negara Brunei Darussalam (1989) dan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Brunei Darussalam (UBD) (1993). Kedua-dua insti-tusi pengajian tinggi Islam tersebut telah dicantumkan pada tahun 1999 yang di-kenali dengan nama Insti-tut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin, UBD yang berfungsi me-ngeluarkan ijazah pertama dan ijazah lanjutan dalam bidang ilmu-ilmu agama dan bahasa Arab.

Selain itu Brunei juga memperlihatkan kema-huan dan minat yang besar terhadap pembangunan sistem kewangan Islam. Oleh kerana itu tertubuh-lah Tabung Amanah Islam Brunei Berhad (TAIB) pada tahun 1991, Bank Islam Brunei Berhad (IBB) pada tahun 1993 dan Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB) pada tahun 2000. Sebuah lagi institusi yang mem-perlihatkan perhatian besar terhadap penyerapan nilai-nilai Islam dalam pentad-biran ialah Institut

Perkhidmatan Awam. Institut ini telah banyak memberikan latihan kepa-da pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan dari peringkat rendah hingga ke peringkat tinggi untuk menyemai nilai-nilai luhur dalam pentadbiran Islam. Pakar-pakar dari dalam dan luar negara telah didatangkan untuk men-jayakan projek tersebut. Kesannya ialah tumbuhnya kesedaran untuk me-ngadakan pelbagai aktiviti keagamaan di setiap ja-batan dan kementerian di samping mempraktikkan dasar-dasar Islam atau etika Islam dalam bidang pentadbiran dan pengurus-an.

TAHAP

Boleh dikatakan ba-hawa tahap pembangunan berteraskan Islam di Brunei adalah di tahap negara kerana hasrat ke arah ini mempunyai asas yang kuat dalam sistem perundangan negara dan falsafahnya serta lahir dari ketua negara sendiri seba-gaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Has-sanal Bolikiah Mu'izzaddin Waddaulah di peringkat awal pemerintahan bagin-da lagi pada tahun 1967 berbunyi:

"Beta percaya bahawa rakyat beta yang dikasihi sekalian sedia maklum ba-hawa perkembangan bahagian agama yang telah dilancarkan dengan baik itu adalah meru-pakan pada keseluruhan-nya sebagai alat atau sis-tem untuk terus mencapai satu matlamat yang men-jadikan Islam itu sebagai satu cara hidup yang lengkap dan penuh nikmat bagi keseluruhan rakyat dan penduduk di negeri Brunei Darussalam."

Merujuk kepada ung-kapan 'Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap' membangkitkan hasrat ba-ginda supaya ajaran Islam itu dihayati dan diprak-tikkan dalam semua aspek kehidupan serta pemba-ngunan mental mahupun fizikal seperti pentadbiran, pelajaran, ekonomi, adat istiadat, sosial, kebud-ayaan, kerohanian, komuni-kasi, pemakanan dan lain-lain, di mana ajaran Islam itu dapat diserapkan dan disalurkan. Jadi meman-dangkan hasrat ini datang-nya dari ketua negara sendiri maka tentulah ia sangat tinggi nilainya dan perlu diambil perhatian oleh semua pihak di mana semua pihak berusaha ke arah menjayakannya. Hasilnya selepas lebih 30 tahun baginda melafazkan titah tersebut, corak peng-urusan pembangunan yang berteraskan Islam telah dapat dilihat dan dirasakan peningkatannya di Brunei. Dalam pada itu usaha memantap dan memper-kemaskannya terus ber-jalan dengan baik dari semasa ke semasa.

PERMASALAHAN

Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa me-mandangkan hasrat untuk menjadikan Islam sebagai teras kehidupan sehari-hari termasuk pengurusan pem-

angunan dalam segala bidang adalah datangnya daripada pucuk pimpinan negara sendiri, maka di-percayai ia tidak meng-hadapi sebarang masalah. Malahan hal sedemikian telah dapat menutup ju-rang pergeseran dan mera-patkan perpaduan di kala-ngan rakyat dan antara rakyat dengan para pe-mimpin negara, kerana sama-sama berazam dan bertekad untuk mendu-kung Islam yang meng-ajarkan nilai-nilai luhur seperti perpaduan, bertol-long bantu, amanah, cekap hormat-menghormati dan seumpamanya.

Masalah yang timbul sejak Brunei mula mema-suki era moden di zaman pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ialah kekurangan 'man power' (tenaga ma-nusia) yang berkualiti untuk mengisi keperluan negara. Ini berlaku dalam tahun 50-an, untuk meng-atasi perkara ini baginda segera melancarkan ran-cangan penghantaran para pelajar tempatan ke luar negara (ke seberang laut) bagi mendapatkan pen-didikan yang setinggi-tingginya dalam pelbagai bidang dan jurusan yang diperlukan oleh masyara-kat dan negara, di samping itu baginda juga telah mendapat kerjasama yang erat dari negara-negara sa-habat seperti dalam ASEAN, Timur Tengah dan United Kingdom de-ngan meminjamkan orang-orang yang berkeahlian dalam bidang pengurusan, pentadbiran, teknikal dan bidang keagamaan dan lain-lain untuk berkhidmat di Brunei.

Selari dengan peredar-an masa, maka benih yang telah disemai di atas telah menampakkan hasilnya mulai tahun 60-an di mana ramai anak-anak tempatan yang berkelulusan tinggi telah dapat memainkan peranan masing-masing dalam membangun negara. Walau bagaimanapun ke-kurangan tenaga pakar dalam setiap bidang me-mang sentiasa dirasakan kerana Brunei tidak mam-pu untuk melahirkan tena-ga pakar dengan segera. Ini mungkin disebabkan bilangan rakyat Brunei sangat sedikit maka sedikit pula bilangan yang cemerlang itu sedangkan jendela pembangunan semakin ter-buka luas dan bidang-bidang yang perlu diteroka juga semakin banyak sesuai dengan derasnya era globalisasi, zaman teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), dunia tanpa sempadan. Hal ini telah menyebabkan Brunei masih bergantung kepada tenaga-tenaga pakar dari luar negara. Tetapi ini pun dijangka hanya bersifat sementara, kerana anak-anak tempatan sekarang semakin ramai yang ber-usaha untuk memperoleh ke-pakaran-kepakaran yang diperlukan oleh negara. Bagi mempercepatkan per-kara ini, rasanya pelbagai insentif dan penyediaan kedudukan yang lebih baik mungkin perlu diwujudkan sebagai daya tarikan yang kuat untuk anak-anak tem-

patan menceburkan diri dalam kepakaran yang ter-tentu, sesuai dengan tem-poh masa yang panjang yang diambil untuk men-capai kejayaan dalam sesuatu kepakaran. Ajaran Islam sangat menggalak-kan usaha ini sebagaimana firman Allah yang tafsirnya:

"Katakanlah lagi (ke-padanya): Adakah sama orang-orang yang menge-tahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Surah Az-Zumar ayat 9.

Dan firman Allah Taala lagi yang tafsirnya: *"Dan apabila diminta kamu ban-gun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang di-beri ilmu pengetahuan (dari kalangan kamu) beberapa darjat. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendalam Pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan."* Surah Al-Mujaadilah ayat 11.

Mengenai masalah pe-ngangguran yang menjadi masalah negara akhir-akhir ini, rasanya penyele-saian ke arah ini mungkin dapat dicari jika kita me-ngambil panduan dengan meneliti titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sul-tan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena sambutan Mau-lud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasal-lam Tahun 1426 Hijrah baru-baru ini. Antara lain titah baginda:

"Mengikut statistik, pada tahun 2004, jumlah anak tempatan yang berdaftar mencari peker-jaan ialah seramai 7,784 orang, sedangkan pekerja asing yang bekerja di negara ini berjumlah 75,273 orang. Berdasar-kan statistik tersebut, se-patutnya tidaklah akan berlaku pengangguran di kalangan anak-anak tem-patan di negara ini."

Menyentuh mengenai isu pengangguran ini, ke-rajaan beta telah mem-berikan peluang kepada semua golongan untuk memperoleh kemahiran bekerja dan pengalaman berusaha yang dapat me-ningkatkan mobiliti mere-ka. Ia merupakan pelabur-an yang penting dan dapat memberikan manfaat se-cara keseluruhan."

Adalah tidak terlalu sukar untuk memperoleh kemahiran bekerja serta pengalaman berusaha yang telah diperkenalkan oleh kerajaan beta di ne-gara ini. Namun sejauh mana ia mencapai matla-matnya, mungkin saja tidak terlepas dari bebe-ra-pa sebab tertentu, di anta-ranya dari sikap individu sendiri." (PELITA BRU-NEI, 27 April, 2005 : 2).

Islam adalah agama yang sangat menggalakkan para penganutnya berusa-ha dan bekerja. Dalam Islam tidak ada istilah pengangguran. Berusaha dan bekerja bagi mencari rezeki yang halal untuk menyara diri sendiri dan keluarga adalah satu tun-tutan agama yang perlu dilaksanakan. Melaksana-kan tuntutan tersebut ada-

lah satu ibadat yang akan dikurniakan ganjaran yang besar oleh Allah Subha-nahu Wataala sebagaimana ditegaskan dalam beberapa hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, maksud-nya:

"Seandainya seorang daripada kamu membawa tali, kemudian dia datang dengan seikat kayu yang diangkat di belakangnya lalu dijual kayu-kayu tersebut sehingga dia dapat menjaga maruah-nya, maka hal itu adalah lebih baik baginya daripa-da dia meminta-minta kepada orang yang belum tahu sama ada dia diberi atau tidak."

Dan sabda Baginda lagi yang maksudnya:

"Satu dinar yang engkau belanjakan pada jalan Allah dan satu dinar yang engkau belanjakan pada seorang hamba dan satu dinar yang engkau sedekahkan kepada orang miskin dan satu dinar yang engkau belanjakan kepada keluargamu, pahala yang paling besar ialah dinar yang engkau belanjakan terhadap keluargamu." (Hadis riwayat Imam Muslim).

Maksud sebuah hadis yang masyhur lagi ialah *"Setiap penyakit ada ubat-nya."* Kalau ada penyakit, kita tidak disuruh berdiam diri tetapi dikehendaki ber-usaha sedaya yang mung-kin mencari jalan penyele-saiannya. Sebab itu Islam menentang sikap egoistik, sikap 'selfish', dan sikap individualistik, sebaliknya menanamkan semangat kolektif, bergotong-ro-yong, bekerjasama, ber-tolong bantu, bermesyua-rat dalam apa jua kerja bagi kebaikan masyarakat dan pembangunan negara termasuk dalam penyele-saian masalah pengang-guran ini.

POTENSI

Berdasarkan kepada kewujudan sejarah kesul-tanan yang panjang, ciri-ciri kepimpinan Sultan-sultan Brunei yang cen-derung kepada Islam di sepanjang zaman, sistem perundangan yang mem-beri ruang untuk agama berkembang maju, wujud institusi Islam yang kuat, penekanan kepada pen-didikan Islam di semua peringkat persekolahan dan pengajian tinggi, pe-gawai-pegawai dan kaki-tangan yang memahami dan menghayati ajaran Islam, adanya latihan-lati-han yang relevan, adanya sumber kewangan dari hasil mahsul negara yang mencukupi, maka rasanya tidak mustahil bahawa hasrat negara untuk men-jadikan Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap dan penuh nikmat dapat dilihat dan dijadikan satu realiti bahkan sebahagian-nya telah pun dapat dibuk-tikan. Ini menjadi suatu petanda bahawa negara yang kecil ini berpotensi untuk menjadi salah satu model yang baik di rantau ini.

KESIMPULAN

Pada kesimpulannya, dapatlah dikatakan bahawa pembangunan berteraskan Islam adalah suatu matla-

mat dan amalan yang san-gat murni dan luhur. Se-bagai umat yang berakidah yang menjunjung Al-Quran dan Al-Sunnah kita percaya kepada wujudnya Allah serta kepada adanya kehidupan di dunia dan akhirat. Kita mahu baha-gia dalam menjalani dua proses kehidupan tersebut, maka matlamat dan amal-an yang kita bincangkan di atas jika diserap dan di-hayati dengan jujur dan berkesan insya-Aallah akan dapat menyelamatkan in-dividu, masyarakat, bang-sa dan negara dari terjeru-mus pada kehancuran dan porak-peranda. Mengapa? Kerana Islam sentiasa me-nganjurkan perkara-per-kara yang positif dan membina untuk jangka pendek dan panjang, seba-liknya menghalang per-kara-perkara yang negatif untuk jangka pendek dan panjang. Perkara-perkara seperti rasuah, menipu, bohong, zalim, sambil lewa dan sebagainya tidak mendapat tempat dalam sistem atau amalan pengu-rusan berteraskan Islam. Sementara perkara-perkara melaksanakan keadilan, telus, jujur, benar, ikhlas, proaktif dan seumpamanya adalah inti yang berkualiti bagi kecemerlangan umat Islam. Oleh itu, mendu-kung Islam sebagai teras pembangunan adalah san-gat indah dan cantik, berwibawa dan bermakna, diberkati Allah, menye-babkan mendapat pertol-ongan dan perlindungan dari Allah, akhirnya mem-bawa keharmonian dalam masyarakat dan negara.

RUJUKAN

- Al-Quran Al-Karim.
- Al-Hadith Al-Nabawi.
- Himpunan Titah Ke-bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Ba-ginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam Di Majlis Ke-agamaan dan Titah-Titah Yang Berunsur Islam (1967-1996).
- Perlembagaan Negeri Brunei, 1959.
- Pemasyhuran Kemer-dekaan Negara Brunei Darussalam, 1 Januari 1984.
- PELITA BRUNEI, Brunei: Jabatan Penera-ngan, 27 April 2005.
- Pg. Dr. Haji Moham-mad bin Pg. Haji Abd. Rahman, *'Islam Di Brunei Darussalam'*, Brunei: De-wan Bahasa dan Pustaka, 2001.
- Pg. Haji Mohammad bin Pg. Haji Abd. Rahman, *'Kemasukan dan Perkem-bangan Islam Di Borneo British Dengan Tumpuan Khas Ke Atas Brunei Darussalam'*, Tesis Ph.D., Universiti Malaya, 1992.
- Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Mohd. Zain bin Haji Se-rudin, *'Melayu Islam Be-raja : Satu Pendekatan'*, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.
- Sheikh Abdullah Bas-meih, *'Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Penger-tian Al-Quran'*, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1980.



BINATANG LIAR YANG DILINDUNGI DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



SIRI I

Akta Perlindungan Binatang Liar 1978 (Pindaan 1984)

Akta Perlindungan Binatang Liar telah diluluskan pada tahun 1978 oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan melantik Pengarah Muzium Muzium Brunei sebagai Ketua Mergastua dan Kurator Ilmu. Kejadian sebagai Timbalan Ketua Mergastua yang bertanggungjawab menadbir dan melaksanakan penguatkuasaan Akta tersebut. Sojauh ini sebanyak 34 spesies binatang liar negara ini telah dimasukkan dalam Akta tersebut iaitu 23 spesies burung, 7 spesies mamalia dan 4 spesies reptilia.

Binatang liar ini terdiri dari spesies-spesies unik dan nadir serta majoritinya hanya dapat hidup kekal pada habitat semulajadinya. Oleh itu adalah wajar bagi semua pihak untuk sama-sama melindungi dan memastikan warisan alam semulajadi bernilai ini tidak pupus di Negara Brunei Darussalam.

Tidak seorang pun dibenarkan untuk memburu, membunuh, menangkap, mengutip, mengganggu atau memiliki sarang, telur, trofi seperti tanduk, kepala, gigi, gading, tulang, kuku, bulu, kulit atau mana-mana bahagian badan seperti daging atau sarang binatang liar yang dilindungi.

Sesilapa yang melanggar Akta tersebut dikenakan hukuman penjara selama satu (1) tahun dan denda sebanyak B\$2,000.00

Jika mendapati sebarang kegiatan yang menyalahi Akta tersebut, bisakah bolehlah melaporkan kepada:

Pengarah
Jabatan Muzium-Muzium
Tingkat 7, Pusat Lathan Kesenian dan Pertukangan Tangan
Jalan Residency
Bandar Seri Begawan BS8110
Kementerian Kebudayaan, Bella dan Sukan
Negara Brunei Darussalam.

Tel : 673-02-222732
Fax : 673-02-241909
E-mail : bmdr@brunet.bn

atau

Kurator Ilmu Kejadlan
Tel : 673-02-223727
Fax : 673-02-244545/244546 sambungan 101
Fax : 673-02-242727
E-mail : bmdr@brunet.bn

Segala identiti pemberi maklumat akan dirahsiakan.

Berikut ialah spesies binatang liar yang dilindungi sepenuhnya di Negara Brunei Darussalam.

Nama tempatan	Nama Inggeris	Nama saintifik
1. Bangkakan / Orang Belanda	Long-nosed monkey / Proboscis monkey	Nasalis larvata
2. Orang Utan / Mayas	Orang Utan	Pongo pygmaeus
3. Badak Kerbau	Rhinoceros	Rhinoceros sumatrensis
4. Kukang	Earless Monitor Lizard	Lanthanotus borneensis
5. Tempeloh / Ingkat	Tarsier	Tarsius bancanus
6. Harimau Dahan / Rimau Dahan	Clouded Leopard	Neofelis nebulosa
7. Ukang / Rengkang	Slow Loris	Nycticebus coucang
8. Ujoh Laut	Reef Egret	Egretta sacra
9. Kenawoi / Burung Apuh	Cattle Egret	Bubulcus coromandus
10. Bangau	Stern's Stork	Ciconia sterna
11. Burung Botak / Luhong	Lesser Adjutant Stork	Leptoptilus javanicus
12. Helang Laut	White-bellied Sea Eagle	Haliaeetus leucogaster
13. Helang	Grey-headed Fishing Eagle	Ichthyophaga ichthyotetus
14. Tara-Tara / Burung Laut Entala Putih	Black-naped tern	Sterna sumatrana
15. Burung Laut Entala Hitam	Brown-winged tern / Bridled tern	Sterna anaetheta
16. Peragam Burung / Rawa	Pied Imperial Pigeon	Ducula bicolor
17. Burung Raja Udang	Stark-billed Kingfisher	Petargopsis capensis fraseri
18. Bekaka	Ruddy Kingfisher	Halcyon coromanda
19. Bekaka Burung Buaya	Black-capped Kingfisher	Halcyon pileata
20. Kerual	Great Argus Pheasant	Argusianus argus
21. Ayam Hutan Bulwers	Bulwer's Pheasant	Lophura bulweri
22. Morak	Malaysian Peacock Pheasant	Polyplectron malacense
23. Sentuku	White-crested hornbill	Berenicornis comatus
24. Kekalau	Bushy-crested hornbill	Anorhynchus galienus
25. Alau buloh / Kejakoh	Winked hornbill	Acrocephalus coromandus
26. Alau Gangoh / Undan	Wreathed hornbill	Acrocephalus undatus
27. Alau Babi / Likap Gagak / Rengak	Black hornbill	Anthracocephalus malayanus
28. Alau Pedada / Brus	Pied hornbill	Anthracocephalus coronatus
29. Loklang / Sangang / Kenyalang	Rhinoceros hornbill	Buceros rhinoceros borneensis
30. Lantudon / Tajai	Helmeted hornbill	Rhinoplax vigil
31. Doyung / Duyong	Dugong	Dugong dugon
32. Penyu Patau / Penyu Emegi	Green (or Olive) Turtle	Chelonia mydas
33. Penyu Sial	Hawksbill turtle	Eretmochelys imbricata
34. Penyu Timbo	Leatherback turtle	Dermochelys coriacea

Spesies yang bercetak malar adalah spesies yang disenaraikan dalam Appendix I CITES. Spesies yang bercetak biru adalah spesies yang disenaraikan dalam Appendix II CITES. Spesies yang bercetak hitam adalah spesies yang disenaraikan dalam Appendix III CITES.

Appendix I

Spesies, subspesies atau populasi yang terancam dan pupus.

Perdagangan binatang liar yang disenaraikan dalam taxa terlarang. Perdagangan yang bertujuan untuk penyediaan saintifik dan penyelamatan adalah dibenarkan. Untuk barangan yang keluar atau masuk dari negara ini, permit CITES dari negara pengeksport dan juga eksport diperlukan.

Appendix II


Spesies, subspesies atau populasi yang terancam jika perdagangan keatasnya tidak dikawal dan dipantau.

Permit eksport CITES diperlukan dari Brunei untuk memasukkan semula binatang liar tersebut, permit penghapusan semula diperlukan jika spesies itu berasal dari negara tersebut selain daripada Brunei. Permit hanya akan diberikan jika ada apurisasi itu dipaparkan secara sah dan penghapusan tidak akan mengancam kehidupan spesies berkenaan.

Appendix III

Spesies yang tertakluk kepada peraturan sesebuah negara yang mana memerlukan kerjasama dan negara lain dalam mengawal perdagangan keatasnya.

Spesies yang disenaraikan dalam Appendix ini tertakluk pada penghapusan yang dibenarkan oleh sesebuah negara.



LINDUNGILAH BINATANG LIAR UNTUK KESEJAHTERAAN MASA DEPAN KITANI

Sastera dan Budaya

سستردان يودايا

SAJAK-SAJAK TSUNAMI : ILHAM DARI BENCANA ALAM

OLEH MBHJ

'Ketika badai itu
Menjaring mangsanya
Pulau hilang puncaknya
Kota runtuh sejarahnya...'
(Ahmad Sarju, Dewan
Sastera April 2005 : 34).

KESAN gelombang besar Tsunami yang berpunca daripada gegaran gempa bumi pada 26 Disember 2004 yang melanda negara-negara Asia Selatan masih dapat dunia rasakan. Langkah-langkah siap siaga diatur untuk mengelakkan bencana alam ini kembali mengganas sehingga mengorbankan ribuan jiwa yang rebah tersungkur dan harta benda yang musnah tergulung oleh derasan air yang berbau dengan pelbagai benda. Kedukaan bagi mangsa atau yang menerima musibah, ketakutan bagi yang berdekatan dengan bencana alam dan kegembiraan bagi kumpulan manusia yang jauh dari lingkaran api bahaya gempa bumi. Walaupun terdapat aneka perasaan yang menjiwai manusia, namun sifat kemanusiaan yang prihatin masih bertakhta di sanubari mereka, usaha-usaha kutipan dana tabung Tsunami terus-menerus dilaksanakan sekalipun sudah hampir lima bulan berlalu Tsunami melanda sebahagian besar negara-negara di Asia Selatan. Di Negara Brunei Darussalam huluran derma mengisi tabung Tsunami berjalannya terus dan Tabung Bantuan Inisiatif Yayasan Bagi Mangsa-mangsa Tsunami Di Aceh setakat ini jumlah keseluruhan sumbangan B\$802,300.97 (PELITA BRUNEI 27 April 2005 : 14).

Bentuk material khususnya kewangan menjadi keutamaan dalam membangunkan semula kawasan yang dilanda Tsunami. Pembentukan dan membangunkan semula kawasan yang dilanda musibah dan malapetaka bukan saja tertumpu kepada aspek fizikal infrastruktur tetapi yang amat penting sekali ialah membangkitkan semula semangat hidup yang perlu diteruskan. Perkara ini perlu dititikberatkan kerana proses pemulihan daripada trauma tragedi Tsunami mungkin mengambil masa. Oleh sebab itu, sebuah negara amat mengharap dan memerlukan penduduknya berjiwa besar untuk melonjakkan kembali kewibawaan dan kestabilan mereka. Ke arah itu, salah satu suntikan yang berkesan ialah peranan sastera yang membangkitkan peluang kehidupan kali kedua. Sasterawan yang mempunyai keistimewaan dalam berkarya dapat memukau

mangsa, dermawan, agensi-agensi tertentu dan lain-lain pihak yang berperanan dan berposisi sebagai khilafah untuk bertindak atau memberikan respons secara positif. Sekalipun tenaga sasterawan tidak sampai ke bumi yang dilanda bencana alam Tsunami, namun suntikan kreatif mereka dapat memapah mangsa untuk tegak berdiri kembali, membuka mata hati para dermawan, kesedaran terhadap kesilapan lalu, keinsafan dalam beragama dan akur kepada kenyataan bahawa dunia ini tidak bersifat kekal. Perkara ini tersimpul dalam petikan sajak di bawah ini:

Selamat Datang Tsunami

[...]
Tsunami,
Kau sebenarnya sebuah
kerahmatan:
- menyuguh kesedaran
- melakar keinsafan
- membendung keakraban
- menjalin persaudaraan
- merangkul perpaduan
- mencernakan
persimpatian
betapa kerahmatan
itu tersebar luas
seluruh persada
seluruh umat manusia!
[...]

(Rejab F. I. Dewan
Sastera April 2005 : 32)

Genre kreatif yang terserlah dalam mencitrakan hambatan Tsunami adalah melalui sajak. Refleksi penyair cepat yakni dalam jangka waktu yang singkat untuk menukilkan karya mereka dalam bentuk sajak. Oleh sebab itu, terdapat nukilan sajak Tsunami selepas beberapa waktu terjadinya Tsunami melanda Banda Aceh dan kawasan-kawasan yang lain. Berbagai-bagai gambaran dan perutusan yang terlipat dalam penulisan sajak. Dalam sajak-sajak Tsunami jarang tersisih gambaran keadaan kawasan-kawasan yang menerima ma impak kebinasaannya dan betapa dahsyatnya ukuran ombak Tsunami serta kerakusannya memukul kawasan-kawasan yang terlibat. Di rantau ini Banda Aceh menjadi tumpuan kerana kawasan ini merupakan kawasan yang paling teruk menerima pukulan gelombang besar Tsunami sehingga memusnahkan bangunan dan harta benda, mengorbankan jiwa dan meninggalkan kesan-kesan fizikal, emosi dan mental. Sebagai contoh, petikan sajak-sajak mengenai Tsunami melanda Aceh di bawah ini.

Banda Acehku
[...]
Sekarang diselang selat
Banda Aceh berkerumun
kaca

setiap jam bergelimpangan
disikat garang air.

Yang tinggal
maut di tepi madrasah
pinggir sungai
berlokap dalam diri semua
yang menyaksi.

Selamat datang
terendam darah
dan bau kematian bertaut
pada papan rumah dan
kedai,
basikal anak dan
mainannya,
pada dinding masjid dan
perpustakaan,
pada buku dan majalah
yang tak mungkin dibaca
lagi.
[...]

(Muhammad Haji
Salleh, Dewan Sastera
April 2005 : 31).

Selamat Datang Tsunami

Ketika mentari jernih
dipuput bayu segar
kau datang bersama-sama
gulungan-gulungan
ombak
melonjak, menghempas
dan menerjah pantai
sehingga hancur luluh
sebuah daratan
terciptalah padang jarak,
padang tekukur!
[...]

(Rejab F. I. Dewan
Sastera April 2005 : 32).

Setelah Gelora Itu

[...]
Ketika badai itu
menjaring mangsanya
pulau hilang puncaknya
kota runtuh sejarahnya
warga hilang bentengnya
unggah kehilangan tapak
terbujur tubuh manusia
di bumi hanyir berlumpur
kemusnahan tak terukur.
[...]

(Ahmad Sarju, Dewan
Sastera April 2005 : 34).

Petikan sajak-sajak di atas merupakan sebahagian daripada sajak-sajak yang memaparkan kehebatan gelombang ombak besar Tsunami yang meninggalkan kesan yang parah kepada mangsanya. Kehancuran sebuah bandar yang dulunya merupakan tempat pertemuan dan melahirkan para ilmuwan agama (sehingga terkenal dengan Serambi Mekah), kini berubah menjadi tanah yang terbentang dengan timbunan mayat yang tersungkur rebah dipukul ombak Tsunami.

Aceh: Balada Kehilangan Segala

[...]
Tiada siapa menyangka
Tiada siapa menduga
Nyaman udara yang
menyisir lantai Serambi
Mekah
Dan damai kota sejarah
tanah Aceh, tiba-tiba
pecah
Bergegar...
Retak bumi membelah
debar
Debar bertali arus di
ombak besar
Ombak besar menghantar
seburuk khabar
Serambi runtuh alangnya
berkecai

Kasih melabuh putus
terlerai.
[...]

(Abdul Halim Ali,
Dewan Sastera April 2005
: 32).

Sejarah silam mencatatkan Aceh sebagai tempat himpunan para ulama menghasilkan pelbagai kitab agama, di samping melahirkan para sasterawan yang mengisi lembaran sejarah kesusasteraan Melayu. Di tanah inilah nama-nama terbilang seperti Sultan Malikul Saleh, Hamzah Fansuri, Naruddin Ar-Raniri, Abdur-Rauf Singkel, Shamsuddin Pasai dan terhasilnya kitab-kitab ternama seperti Sirat Al-Mustaqim, Bustanus Salatin, Syair Perahu, Syair Burung Pingai, Syair Dagang, Hikayat Aceh sehingga mengangkat Aceh sebagai sebuah pusat pengembangan Islam dan kesusasteraan di rantau ini. Namun demikian, Tuhan Maha Adil, sejarah silam tempat ini tidak dapat menjamin untuk terus kekal berdiri sebagaimana yang kita mahu. Kini Aceh betul-betul cepat berubah menjadi tempat longgokan mayat-mayat yang sukar untuk mengenalinya. Di manakah sebenarnya kesilapan? Inilah yang cuba dicari oleh penyair seperti petikan sajaknya di bawah ini:

Apakah Makna Semua Ini?

[...]
Ya Tuhan
apakah makna gempa,
banjir
lumpur dan maut,
buat manusia sebanding
sarap
di tengah samudera
amarah?
ajarlah makna semua ini
supaya kami dapat terus
percaya.

(Muhammad Haji
Salleh, Dewan Sastera
April 2005 : 31)

Siapa kata bumi ini tidak pernah berubah. Fenomena ini ada dinyatakan dalam peribahasa Melayu yang berbunyi 'sedangkan pantai lagi berubah'. Peribahasa ini juga dimuatkan dalam gubahan sajak di bawah ini:

Ombak menghempas
pantai
tempatnyanya, arahnya tiada
berubah
hanya pasir di tepi akan
berubah
mengikut haluan air pantai
[...]

(SuRra, PELITA BRU-
NEI 16 Mac 2005 : 14).

Peribahasa Melayu ini mengingatkan kita bahawa tidak ada suatu keadaan pun yang bersifat kekal di muka bumi ini. Bezanya jika kelaziman ombak memukul pantai mengambil masa tertentu untuk memproses perubahan pantai, tetapi pukulan ombak besar Tsunami mempercepatkan

KEHANCURAN sebuah bandar yang dulunya merupakan tempat pertemuan dan melahirkan para ilmuwan agama (sehingga terkenal dengan Serambi Mekah), kini berubah menjadi tanah yang terbentang dengan timbunan mayat yang tersungkur rebah dipukul ombak Tsunami.

proses perubahan pantai dan daratan!

Selamat Datang Tsunami

Ketika mentari jernih
dipuput bayu segar
kau datang bersama-sama
gulungan-gulungan
ombak
melonjak, menghempas
dan menerjah pantai
sehingga hancur luluh
sebuah daratan
terciptalah padang jarak,
padang tekukur!
[...]

(Rejab F. I. Dewan
Sastera April 2005 : 32)

Duka Aceh

[...]
Di pantai-pantai desa dan
kota
bertaburan jasad kaku
runtuhan berserak lebur
padang jarak padang
tekukur
bagai kudengar jeritan
kesakitan rintihan dan
tangisan.
[...]

(Pg. Muhammad Abd.
Rahman, PELITA BRU-
NEI 30 Mac 2005)

Betapa kayanya kekuasaan dan kebijaksanaan Allah Subhanahu Wataala dalam mentadbir alam semesta ini. Sungguhpun kejadian-kejadian tragis diturunkan-Nya kepada makhluk-Nya tetapi semua itu mengandungi peringatan agar mereka berfikir bahawa Dia menguasai segalanya dan bertindak ke atas kemahuan-Nya. Tidak ada satu pun yang dapat menghalang dan kepada-Nyalah saja makhluk-Nya memohon pertolongan.

Interaksi Peristiwa Tsunami

[...]
II
Saat berlaku gegak-
gempita huru-hara
dia tahu anak-anak
bercempera mencari
perlindungan menyeru
memanggil ibunya
dia sedar ramai bayi
tersedak lemas dalam
buaian
dia dengar teriak tangis
pada ibu terlepas anak
dalam dakapan
dia menyambut ketulan
janin terburai gugur dari
kandungan
dia lihat seisi keluarga
tertimbus di bawah lanar
lumpur
dia saksi suami isteri
terlerai kasih cinta dalam
desir arus deras
dia tercium bau hanyir
darah merah berbau
bersama-sama lautan

buih
dia dengar derapan
tulang-belulang patah
hancur terhambur
dia menyaksi azab seksa
saat nyawa tersekat di
halkum
dia bilang ratusan ribu
mayat gelimpang
terkapar kaku
di dada pulau, di dasar
laut, di pesisir pantai
di bawah timbunan sisa
bangunan
di atas jalan, di ceruk alur
longkang
di mana-mana
[...]

(Ismail Abdul Ghani,
Dewan Sastera April 2005
: 38).

Gambaran-gambaran yang terkandung dalam petikan sajak di atas, mengundang rasa simpati khilafah dan sama-sama merasakan kedukacitaan secara global sekalipun yang memikul beban kesan Tsunami adalah para mangsa. Dengan suntikan lenggok bahasa yang dimanfaatkan oleh penyair mendekatkan kita kepada mangsa Tsunami yang kita tidak kenal mereka tetapi kita tahu mereka itu adalah manusia yang mengharap simpati dan bantuan. Jika huluran tenaga dan material tidak terungkay namun mereka tetap bersyukur menerima simpati doa yang dipanjatkan sudah memadai untuk meringankan beban mereka. Bagi sasterawan (penyair) adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk menukilkan rasa simpati, memanjatkan doa, merayu bantuan, kesedaran dan keinsafan diri dan sebagai kreatif. Sesungguhnya, setiap bencana atau musibah yang berlaku kepada umat manusia di mana-mana pelusuk dunia biasanya mencetuskan ilham, inspirasi, motivasi dan dorongan kepada insan penulis sama ada mereka Islam ataupun bukan Islam [Talib Samat, Tunas Cipta April 2005: 10].

Kehancuran harta benda dan robohnya sebuah kota yang bersejarah ditambah dengan anak-anak kecil di bumi Aceh yang belum mengetahui erti kehidupan ini cukup meninggalkan kesan kepada khilafah. Babak penderitaan dan kematian anak-anak kecil tidak terlepas diwujudkan dalam sajak-sajak Tsunami yang mengusik dan menyentuh perasaan

sensitif manusia. Di antara petikan sajak-sajak tersebut seperti berikut:

Balada Anak Kecil Tsunami

Seorang anak kecil
umurnya lima tahun
jalan mundur-mandir
pakaiannya comot
tiga hari tidak makan
menunggu papa
supir teksis
tidak pulang-pulang.
Matanya kuyu
muka pucat
kaki berkudis
rumah di mana?
'ranap pak'

Besok mahu ke mana?
'entah'

renungannya jauh
dia tetap memandang
ke laut
hatinya sepi
luka.

(Helmi Halim, PELITA
BRUNEI 16 Mac 2005 :
14).

Aceh: Balada Kehilangan Segala

[...]
III
Yang tinggal hanyalah
mereka itu
anak-anak kecil tak keruan
mencari ibu ayah di bawah
runtuhan.
[...]

(Abdul Halim Ali, Dewan
Sastera April 2005 : 33).

Setelah Tsunami Menerjang

Setelah tsunami itu
menerjang
janin telah gugur dari
kandungan
anak telah hilang dari
dakapan.
[...]

(Rahimidin Zahari, Dewan
Sastera April 2005 : 33).

Rintihan Kemanusiaan

[...]
Alunkan syair irama sedih
pilu
dalam mendodoi rintih
pedih
ribuan anak-anak yang
kehilangan ayah ibu
ledakan hembusan
nafasmu Tsunami
yang mencalar kasih
sayang anak-anak
kepada orang tua yang
dicintainya
fahamilah bahawa dunia
ini ada penguasa yang
gagah
lebih hebat dari kuasa
ciptaan manusia.
[...]

(Poul Nanggang, Dewan
Sastera April 2005 : 34).

CERPEN

OLEH HELMI HALIM

ENGUCAP nak, mengucap."

Semua mata tertumpu kepada badan yang sudah enam bulan kaku tak bermaya. Aku tidak perlu rasa kecewa dengan hidup ini, sudah takdir.

"Begitu mudah kau berkata begitu. Itu kata-kata orang yang putus asa!"

"Habis kenapa aku jadi begini. Aku sudah berusaha?"

"Jangan jadi bodoh lihat apa yang ada di sekeliling kamu."

"Apa ada, geleng kepala, yang ada kepura-puraan, aku lemas dengan kepura-puraan, kamu tau kan, aku tidak sepatutnya begini. Aku sepatutnya yang merawat pesakit bukan aku yang sakit."

"Benar, kau memang benar jika kau tidak dengan kebodohanmu, aku tau kau pernah jadi calon doktor, itu dulu sebelum kau jadi begini. Lupakan, pandang ke hadapan."

"Pandang apa, badanku tak dapat bergerak, hanya mataku saja yang bergerak."

"Sayang."

"Kau gadis Asia yang pertama kujumpa," kata-kata beracun, kata-kata yang memusnahkan kehidupanmu, keimananmu goyah dengan kata-kata itu. Aku terperangkap dalam dunia yang tidak pernah kuimpikan, semua hairan perubahan diriku. Jelas pada tindak-tandukku selepas itu berubah, jauh berubah, aku bukan lagi gadis Timur yang punya keperibadian tinggi. Aku lupa semua pesan ustaz, lupa nasihat keluarga, aku seperti dipukau, memang aku dipukau barangkali, pukau cinta atau pukau syaitan. Yang jelas aku bukan diriku yang sebenar lagi. Dulu semasa di kolej aku lah yang memperjuangkan etika pakaian Islam, aku lah yang lantang menyuarakan isu pakaian, aku marah kalau aku lihat gadis Islam tidak memakai tudung, aku akan hantar surat protes atau aku panggil mereka yang terlibat."

"Sememangnya kau adalah exco bahagian disiplin dan etika berpakaian."

Kini, segala pendirianmu itu tinggal kenangan saja, aku dicemoi perempuan yang tidak sadar diri, tak bermoral, lebih barat dari orang Barat. Itulah yang menghancurkan seluruh kehidupanku.

"Sudahkah kau bersemdia melangkah ke sana?"

"Ke mana?"

"Ke situ."

Ular yang menunggu akan melahap diriku, ular itu akan menarik aku ke dalam kubur itu. Oh, betapa sakitnya nanti, badanku diratah semahu-mahunya, aku akan dihentak dan

dipukul dengan penukul besi dari api. Setentunya badanku akan hancur, badanku akan berkecai, itulah yang ustaz pernah beritahu aku dulu, aku tahu semua itu, aku masih ingat, mungkin sebentar lagi aku jadi punah, jadi abu, entah bolehkah aku tahan semua itu. Tuhan saja yang tahu. Aku harus menghadapi semua ini, semua ini aku yang tanggung, aku adalah aku, aku harus tabah sekarang, aku pasrah dengan ketentuan. Apa pun yang akan terjadi sebentar lagi. Aku pasrah ya Tuhan. Api yang keluar dari mulut ular itu nanti akan meranapkan seluruh jasadku yang hanya tinggal rangka.

"Lihat sana, ibu mengesat air matamu, mereka tidak akan mendengar, kau juga tidak mendengar apa yang mereka kata. Bersedialah kamu. Sebentar lagi, ya sebentar lagi kamu akan dicampakkan ke sana. Kamu tahu itu, itu tempat bagi orang sepertimu."

"Tolong! Tolong! Aku tak mahu ke sana, aku belum mahu mati lagi, aku masih muda, aku belum sempat taubat lagi."

"Dah terlambat, dah terlambat, dulu kau lupa, kau tak ingat segala peringatan yang diberikan, kau sombong, kau anggap nasihat dari kawan-kawanmu sebagai angin lalu saja."

"Mengucap nak, mengucap."

Suasana hening mencengkam benakku, tulang sum sumku sudah seperti mahu berceraai antara satu sama lain.

"Sayang, aku amat mencintaimu," kata-kata yang mengorbankan kesucianku, aku tertipu dengan bisikan syaitan yang mempengaruhi diriku. Ah

bagaimana anak seorang imam jadi begini. Ampun, jangan salahkan keluargaku, mereka tidak bersalah, mereka mendidiku dengan baik, aku dibesarkan sebagai anak yang salihah. Itu kenyataan.

"Ya, kenyataannya kau akan pergi ke tempat yang kau tidak ketahui, ingat, kamu akan dibicarakan dengan apa yang telah kau lakukan. Ingat, apa yang kau buat pada kedua-dua ibu bapamu. Lihat sana, dua orang tua yang asyik sugul menunggumu, kau tidak bermaya, nasib baik ada alat yang masih menghidupkanmu. Mereka kelihatan sugul. Inilah akibat tindakan bodohmu."

"Jangan jadi bodoh. Berdoalah. Ah itu dulu, masa kamu masih sihat, masa kamu jadi orang Timur tulen, kamu yang bertudung litup, kamu cantik ketika itu, kamu jadi rebutan, kamu juga jadi kebanggaan keluarga kamu. Tapi kamu kelihatan sombong."

Sebenarnya aku bukanlah sombong, entah ya, aku sendiri pun tak tahu, memang betul cakap kamu, dia taklah sehandsome Brat Pitt, jauh sekali macam Shah Rukh Khan, cinta barangkali. Ah brengsek pada cinta itu. Kamu tahu, apa yang dibuatnya padaku. Kamu pun dapat meneka, selama lebih setahun aku tidak tahu tentang diriku, aku seperti dipukau, aku diberi minum air syaitan, tiba-tiba saja aku seperti orang asing, entah apa dah jadi pada diriku, sebenarnya aku cuba menghubungi kamu, aku hilang punca, setiap kali niat itu ada, setiap kali juga aku seperti dihalang mencari kamu, aku seperti tersesat di



EPILOG SENJA

tang dan pergi, pandanganku tidak menentu ketika ini. Mungkin aku tidak dapat berjumpa dengan ibu lagi, aku mahu sujud di kaki ibu, tolonglah, beri aku air, beri aku kesempatan, beri aku harapan, tolong, tolong!

"Kau seperti orang hilang akal tau, kau masih ingat lagi bagaimana kau kami jumpa terlantar di luar rumah dalam hujan lebat. Kami bukanlah

mengecewakan juga, kau seperti tidak pernah mengenali kami, kau boleh layan bila aku menegurmu. Sebenarnya aku hanya ingin memberitahu kamu bahawa abang dan ayahmu berada di London mencari kamu, mereka ingin jumpa, mereka nak bawa kamu balik, kamu dengan angkuh berlalu setelah meneguk benda haram tu, hati kami hancur kau buat begitu, ayah-

Kami tidak meminta bantuan, kami sekadar membantu, kami sekadar menolong di mana kami dapat bantu, kau lemah, kau mudah diperdaya, kau mudah terpengaruh, kami tidak sangka semua itu. Kami sangka kau wanita bersemangat waja, kau pernah jadi juara hak wanita di kolej dulu, kami tau itu, tapi sekarang semua itu berubah, berubah begitu cepat, belum setahun kau menjelakkan kaki di London kau seperti burung yang lepas dari sangkar. Entah apa lagi mau dicakap, nanti dosa kering yang kami dapat, dalam keadaan kau begini, kami hanya mengharap kau pergi dengan tenteram, itu doa kami, kau kembali kepada agama kita, bertaubatlah, bertaubatlah."

"Oh terima kasih, atas bantuan kamu, aku mau kembali seperti dulu, tapi jalan terlalu sukar, di hadapanku pelbagai rintangan, pelbagai onak. Entah apa lagi yang ada di hadapan, semakin jauh aku berjalan semakin banyak halangan dan rintangan. Tolong! Tolong!"

"Kasihlah, hidup terumbang-ambing, mana kekasihmu yang kau gilakan selama ini sehingga kau sanggup pergi sejauh ini meninggalkan keluarga untuk mencari kemewahan dan kesenangan yang sementara. Kau lupa bahawa kesenangan

itu bukan terletak pada harta benda, lihat sekarang, mana pergi si Richard yang menyelamatkan kau dari lembah yang hina. Ah, kau sudah seperti dirasuk sesuatu bila bersama dengan kekasihmu. Kau lupa kepada keluargamu yang siang malam mendoakan kau agar selamat di perantaraan. Kau ingat tak ketika kau mahu berangkat ke London dulu, mereka mengadakan doa selamat, ramai keluarga dari pelbagai negeri datang mendoakan agar kau berjaya di rantau orang. Kau sia-siakan semua harapan mereka, hanya setahun saja kau menghantar e-mel dan menelefon mereka, kau mengharapkan kejayaan dunia akhirat."

"Kau alpa, dah beberapa kali kau dipanggil oleh pensyarahmu tentang prestasimu yang menurun. Profesor Smith cukup risau dengan keadaanmu. Dia berulang kali memanggilmu, kau hanya diam dan menundukkan kepala. Pensyarah-pensyarah di kolejmu amat risau dengan prestasimu, ujian yang lepas kamu gagal menyiapkan soalan yang diberikan. Semuanya buntu. Aku juga hairan dengan perubahan dirimu. Kawan sebilikmu risau dengan perubahanmu yang drastik, baru tiga bulan sampai di London kau sudah berubah, 'culture shock'. Kau pindah

Lihat muka 13

SUARA itu terlalu jauh, antara dengar dengan tidak. Tenggelam timbul.

Banyak suara-suara datang dan pergi, pandanganku tidak menentu ketika ini. Mungkin aku tidak dapat berjumpa dengan ibu lagi, aku mahu sujud di kaki ibu, tolonglah, beri aku air, beri aku kesempatan, beri aku harapan, tolong, tolong!

dalam hutan.

"Memang kau dah sesat, bukan dalam hutan tapi di dalam dirimu, kau sudah jauh dari dirimu sebenar, kau sesat dari agamamu."

"Sayang, mengucap nak, mengucap nak, astaghfirullah."

Suara itu terlalu jauh, antara dengar dengan tidak. Tenggelam timbul. Banyak suara-suara da-

sezalim yang kau sangka, kami sedia memaafkan kamu, kau kawan kami sejak dari kecil, hanya kau menjauhkan diri sejak kau berkawan dengan Mat Salleh, kami bukan cemburu, kami bukan sakit hati dengan kamu, itu bukanlah prinsip kami, kawan yang salah kami maafkan, tapi cara kamu melayan kami dulu agak

mu menangis di hadapan kami tau, mereka hilang punca bila mendapat tahu kau tinggal dengan kekasihmu, mereka malu, kami juga mendapat malu kerana tidak dapat menjagamu dan menasihati. Kami hanya pasrah bila mengetahui kau tidak mahu menegur kami, kami berdoa agar kau tidak diapa-apakan, itulah sedikit pengorbanan kami.

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

BICARA NALURI

Kata sambil berfikir
di dalam hati milik yang pintar
bekerja dan bertindak
penerapan fizikal kerja rohani dan jasmani
punya perhitungan
adil bersama dicerna
antara lahir dan batin
alam kekuasaan kudrat.

Pada jurai kehidupan
dengan akal pendorong
seluas kesejahteraan
naluri yang baik menepis keburukan dalam diri
bukan baibun dan bersenayan
siuk adalah menjadi raja di dalam tubuh
yang diinginkan
segala pancaindera
adalah panglima yang berkuasa tiasa ...
di samping personaliti gerini gauk dan cikir.

Dalam diri ada Allah
tubuh badan diperintah, tanpa hindar,
jauh dari mengurising atau lului
segala hasrat yang dibuat bisai
itu penguasaan baik perilaku naluri
seperti perahu bidar jumpung sampir
atau bagong yang baik dikayuh ...
tanpa kuyup dan basah adalah timbang
naluri kita duduk di dalamnya
di mana saja tuju arah, jauh dari karam ...

Hanya naluri kesilahan beremosi dan
nyanyah mulut
kita sering berdoa demi mengharap
dari kebaikan semangkuk agung kasih
minta hati dan akal yang terpelihara yang
hanya sejampuit sebesar ompok damit
seperti ibarat tamsil lautan dan pantai
perasa naluri tidak akan terhambak tapulak
dan takulabak dikias air dan pasir
tapi akan terungkai oleh ombak badai dan
deru yang kencang.

Naluri indah bijak bermadah
dan dari pancaindera yang sedia ada
sentimen mudah menyerap di jiwa seperti air
dipercik di kain tidak akan damal
kita tidak lalai mendampingi kuasa kudrat
dalam naluri memohon sihat
meskipun lalang berjaur dan sering belusir
di mana-mana
juga dimarah tapi telinga hanya menangil
tanpa diulah, di sisi naluri sering kita
pohonkan dijauhkan dari bala bencana
naluri yang sihat seperti api menyala marak
serentak salili sambil bernafas ...
seperti ampai-ampai dan labui-labui
di aing tidak akan lemas
hidup yang sihat juga berdiri sempurna
tanpa mengurising
bukan seperti turus tugal-tugal dan lantai
nibung yang berjungkatan
inilah semarak hati yang tidak bakuris
tetap sihat dan bersih putih piak-piak
mental dan fizikal yang murni tidak pernah
terjungkan dan kepiar-piaran
pancaindera dan jiwa yang sihat idaman
tais liur semua orang.

Haji Mat Noor Matussin

PENANTIAN

Hari demi hari, bulan demi bulan, adakah

kau sedar temanku akan penantian ini?
ya ... penantian yang mungkin belum pasti
apa yang lebih kubimbangkan dalam
penantianku ini, iaitu 'saat'
ya ... mungkin saatku menghitung-hitung
selama ini belum berakhir
setiap 'saat', ibarat seperti menunggu sesuatu
yang belum pasti
bilakah ini akan berakhir
bilakah ... itulah yang membimbangkan aku.

Mati ... ah!
dengan adanya kematian, maka berakhirilah
penantian ini
tetapi ...
aku harus bertindak sebelum ianya terjadi
adanya nafasku, akan kukejar penantian
yang belum pasti itu
supaya penantian ini dapat kurasakan
sebelum nafasku
berakhir dengan 'saat'.

Dalam meniti penantian
hanya satu pintaku
iaitu rinduilah aku
ingatilah jasa-jasaku
supaya diriku akan aman damai
sebelum aku pergi ke sebuah tempat
untuk menunggu 'saat' aku dibangkitkan ...

PERSAHABATAN YANG CURANG

Tanpa ada persahabatan, mungkin kita
tidak kenal
ketika aku perlukan persahabatan yang
sebenarnya
dalam lenaku kau hadir tanpa kuragu
dalam meniti akan persahabatan ini, cuma
satu yang aku ragu
kecurangan ... kecurangan ...
walaupun cuma persahabatan, aku tetap resah
akan gerak-gerimu
apa tidaknya ...!!
gerak-gerimu selalunya kubayangi
ternyata kau mengkhianati persahabatan ini.

Buat akhir kata dari bibirku
selamat tinggal sahabatku
mungkin kita tidak dapat bersama
dalam mengecapi erti persahabatan yang
sebenarnya
jauhlah kau dari sisiku
kau curang!!
pergilah ...
usahlah dekat dari diriku
aku dikhianati ...

Arsyad

GELOMBANG HITAM

Hadir tanpa diundang ...
menjelajah malam yang suram
gelombang hitam maut menerpa malang
oh ... segalanya dirasakan bagai mimpi yang
hitam ...

Gelombang itu sungguh menakutkan
harta benda, nyawa, tumbuh-tumbuhan
segalanya hilang
dipukul gelombang hitam yang seperti tidak
puas mencari mangsa
tangisan malang, bagai titisan hujan tiada
hentinya
luka parah segalanya disaksikan oleh mata
dunia ...
kaulah yang membinasakan

oh ... gelombang hitam.

Meninggalkan kesan yang amat dalam
segala mata dunia dapat merasakan
ketakutan padamu, buat dunia bergelora
sampai bila akan berakhir kegelisahan yang
tiada penghujungnya
terserah pada yang empunya
kau gelombang hitam yang sungguh menakutkan.

Gelombang hitam ...
gelombang hitam ...
oh gelombang hitam ...

MAMA

Kau segalanya bagiku ...
tidak mungkin kau kulupakan
jika kau hilang, duniaku akan jadi kelim
pengorbananmu tiada bandingan
oh mama kau segalanya ...

Asap menerpa menyelerakan perut
yang bergoncang
secebis habuk hilang dengan tangan
yang menghilai
usapan mesra hadir tanpa henti
kala tulang-belulang itu kian bongkok
dimamah usia
namun kain putih itu juga yang menyaluti
tubuh yang gersang
tangisan hadir menerpa siang malam
kebingungan lantas sedekah dihulur untuk
bekalammu
hanya namamu kekal dalam ingatanku
hanya kenangan bersamamu menyaluti
harianku
aku sedar pusat di tubuh ini, itulah
asalku bernafas
begitu hebat kau di mataku
mama ...

Erdina

DI MANA AZAN

Dalam sebuah perjalanan yang baru bermula
aku menyusur di pesisir Kota Singa
yang moden dan maju di dunia
hiruk-pikuk telatah dan gaya
jeritan lipas kudung membaur suasana
menenggelamkan kesyahduan seruan suci
untuk menyembah Maha Pencipta.

Mudah-mudahan ini tidak akan berlaku
senario demikian rupa
menyelubungi negaraku yang tiada taranya
kekal dengan Islam agama rasminya
buat selama-lamanya
kelak Tuhan sentiasa memberkatinya.

MIMPI YANG INDAH

Jika orang kaya jatuh miskin
lalu bermimpi menjadi kaya
apabila terjaga dia akan menangis
sambil berkata
mengapa aku mimpi yang seburuk itu!

Orang miskin tiba-tiba menjadi kaya
apabila mimpi jadi papa kedana
lalu terjaga dia akan senyum
dan berbisik
alangkah indahnya mimpi itu!

Maya Brunei

BANGSAKU

Bangsaku,
sedarlah kau bangsaku,
jangan kau lalai dengan kemewahanmu,
kerana itu semua hanya sementara waktu.

Bangsaku yang maju,
kau penuh ilmu,
janganlah kau membelakangkan ibu bapamu,
kerana mereka tunggak kejayaanmu.

Bangsaku,
kau sudah merdeka,
tuntunlah dirimu ke jalan yang kau mahukan,
maju berkembang ke pelusuk dunia,
hingga musuh gentar kepadamu.

Bangsaku,
jagalah dirimu,
bagaikan kau menjaga hati kedua ibu bapamu,
jangan kau biarkan dirimu,
dijajahi lagi oleh bangsa lain.

Merdeka bangsaku,
21 tahun kau kecapinya,
bagaikan tidak terasa kemajuannya,
teruslah kau pegang MELAYU ISLAM
BERAJA
kerana ia adat resam budayamu.

Merdeka merdeka merdeka,
teruslah kau merdeka,
hingga dunia ini tiada,
untuk keamanan anak-anak bangsa yang
akan datang.

KEJAYAAN

Kejayaan,
kau kukecapi penuh dugaan,
aku tempuhi banyak rintangan dan halangan,
kerana aku mahukan kejayaan.

Kejayaan,
kau bukan senang kudapatkan,
aku perlu berusaha dengan gigih
untuk mendapat kepujian,
kerana ia titik pertama kejayaan.

Kejayaan,
kau amat senang didapatkan
oleh orang yang bukan sembarangan,
mereka rela mengorbankan masa remajanya
demi kejayaan,
kerana kau amat berguna di masa hadapan.

Kejayaan,
untuk mendapatmu aku perlukan dorongan,
dorongan dari kedua ibu bapaku,
kerana mereka mengambil berat akan diriku.

Wahai kejayaan,
kau amat penting dalam hidup,
seseorang yang bergelar manusia,
kau menjadi buruan muda-mudi sekarang,
kerana kepentinganmu yang luar biasa.

Aku menerima kejayaan dari kemahuan diri
sendiri,
aku korban masa demimu kejayaan,
kerana aku mahukan dirimu tersemat di hati
ini,
kau jugalah menjadi sumber ilhamku.

Si Insaf



سنتیاس برسام بیسکیت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تیلبیشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

R A B U 22 JUN	PAGI			Sambungan	PETANG	5.45	BERITA	8.50	DRAMA -	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.00	RANCANGAN HARI INI	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.00	INNOV 8	'Misteri Di Balik Tabir'	
		KEBANGSAAN	10.02	TELENOVELA-	4.02	TILAWAH AL-QURAN	6.34	AZAN MAGHRIB	RHYTHM FIESTA	
	6.02	TILAWAH AL-QURAN		'Daniella'	4.15	RANCANGAN HARI INI	6.45	SINAR	NEWS AT 10	
	6.15	RAMPAI PAGI -	10.50	GADGET AND GIZMOS	4.20	KONG THE ANIMATED	MALAM		TETAMU SUKAN -	
		Siaran Langsung	11.20	LIPUTAN SEMASA		SERIES	7.00	LIPUTAN SEMASA	Ulangan	
K H A M I S 23 JUN	9.00	BERITA	11.35	DRIVE	5.20	GILLETTE WORLD OF	7.30	CRB	SEMINAR HARI	
	9.15	RAMPAI PAGI -	12.00	SIARAN TAMAT		SPORT	7.50	AZAN ISYAK	KEBANGSAAN	
							8.00	BERITA NASIONAL	THE PRACTICE YR. 8	
									DOA DAN SIARAN TAMAT	
J U M A A T 24 JUN	PAGI			Sambungan	PETANG	5.35	LAST EDENS -	7.51	AZAN ISYAK	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.00	RANCANGAN HARI INI	4.00	LAGU KEBANGSAAN		'Knysna'	8.00	BERITA NASIONAL
		KEBANGSAAN	10.02	TELENOVELA - 'Daniella'	4.02	TILAWAH AL-QURAN	5.45	BERITA	8.50	AN NUUR -
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.00	RESIPI PILIHANKU -	4.15	RANCANGAN HARI INI	6.35	AZAN MAGHRIB		Siaran Langsung
	6.12	RAMPAI PAGI -		'Kek Gulung Tiramitsu dan	4.20	ANIMATION HOUR -	6.45	FIQHUL MIRATS	10.00	NEWS AT 10
		Siaran Langsung	11.30	'Kek Gulung Fantasia'		'Kid and Kaboodle/	MALAM		10.30	DRAMA - 'Mimpi Di Garis
S A B T U 25 JUN	9.00	BERITA		LIPUTAN SEMASA -		Teletubbies'	7.00	SURAH-SURAH PILIHAN	11.00	WAYANG PILIHAN
	9.15	RAMPAI PAGI -	12.00	Ulangan	5.10	ON THE BALL	7.25	WARTA ISLAM	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT
				SIARAN TAMAT						
A H A D 26 JUN	PAGI			Sambungan	PETANG	5.35	LAST EDENS -	7.51	AZAN ISYAK	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.00	RANCANGAN HARI INI	4.00	LAGU KEBANGSAAN		'Knysna'	8.00	BERITA NASIONAL
		KEBANGSAAN	10.02	TELENOVELA - 'Daniella'	4.02	TILAWAH AL-QURAN	5.45	BERITA	8.50	AN NUUR -
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.00	RESIPI PILIHANKU -	4.15	RANCANGAN HARI INI	6.35	AZAN MAGHRIB		Siaran Langsung
	6.15	RAMPAI PAGI -		'Kek Gulung Tiramitsu dan	4.20	ANIMATION HOUR -	6.45	FIQHUL MIRATS	10.00	NEWS AT 10
		Siaran Langsung	11.30	'Kek Gulung Fantasia'		'Kid and Kaboodle/	MALAM		10.30	DRAMA - 'Mimpi Di Garis
I S N I N 27 JUN	9.00	BERITA		LIPUTAN SEMASA -		Teletubbies'	7.00	SURAH-SURAH PILIHAN	11.00	WAYANG PILIHAN
	9.15	RAMPAI PAGI -	12.00	Ulangan	5.10	ON THE BALL	7.25	WARTA ISLAM	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT
				SIARAN TAMAT						
S E L A S A 28 JUN	PAGI			Sambungan	PETANG	5.35	LAST EDENS -	7.51	AZAN ISYAK	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.00	RANCANGAN HARI INI	4.00	LAGU KEBANGSAAN		'Knysna'	8.00	BERITA NASIONAL
		KEBANGSAAN	10.02	TELENOVELA - 'Daniella'	4.02	TILAWAH AL-QURAN	5.45	BERITA	8.50	AN NUUR -
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.00	RESIPI PILIHANKU -	4.15	RANCANGAN HARI INI	6.35	AZAN MAGHRIB		Siaran Langsung
	6.15	RAMPAI PAGI -		'Kek Gulung Tiramitsu dan	4.20	ANIMATION HOUR -	6.45	FIQHUL MIRATS	10.00	NEWS AT 10
		Siaran Langsung	11.30	'Kek Gulung Fantasia'		'Kid and Kaboodle/	MALAM		10.30	DRAMA - 'Mimpi Di Garis

KEJAYAAN LAHIR BERKAT USAHA YANG GIGIH DAN DOA

DALAM dunia tanpa sempadan ini, penglibatan wanita dalam pelbagai bidang khususnya bidang kerjaya memang tidak disangkal di negara kita, di mana semakin ramai cendekiawan-cendekiawan yang lahir dari golongan wanita. Malah ini juga melambangkan bahawa wanita juga memainkan peranan penting dalam pembangunan dan kemajuan negara kita.

SERIKANDI pada keluaran kali ini menampilkan salah seorang wanita yang berusaha gigih dalam pembangunan negara. Beliau yang kita maksudkan ialah Datin Paduka Dayang Hajah Salmah binti Haji Hanafiah, Juruaudit Agung di Jabatan Audit, Jabatan Perdana Menteri.

PENDIDIKAN

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Berakas pada tahun 1959, kemudian beliau menjadi penuntut di Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) pada tahun 1963. Setelah lulus dalam Tingkatan Tiga, beliau meneruskan persekolahannya ke Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin (SOAS) pada tahun 1969.

Setelah Datin Paduka lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 1970, beliau melanjutkan pelajarannya yang memakan masa selama empat tahun di London dan menduduki peperiksaan Association of Chartered Accountants (ACCA). Alhamdulillah dengan berkat usaha yang gigih beserta doa, Datin Paduka telah lulus dalam

peperiksaan tersebut pada tahun 1975.

ANAK KEEMPAT

Mempunyai seramai sembilan orang adik-beradik dan Datin Paduka merupakan anak keempat. "Saya amat bersyukur kerana saya mampu menjaga adik-adik saya sewaktu kecil memandangkan saya merupakan anak perempuan sulung. Jadi adalah menjadi tanggungjawab kepada saya sebagai seorang kakak untuk menjaga adik-adik saya," jelas Datin Paduka.

Setelah mendapat kelulusan pada tahun 1975, beliau mula berkhidmat di Jabatan Perbendaharaan sebagai Akauntan pada tahun yang sama. Selepas itu beliau dinaikkan pangkat sebagai Akauntan Kanan pada tahun 1981. Seterusnya beliau dilantik sebagai Penolong Kanan Pengarah Perkhidmatan Kewangan pada tahun 1990. Melalui usaha dan ketekunan beliau dalam menjalani tugas dan tanggungjawab, maka pada tahun 1992 beliau dinaikkan pangkat menjadi Penolong Juruaudit Agung, manakala pada tahun 1994 beliau dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Juruaudit Agung. Pada tahun 2002, beliau sekali lagi dinaikkan pangkat sebagai Juruaudit Agung.

Apabila wakil PELITA BRUNEI bertanya, bagaimana beliau berinteraksi dan memberikan arahan kepada pekerja di bawahnya terutama golongan lelaki sedangkan beliau merupakan seorang wanita, beliau menjelaskan: "Bagi saya, tugas ini tidaklah mengganggu hu-

SERIKANDI

Oleh Refa'ah Ali Osman

bungan atau kemesraan saya dengan anak-anak buah saya, malah mereka menghormati saya sebagai seorang senior yang berpengalaman dalam menjalankan dan menyelesaikan tugas atau masalah yang sering timbul dalam pejabat. Malah sekiranya mereka menghadapi kesukaran atau masalah, mereka akan bertanya dan merujuk kepada saya bagi meminta pendapat atau penyelesaian."

"Wanita tidak semestinya kalah dalam menghadapi cabaran hidup, begitu juga bagi saya jawatan sebagai Juruaudit Agung ini tidak semestinya untuk seorang lelaki, akan tetapi wanita juga boleh mengendalikan tugas tersebut asalkan mereka mempunyai kelulusan yang relevan serta mempunyai kebolehan dalam menjalankan tugas," tegasnya lagi.

Apabila diajukan soalan mengenai bagaimana beliau membahagikan masa kepada keluarga dan kerjaya, Datin Paduka menjawab diikuti dengan sebuah senyuman, "Saya akan memastikan segala kerja pejabat tidak akan dibawa pulang ke rumah. Bagi saya, waktu bekerja hanya di pejabat manakala waktu di rumah adalah waktu untuk berehat dan bersama keluarga. Saya akan memanfaatkan setiap masa yang kosong ber-

sama anak-anak saya," jelas Datin Paduka lagi.

BERSAMA KELUARGA

Namun begitu, beliau tidak pernah menghadkan masanya bersama keluarga. Beliau akan memastikan segala keperluan makan dan minum keluarga dibuat sendiri oleh beliau. Suami beliau, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, merupakan pendorong dan pemberi semangat beliau dalam meneruskan perjuangan untuk mencapai kejayaan dalam bidang kerjaya.

Datin Paduka Dayang Hajah Salmah dikurniakan tiga orang anak, seorang lelaki dan dua orang perempuan. Anak sulung mereka, Edzwan Zukri, 24 tahun yang telah mempunyai kelulusan B. A. Accounting and Finance sedang berkhidmat dengan Agensi Pelaburan Brunei (BIA) di Kementerian Kewangan pada masa kini. Sementara anak kedua mereka, Dayang Sa'adatul Norsyahamah, 21 tahun juga mempunyai kelulusan dalam Master of Accounting and Finance, Umist University, Manchester. Manakala anak bongsu mereka, Dayang Hazimah Izzati, 19 tahun masih lagi melanjutkan pelajarannya dalam jurusan B. A.



DATIN Paduka Dayang Hajah Salmah binti Haji Hanafiah, Juruaudit Agung, Jabatan Audit, Jabatan Perdana Menteri.

Accounting and Finance dalam tahun dua.

Ibarat kata pepatah Melayu, ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi jua. Apa yang jelas di sini, kita dapat melihat bahawa kesemua anak-anak beliau mengikut jejak beliau yang lebih menjurus dan meminati bidang Accounting and Finance. Apabila ditanya adakah beliau yang mendorong anak-anak untuk mengikut jejaknya, Datin Paduka menjawab: "Saya tidak pernah sesekali memaksa mereka untuk mengikut jejak saya dalam jurusan accounting malah saya memberikan mereka pilihan dalam menentukan bidang yang mereka inginkan serta minati."

Maka jelaslah di sini, beliau dan suami beliau tidak pernah memaksa anak-anak mereka memilih bidang yang sama atau mengongkong kecenderungan yang ditunjukkan oleh anak-anak mereka. Mereka diberi kebebasan

menentukan apa yang ingin dilakukan dalam kehidupan mereka.

MEMINATI MATEMATIK

Matematik bagi beliau adalah suatu subjek yang amat menarik lahir dari jiwa beliau. "Matematik merupakan subjek kegemaran saya sejak dahulu lagi, mungkin ianya lahir secara semula jadi dalam diri saya ditambah pula saya memang meminati bidang bisnes. Ini jelas terbukti di mana anak sulung saya juga amat meminati subjek matematik dan minat beliau lebih menjurus dalam bidang Accounting. Sementara itu, anak kedua saya juga ingin mengikut jejak abangnya kelak," jelas Datin Paduka mengenai minat beliau dan anak-anak yang kebetulan sama.

Datin Paduka Salmah juga merupakan seorang yang aktif dalam persatuan wanita di Negara Brunei Darussalam seperti Persa-

tuan PERTIWI. Selain mengisi masa lapang bersama keluarga, beliau juga melakukan jogging atau bersenam bagi membantu dan menambah kesihatan.

Untuk mencapai sesuatu kejayaan, dorongan dan kemahuan dari diri sendiri amatlah perlu. "Dorongan keluarga adalah kunci utama selain diri sendiri. Kita juga perlu ada rasa tanggungjawab dalam menjalankan dan melaksanakan tugas yang diamanahkan kepada kita. Sebelum kita ingin mencapai apa yang diinginkan, kita mestilah tahu bidang apa yang kita minati sebenarnya, selepas itu barulah kita mengatur strategi dalam mencapai matlamat serta kejayaan dalam hidup kita," jelas Datin Paduka lagi.

Seterusnya Datin Paduka menasihatkan kepada kaum wanita Brunei, khasnya pelajar-pelajar supaya dapat melanjutkan pelajaran mereka ke tahap yang lebih tinggi, memandangkan bilangan orang yang mempunyai ijazah dalam bidang yang sangat diperlukan amatlah sedikit sedangkan negara kita amat memerlukan bagi mengisi serta membantu pertumbuhan ekonomi negara.

"Alhamdulillah, apa yang saya lakukan adalah bagi membantu kerajaan dalam meningkatkan mutu ekonomi negara di samping dapat menolong masyarakat dalam memberikan kerjasama kepada mereka," jelas Datin Paduka pada akhir sesi pertemuannya itu.

Sekolah Rendah Jerudong Brunei III sambut Jubli Emas

JERUDONG, 29 Mei. - Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman menyertai acara walkaton sempena Jubli Emas Sekolah Rendah Jerudong, Brunei III yang berlangsung di padang sekolah tersebut.

Acara dimulakan dengan senamrobik yang diketuai oleh Pengurus Kelab Bolasepak Jerudong, Awang Haji Murni bin Mohammad diikuti dengan walkaton sejauh lima kilometer bagi peserta lelaki dan tiga kilometer bagi peserta perempuan.

Guru Besar Sekolah Rendah Jerudong, Cikgu Nudin bin Haji Mohammad dalam ucapan alu-

Oleh Siti Seri Leila Imelda
Farrah Zohre Haji Abdullah

aluannya menyatakan tujuan acara seumpama itu diadakan sebagai salah satu aktiviti sekolah ke arah memperingati 50 tahun penubuhannya dan juga merupakan sebagai persediaan bagi acara-acara seterusnya Sambutan Jubli Emas sekolah tersebut.

Menurutnya, acara walkaton juga bertujuan mengutip wang yang sebahagian hasilnya akan digunakan untuk membeli peralatan, keperluan pengajaran dan pembelajaran serta didermakan sebanyak lima peratus

kepada anak-anak yatim di sekolah itu.

Bagi merapatkan lagi silaturahmi dan kerjasama antara pihak sekolah dan masyarakat sekeliling khususnya ibu bapa dan para penderma serta mendukung hasrat sekolah dan Kementerian Pendidikan mempromosikan kesihatan dan menjadikan gaya hidup sihat sebagai amalan sepanjang hayat, tambah Cikgu Nudin.

Sasaran kutipan bagi acara walkaton ialah sebanyak \$15,000.00 dan pihak sekolah

berjaya mengumpul wang kutipan melebihi \$17,000.00.

Sementara itu acara juga diselenggarakan dengan penyampaian hadiah kepada pengutip derma terbanyak mengikut kategori dan juga penyampaian hadiah cabutan tiket bertuah, di samping ibu bapa dan penjaga murid jua berkesempatan berjual aneka jenis barangan sepanjang acara tersebut di gerai-gerai yang disediakan oleh pihak sekolah.

Antara yang hadir di acara tersebut ialah pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pendidikan, ahli-ahli jawatankuasa induk walkaton, Ketua Kampong Jerudong, ibu bapa, penaja perseorangan dan kumpulan Kelab Bola Sepak Jerudong.

Kem Kaunseling Jaya Diri isi masa percutian sekolah

Oleh
Refa'ah Ali Osman

RIMBA, 11 Jun. - Seramai 132 penuntut dari 28 buah sekolah menengah mengikuti Kem Kaunseling Jaya Diri Ke-4 anjuran Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Bakat Kerja, Jabatan Sekolah-Sekolah yang berlangsung pada 11 - 14 Jun di kawasan lapang Sekolah Menengah Rimba di sini.

Pada sesi pendaftaran, taklimat disampaikan oleh Ketua Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Bakat Kerja, Awang Haji Bulat bin Haji Badar yang antara lain menerangkan mengenai peraturan yang perlu diikuti oleh semua pelajar, di samping mengeratkan silaturahmi dan dapat mengisi cuti persekolahan dengan membuat aktiviti yang berfaedah dan berguna.

Dalam pada itu juga, beliau menjelaskan mengenai tujuan Kem Kaunseling Jaya Diri antara lain bagi menguji ketahanan dan kecergasan para pelajar dalam pelbagai situasi dan kesukaran.

Dalam sesi temu bual, para pelajar dari Ma'had Islam Brunei berpendapat bahawa Kem Kaunseling itu amat berguna dan berfaedah kerana selain mengeratkan silaturahmi, mereka juga dapat belajar bagaimana menjadi seorang yang bertanggungjawab kepada diri sendiri dan masyarakat, di samping mengisi masa percutian sekolah.



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman menyampaikan sijil kepada seorang peserta yang menghadiri Persidangan Antarabangsa Kedua Mengenai Pendidikan Khas. Majlis berlangsung di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam. - Gambar oleh Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Balai Bomba baru di Beribi

BERIBI, 1 Jun. - Jabatan Perkhidmatan Bomba maju setapak lagi dengan terbinanya sebuah balai bomba baru di Kampung Beribi yang mana Majlis Penyerahan Anak Kunci telah berlangsung hari ini.

Majlis Penyerahan Balai Bomba Kampung Beribi telah diserahkan oleh Pengiran Haji Minuddin bin Pengiran Laila Wijaya Pengiran Haji Yusof selaku wakil pihak Jabatan Kerja Raya kepada Awang Haji Johari bin Jeludin, Pemangku Pengarah Perkhidmatan Bomba yang berlangsung di Balai Bomba Kampung Beribi di sini.

Balai Bomba baru ini menelan belanja \$2,248,805.00 yang mana pembinaannya telah bermula 19 Ogos 2003 dan siap sepenuhnya pada bulan Februari 2005. Bangunan ini dibina di atas tanah seluas 0.2024 hektar yang mempunyai kemudahan-kemudahan lengkap seperti bilik pejabat, sembahyang, persidangan, kantin, stor, letak kereta dan sebagainya.

Oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar



PENGIRAN Haji Manuddin bin Pengiran Laila Wijaya Pengiran Haji Yusof, wakil Jabatan Kerja Raya menyampaikan anak kunci kepada Pemangku Pengarah Perkhidmatan Bomba, Awang Johari bin Jeludin. - Gambar oleh Masri Osman.



BALAI Bomba Kampung Beribi yang menelan belanja \$2,248,805.00 dilengkapi dengan pelbagai kemudahan. - Gambar oleh Masri Osman.

Kempen Derma Darah anjuran Kg. Kapok

Oleh Sukri Hidayat Hj. Abu Bakar

MUARA, 4 Jun. - Masjid Kampung Kapok hari ini mengadakan Kempen Derma Darah yang dianjurkan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kapok bersama Majlis Mesyuarat Kampung Kapok.

Dianggarkan seramai 100 orang penderma yang terdiri daripada anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei,

Pasukan Polis Diraja Brunei, Pasukan Bomba dan murid-murid sekolah menayakan kempen tersebut.

Kempen Derma Darah adalah salah satu aktiviti tahunan yang bertujuan bagi mengimarahkan masjid, di samping mengeratkan silaturahim di antara pihak penganjur dengan para penderma.

Kemahiran literasi perlu disediakan lebih awal

Oleh Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.bn.gov

TUNGKU, 8 Jun. - Langkah awal untuk mewujudkan kemahiran literasi merupakan suatu yang sangat penting, di mana infrastruktur yang wajar tidak seharusnya terlambat disediakan.

Ini kerana sesetengah kajian telah memberi isyarat bahawa lebih kurang 82 peratus pelajar-pelajar dapat menguasai kemahiran-kemahiran tertentu apabila Program Intervensi Awal disediakan semasa darjah 1 dan 2.

Jika program intervensi tidak disediakan sehingga darjah 3, keramaian pelajar yang dikira boleh membaca jatuh secara drastiknya kira-kira 46 peratus.

Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman berkata demikian di Majlis Penutup Persidangan Antarabangsa Kedua Mengenai Pendidikan Khas berlangsung di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) di sini.

Menurut Timbalan Menteri Pendidikan, penurunan yang lebih drastik dan jauh lebih ketara sehingga lebih 10 - 15 peratus jika program intervensi bacaan tidak disediakan sehingga darjah 4.

Oleh itu, tegas Pengiran Dato Seri Setia, sebagai pendidik yang bertanggungjawab dan berkualiti mereka mestilah bijak mengenal pasti keperluan pendidikan kanak-kanak seawal yang mungkin.

"Masalah dengan pembelajaran hendaklah diambil kira dan ditangani dengan sebaiknya. Jika intervensi awal dijalankan dan diimplimentasikan seawal-awalnya maka besar kemungkinan bantuan pemulihan akan berkurangan sama ada di peringkat rendah bawah atau atas," jelasnya.

Dalam hubungan itu kita hendaklah memastikan supaya semua kanak-kanak disediakan dengan pendidikan yang sempurna di peringkat awal lagi, di mana pihak sekolah seharusnya memberikan bantuan asas yang kukuh kepada setiap kanak-kanak untuk pembelajaran mereka seterusnya, jelas Timbalan Menteri Pendidikan.

Di majlis itu Timbalan Menteri Pendidikan turut menyentuh mengenai teknologi informasi dan komunikasi

(ICT) yang mana tenaga pengajar harus tahu dan memastikan mereka peka terhadap perkembangan terkini selain memastikan kanak-kanak berkeperluan khas mempunyai kemudahan 'hardware' dan 'software' yang dapat meningkatkan pembelajaran mereka.

Di Negara Brunei Darussalam, jelasnya, ICT dan bantuan teknologi pembelajaran sudah menjadi perkara yang sangat penting di mana peralatan dan perisian semakin meluas digunakan untuk membantu pembelajaran pelajar-pelajar yang berkeperluan khas.

"Teknologi masa kini telah dapat membantu pelajar-pelajar yang bermasalah pendengaran, penglihatan atau pertuturan untuk membuat kerja-kerja menulis, membaca dan lain-lain tugas pembelajaran yang sebelum ini adalah sukar dan mustahil untuk mereka lakukan," ujarnya.

Dalam hubungan itu Timbalan Menteri Pendidikan menyarankan supaya para

guru tidak jemu-jemu untuk meninggikan taraf profesionalisme mereka dalam bidang ini terutama dalam penggunaan ICT supaya kita akan dapat menangani masalah pembelajaran pelajar-pelajar selaras dengan perkembangan era baru.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil-sijil dan cenderamata kepada para peserta persidangan dan membentangkan kertas kerja dari dalam dan luar negara.

Persidangan tiga hari bertemakan 'Anak Kita Masa Hadapan: Suatu Pendekatan Global' membentangkan beberapa kertas kerja secara keseluruhannya menyentuh mengenai pendidikan khas.

Persidangan Kebangsaan mengenai Pendidikan Khas telah diadakan dalam tahun 1996 dan 1999, manakala Persidangan Antarabangsa Pertama dilangsungkan pada tahun 1997 dan merupakan tahun kedua persidangan dilangsungkan di negara ini.

Seramai 255 orang guru dari sekolah-sekolah kerajaan telah mempunyai Sijil Kursus Pendidikan Khas melibatkan Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan dan UBD dalam tahun 1996.

Jerayawara proses penyimpanan dan pengambilan balik tanah

Oleh Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.bn.gov

BERAKAS, 4 Jun. - Jerayawara Proses Penyimpanan dan Pengambilan Balik Tanah anjuran Kementerian Pembangunan bagi pegawai-pegawai Kementerian Pembangunan dan juga para pegawai kementerian lain berlangsung di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan di sini.

Jerayawara tersebut bermula dengan taklimat proses penyimpanan tanah melibatkan pegawai-pegawai daripada Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD), Tanah, Ukur dan Unit Tanah Kementerian Pembangunan (PSL).

Pegawai Penaksir Tanah, Jabatan Tanah, Dayang Jarinah binti Abu Adnan antara lain menjelaskan mengenai proses bagi mendapatkan tapak bagi projek-projek ke-

rajaan, di mana mendapatkan tapak bagi projek-projek kerajaan, di mana katanya terdapat tiga peringkat bagi proses tersebut iaitu peringkat pertama ialah pengenalan tapak dan permohonan pengambilan balik tanah, peringkat kedua pula adalah penyimpanan tanah dan peringkat tiga seperti perwartaan tanah, katanya.

Menurut Dayang Jarinah, dalam proses peringkat pertama iaitu proses pengenalan tapak akan dijalankan dengan empat cara iaitu cara pertama terlebih dahulu permohonan dihadapkan ke JPBD dengan mengisikan borang keperluan tapak yang boleh didapati daripada

JPBD.

Manakala Pegawai Perancang Bandar dan Desa, Awang Bahrin Haji Mohd. Salleh pula berkata langkah kedua iaitu proses pengenalan tapak termasuk mengenal pasti tapak dan penyediaan pelan cadangan tapak serta permohonan hendaklah mengisi borang keperluan tapak. Proses bagi pengenalan tapak ini akan mengambil masa selama 14 hari.

Proses seterusnya ialah tapak yang sudah dikenal pasti oleh JPBD permohonan tersebut dihadapkan kepada kementerian, jabatan-pengguna bagi persetujuan/pengesahan tapak dan proses terakhir ialah permohonan

tersebut dikelilingkan kepada Ahli Jawatankuasa Pemilihan Tapak (JKPT), setelah ditetapkan daripada kementerian/jabatan-pengguna diterima, pelan cadangan dikelilingkan kepada ahli JKPT untuk ulasan dan pandangan mesyuarat jawatankuasa pemilihan tapak untuk 'endorsement'.

Dalam taklimat itu para peserta juga mendengarkan taklimat proses pengambilan balik tanah disampaikan oleh pegawai daripada Jabatan Tanah dan sesi soal jawab juga diadakan.

Jerayawara diadakan mempunyai dua matlamat iaitu matlamat utama ialah menyampaikan keperluan Kanun Tanah dan akan pengambilan balik tanah dalam melaksanakan projek kerajaan, memberi maklumat kepada pelaksanaan projek-projek kerajaan terhadap perjalanan proses dan memberikan ketelusan mengenai tugas-tugas dan tanggungjawab jabatan-jabatan berkenaan dalam memproses permohonan tapak.

Manakala matlamat umum pula ialah sebagai persediaan pelaksanaan projek-projek kerajaan yang akan datang supaya berjalan dengan lancar, memastikan pelaksanaan projek-projek kerajaan tidak menjejaskan hak-hak kerajaan, hak pemilih-pemilih tanah dan pihak-pihak yang berkepentingan dalam Kanun Tanah dan Akta PBT dan mensejajarkan dan menyelaras keperluan dan aspirasi JPKE dan memantau pelaksanaan projek-projek kerajaan yang dipohonkan.



TAKLIMAT Jerayawara Proses Penyimpanan dan Pengambilan Balik Tanah anjuran Kementerian Pembangunan melibatkan pegawai-pegawai Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Tanah, Ukur dan Unit Tanah Kementerian Pembangunan (PSL). - Gambar oleh Hamadi Haji Mohammad.

Kerjasama di bidang penerangan antara Wilayah Persekutuan Labuan - Negara Brunei Darussalam

DALAM meningkatkan lagi kerjasama dalam bidang penerangan di negara ini, misi lawatan kerja ke Wilayah Persekutuan Labuan telah dibuat oleh Jabatan Penerangan Negara Brunei Darussalam yang mana ianya telah diketuai oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut.

Lawatan kerja tiga hari ke Wilayah Persekutuan Labuan yang bermula 3 Jun dan berakhir 5 Jun lepas di mana pelbagai aktiviti telah diatur dalam lawatan kerja tersebut.

Lawatan yang diketuai oleh Pengarah Penerangan melibatkan sebilangan pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan, seorang Penghulu dan dua orang Ketua Kampung di Mukim Lumapas serta seorang Ketua Kampung di Mukim Kota Batu.

Pada hari pertama lawatan itu, rombongan telah dibawa ke Pejabat Wisma

Berita oleh Siti Seri Leila Farrah
Zohre Haji Abdullah dan
Amal Hazirah Haji Maidin
Gambar-gambar oleh Aliddin Haji Moktal
dan Haji Ajjah Haji Ali

Perbadanan Labuan. Di sini rombongan diberikan taklimat oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Pembangunan, Encik Omar bin Kasih mengenai sejarah, profil dan pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan. Taklimat diakhiri dengan sesi perbincangan di antara rombongan dan Pengarah Bahagian Pelaburan dan Sosioekonomi Perbadanan Labuan, Puan Norsiah binti Udin.

Lawatan kemudiannya diteruskan ke Pejabat Labuan Offshore Financial Services Authority (LOFSA). Di sini mereka juga diberikan taklimat mengenai 'International Offshore Financial Centre' yang disampaikan oleh Pegawai Eksekutif Jabatan Pembangunan Pendaftaran

dan Bisnes, Cik Rozainie binti Abdul Hamid.

Pada sebelah malamnya rombongan juga berkesempatan menikmati jamuan yang diberikan oleh Perbadanan Labuan di sebuah restoran di Tanjung Aru.

Di hari kedua lawatan kerja tersebut, rombongan dibawa melawat ke Radio Televisyen Malaysia, Labuan (RTM Labuan). Ucapan alu-aluan kemudiannya disampaikan oleh Pengarah Penyiaran RTM Labuan, Yang Berusaha Munah binti Madar, diikuti ucapan alu-aluan oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang.

Sesi taklimat dan soal jawab mengenai Negara Brunei Darussalam kemudiannya disampaikan oleh Pembantu Pegawai

Luar Penerangan, Awangku Asrul bin Pengiran Haji Abdul Momin. Rombongan kemudiannya dibawa meninjau secara langsung ke Radio Labuan FM dan melawat ke bilik rakaman.

Seterusnya rombongan juga dibawa melawat ke Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL), Malaysia. Pengarah JPWPL, Malaysia, Encik Saleki bin Amat Januri memberikan ucapan alu-aluan dan menerangkan mengenai fungsi dan sejarah jabatan itu.

Selepas mendengar ucapan balas daripada Pengarah Penerangan Negara Brunei Darussalam, rombongan dibawa meneruskan lawatan muhibah ke Kampung Sungai Labu. Ketibaan rombongan di kampung tersebut disambut dengan meriah oleh orang-orang kampung dengan pukulan hadrah.

Rombongan kemudiannya beredar ke Bengkel Makanan Ringan (Kilang Keropok) Komuniti Bestari Zon 3 dan seterusnya ke Anjung Bestari, Komuniti Bestari Kampung Sungai Labu. Ucapan alu-aluan disampaikan oleh Ketua Kampung tersebut, Tuan Haji Hassin @ Hashim bin Abdullah dan taklimat kemudiannya disampaikan oleh Pegawai Perhubungan Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Kementerian Penerangan Malaysia, Kuala Lumpur, Tuan Haji Mohd. Nasir bin Salleh.

Ucapan alu-aluan juga disampaikan oleh Pengarah JPWPL Malaysia, Encik Saleki dan seterusnya ucapan balas Pengarah Penerangan Negara Brunei Darussalam.

Di hari kedua lawatan tersebut, JPWPL dan Jabatan Penerangan Negara Brunei Darussalam juga telah mengadakan Perlawanan Tenpin Bowling Persahabatan di Ujana Kewangan.

Di sebelah malamnya pula Majlis Makan Malam juga telah diberikan yang dikendalikan oleh JPWPL yang berlangsung di Waterfront Hotel. Tetamu



PENGARAH Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut ketika mendengar taklimat yang disampaikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Pembangunan, Encik Omar bin Kasih.



MAJLIS Makan Malam bagi meraikan pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan Negara Brunei Darussalam yang mengadakan lawatan kerja tiga hari ke Wilayah Persekutuan Labuan.



PENGARAH Penerangan Negara Brunei Darussalam ketika mendengar taklimat dalam sesi lawatan Pengarah Penerangan Negara Brunei Darussalam dan pegawai-pegawai serta kakitangan Jabatan Penerangan Negara Brunei Darussalam ke Bengkel Makanan Ringan (Kilang Keropok).

kehormat di majlis tersebut ialah Dato' Haji Yusof bin Haji Mahal, Pengerusi Penasihat Lembaga Perbadanan Labuan merangkap Timbalan Ketua UMNO. Beliau kemudiannya memberikan ucapan, sekali gus menutup Program Lawatan Sambil Belajar Jabatan Penerangan Negara Brunei Darussalam.

Di majlis tersebut juga diadakan pertukaran cenderahati antara Pengarah Penerangan Wilayah Persekutuan Labuan Malaysia dan Pengarah Penerangan Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut dan Pengerusi Koperasi Zon 3 Kampung Sungai Labu, Tuan Haji Hassin @ Hashim bin Abdullah.

Di hari terakhir lawatan, rombongan Ja-



SEBAHAGIAN peserta lawatan kerja tiga hari dari Jabatan Penerangan Negara Brunei Darussalam dalam acara Perlawanan Tenpin Bowling Persahabatan di Ujana Kewangan.

batan Penerangan Negara Brunei Darussalam juga dibawa bersiar dan membeli-belah di Tamu Hujung Minggu Labuan dan seterusnya berkesempatan hadir Majlis Perkahwinan seorang kakitangan Perbadanan Labuan.

Tujuan lawatan semumpama itu diadakan adalah sebahagian daripada strategi Jabatan Penerangan Negara Brunei

Darussalam untuk berusaha memperbaiki misi dan visi jabatan dalam memberikan pendedahan mengenai aspek-aspek penyiaran di negara jiran kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan Negara Brunei Darussalam, di samping untuk mengeratkan lagi tali silaturahmi di antara Negara Brunei Darussalam dan Wilayah Persekutuan Labuan yang mempunyai



PERTUKARAN cenderahati antara Pengarah Penerangan Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan dan Pengarah Penerangan Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut.



PENGARAH Penerangan Negara Brunei Darussalam menerima cenderahati berupa kuih-muih tradisi.

Hidupkan semula acara tradisi

KUALA BELAIT, 6 Jun. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan menyeru semua Ahli Jawatankuasa Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-59 peringkat Daerah Belait supaya lebih prihatin dan menyusun apa jua program dengan mengaturnya acara yang dikenal pasti mendapat sambutan orang ramai.

Selain itu acara-acara yang khususnya melibatkan golongan belia juga perlu diambil perhatian, kerana usaha sedemikian bukan sahaja menghindarkan mereka terjebak kepada perkara negatif tetapi juga dapat memupuk semangat patriotik, membina jati diri dan kerja secara berpasukan, di samping sama-sama menyumbangkan khidmat bakti dan memupuk semangat kecintaan kepada raja dan negara.

Yang Berhormat membuat seruan tersebut di Mesyuarat Bersama Pengerusi Jawatan-

kuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-59 peringkat Daerah Belait yang diadakan di Dewan Santap di sini.

Selain itu Yang Berhormat juga menyarankan bagi mana-mana acara berbentuk tradisi seperti lumba perahu dan sebagainya perlu dihidup dan diperkenalkan kepada generasi muda supaya acara-acara tersebut tidak diabaikan dan pupus begitu sahaja.

"Jawatankuasa Tertinggi Sambutan juga berperanan dalam menonjolkan penglibatan pemimpin-pemimpin di peringkat akar umbi seperti Penghulu Mukim, Ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang, ketua cawangan pejabat kerajaan, pegawai kerajaan, pemimpin persatuan belia, pertubuhan NGO's serta pihak swasta untuk menggembleng tenaga melibatkan seberapa banyak penyertaan bagi memeriah dan menyemarakkan lagi suasana sambutan itu nanti khususnya semasa keberangkatan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah 'post-mortem' bagi meneliti dan menilai semula terhadap masalah dan mengenal pasti kekurangan acara-acara pada tahun lalu akan dapat diatasi bagi memperbaiki dan mempertingkatkan lagi mutu dan memastikan kesempurnaan acara-acara perayaan yang diadakan pada tahun ini.

Yang Berhormat seterusnya berkata, penglibatan, keramahan dan kehadiran semua peringkat lapisan rakyat dan penduduk secara langsung menunjukkan perpaduan, muafakat, sokongan dan kekukuh kerjasama di kalangan rakyat dan penduduk di daerah ini sentiasa teguh dan saling bantu-membantu dalam melaksanakan apa jua atur cara yang bermanfaat dan berkebaikan.

Yang Berhormat juga memaklumkan, bagi menandakan bermulanya acara-acara sambutan perayaan tersebut ialah perarakan dan pengibaran ben-

dera besar rasmi Negara Brunei Darussalam yang akan diadakan 1 Julai.

Menurut Yang Berhormat perubahan tersebut dibuat bagi membolehkan rakyat dan penduduk di negara ini membuat persediaan lebih awal bagi memeriah dan meramai serta menyemarakkan lagi suasana sambutan tahun ini.

Ke arah itu, Yang Berhormat menyeru semua Penghulu Mukim, Ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang agar sama-sama menasihatkan anak-anak buah mereka untuk menaikkan bendera rasmi negara pada tarikh tersebut.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Haji Mohd. Yusop turut membincangkan perkembangan terkini persediaan khususnya atur cara keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat sebagai acara kemuncak perayaan selain membincangkan acara-acara persembahan padang, perharian padang dan sebagainya.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan ketika menghadiri mesyuarat berkenaan. Antara yang hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff.

Kongsi idea bagi kemajuan organisasi

Berita dan gambar-gambar oleh
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

KUALA BELAIT, 7 Jun. - Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, Pengiran Haji Mohd. Ali menyeru semua warga jabatannya bersikap komited dan bersedia serta siap siaga dengan segala perubahan yang akan terjadi dalam menjalankan tugas sehari-hari mereka.

Katanya, dengan sikap sedemikian jabatan mereka akan mencapai kecemerlangan dan visi untuk menjadikan perbandaran Kuala Belait dan Seria dalam keadaan indah, maju, makmur dan sejahtera berteraskan misi untuk mentadbir dan mengurus perkembangan serta kemajuan perbandaran Kuala Belait dan Seria dengan penuh dedikasi dan kecemerlangan akan tercapai sepenuhnya.

"Dalam menuju kecemerlangan dalam sesebuah organisasi, semua pendapat amat perlu didengar dan dikongsikan ianya bukan hanya datang daripada pegawai atasan sahaja tetapi semua orang mempunyai tempat untuk memberikan cetusan idea yang membawa perubahan positif dan keuntungan kepada organisasi," ujar beliau di Majlis Taklimat Peraturan dan Etika Kerja bagi warga Jabatan Bandaran yang diadakan di Dewan Bandaran di sini.

Dalam pada itu beliau juga menekankan perlunya mengamalkan sikap bekerja dalam berpasukan dan dengannya setiap jalan penyelesaian masalah atau kemusykilan pengurusan kerja yang dihadapi boleh dirunding dan dibincangkan bersama.

Dalam pada itu juga penting mempraktikkan segala sikap yang digariskan dalam buku Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam seperti bekerja dengan penuh jujur, amanah, bersih, berwibawa, bertanggung-

jawab, komited, kreatif, bersopan santun, pemedulian, berjimat dan berilmu, ujar beliau.

Sehubungan itu beliau mengingatkan semua ketua bahagian pejabat dan pengawas pekerja agar melaporkan segera akan apa jua kelakuan pegawai dan kakitangan bawah mereka yang melanggar peraturan kerja supaya menghindari diri daripada terlibat sama dan dituduh merestui perbuatan yang salah itu dan akhirnya akan diambil tindakan.

Tiga orang pegawai iaitu Penolong Pengarah Perkhidmatan Personel, Awang Haji Abdul Kahar Bolhassan; Pegawai Pentadbir Tingkat I, Awang Norfarizal Othman dan Pegawai Pentadbir Tingkat I, Pengiran Abdul Rahman bin Pengiran Haji Damit daripada Jabatan Perkhidmatan Awam diundang untuk menyampaikan ceramah.

matan Awam, di samping mendorong perubahan sikap kepada yang lebih terbaik dan berkualiti.

Lebih 50 pegawai dan kakitangan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria menghadiri majlis tersebut yang antara lain bertujuan untuk memberikan kefahaman mengenai peraturan-peraturan dan etika kerja dalam Perkhid-



PEMANGKU Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, Pengiran Haji Mohd. Ali bersama pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria mendengar ceramah yang disampaikan.



PENOLONG Pegawai Daerah Belait menerima sumbangan tajaan daripada seorang penaja.



AHLI-AHLI jawatankuasa perayaan peringkat Daerah Belait bermesyuarat bagi membincangkan perkembangan terkini persediaan perayaan yang akan diadakan.

Terapkan semangat sukan yang jitu

MUMONG, 8 Jun. - Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali Matyassin menyeru semua pengurus, jurulatih dan atlet-atlet daerah ini supaya mempraktikkan kaedah latihan dengan penuh komited, berdisiplin, mempunyai semangat setia kawan yang tinggi dan mempunyai motivasi sukan yang padu, jitu dan mantap.

Beliau yang juga Ketua Kontinjen Daerah Belait ke Pesta Sukan Kebangsaan Ke-VII menambah, kemenangan setiap perlawanan dan pertandingan adalah target semua pihak dan bagi mendapatkan sebarang pingat tidak mempunyai jalan pintas serta tidak semudah mana, perlu usaha dan kemahuan yang tinggi.

Oleh itu beliau menyeru semua atlet supaya berusaha bersungguh-sungguh dalam apa jua gelanggang pertandingan dengan menanamkan semangat juang yang tebal dan tidak pernah kendur. Beliau membuat seruan itu di Majlis Perjumpaan dan Penyerahan Bendera Kontinjen Daerah Belait ke PSK Ke-VII yang

diadakan di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan di sini.

Beliau juga mengingatkan para pengurus dan jurulatih supaya pemilihan strategi perlawanan dan pertandingan diambil kira dengan wajar serta penting dan relevan untuk mendapatkan hak kejayaan dan kemenangan walaupun ada kekurangan tetapi dengan strategi yang terbaik akan dapat membimbing atlet-atlet untuk mendapatkan sebarang banyak pingat.

Oleh itu beliau menyeru dan berharap kontinjen daerah ini menyerlah dan terbaik, penuh disiplin, berkeyakinan untuk menunjukkan keupayaan kesukanan yang lebih cemerlang bagi mengharumkan nama mereka.

Beliau juga yakin pesta sukan tahun ini akan banyak menunjukkan keupayaan dan prestasi para atlet daerah ini di beberapa acara sukan dan akan terpilih dan diserapkan di dalam pemilihan ke peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

Di majlis itu Tetamu Kehormat, Pegawai Daerah Be-

lait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusop menyempurnakan penyerahan Bendera Kontinjen Daerah Belait kepada Ketua Kontinjen. Di majlis itu Penolong Pegawai Daerah juga menerima sumbangan tajaan daripada para penaja.

Kontinjen daerah ini akan menyertai 14 acara sukan dengan 273 atlet lelaki dan wanita. Antara acara sukan yang diikuti, badminton, bola jaring, bola keranjang, bola sepak, bola tampar, futsal, golf, hoki, lumba basikal, lumba perahu, olahraga, pencak silat, ping pong dan sepak takraw.

Tahun lalu kontinjen daerah ini meraih 10 pingat emas, sembilan perak dan gangsa dengan menduduki tempat ketiga. PSK merupakan projek pembangunan sukan jangka panjang dan berterusan Jabatan Belait dan Sukan antara lain bertujuan untuk meningkatkan usaha sama dan persefahaman di kalangan agensi kerajaan, persatuan sukan kebangsaan dan syarikat swasta dalam memaju dan meningkatkan mutu sukan negara.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bersama para jemaah ketika menghadiri ceramah sejurus selepas menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Kukuhkan keimanan di usia muda

KUALA BELAIT, 4 Jun. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain menyeru para belia supaya mendekatkan diri kepada Allah dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Di usia muda, tambah Yang Berhormat, para belia mudah terpengaruh terhadap anasir-anasir yang kurang sihat dan di usia begitulah mereka perlu diserapkan dengan ilmu keagamaan yang kukuh. Yang Berhormat berucap demi-

Berita dan gambar-gambar oleh
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

kian ketika menyampaikan ceramah agama kepada belia-belia masjid seluruh negara yang diadakan di Masjid Muhammad Jamalul Alam di sini.

Yang Berhormat berkata, mereka yang mempunyai keimanan yang kukuh sentiasa mengingati Allah sama ada ketika ditimpa musibah atau sebaliknya dan bersyukur dengan segala kenikmatan yang diberikan kepada mereka.

"Setiap kesenangan dan kesusahan merupakan ujian daripada Allah dan untuk lulus ujian tersebut hendaklah beriman kepada Allah," ujar Yang Berhormat.

Seterusnya Yang Berhormat juga mengingatkan supaya melakukan kerja dengan ikhlas, jujur bukan berpura-pura kerana berpura-pura membawa akibat yang merugikan diri sendiri dan menyebabkan hati

tidak tenang. Untuk mendapat ketenangan, kata Yang Berhormat, hendaklah mengingati Allah antaranya melakukan sembahyang dan berzikir.

Ceramah tersebut merupakan antara agenda yang dimuatkan dalam Program Perlawanan Bola Sepak Piala Zain Kumpulan Belia Masjid Ke-4 Peringkat Akhir anjuran Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama bertujuan mendekatkan para belia dengan masjid dan berakhlak melalui sukan serta melaksanakan acara kegiatan sukan mengikut peraturan dan hukum Islam.

Kupas isu kesihatan

SERIA, 5 Jun. - Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Serbini bin Haji Ali menekankan kesihatan cara kerja adalah salah satu cabang sains perubatan yang kini sedang berkembang pesat. Hanya melalui kajian dalam bidang ini pihak-pihak berkenaan akan dapat mencari cara dan kaedah untuk memperbaiki suasana tempat bekerja.

Awang Serbini menambah usaha Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad (BSP) dalam melaksanakan program cara hidup yang sihat bagi kakitangannya melalui cara pemakanan sihat dan bersemenam amat menggalakkan.

Katanya dengan menganjurkan simposium tersebut bukan setakat menekankan kepentingan kese-

lamatan dan kesihatan cara kerja, tetapi juga berkongsi maklumat penting dalam memahami isu-isu berkenaan yang boleh menjejaskan mata pencarian beribu-ribu orang dan produktiviti sektor industri serta komersil sesebuah negara.

Simposium Perubatan selama sehari di Pusat Penemuan Minyak dan Gas (OGDC) dianjurkan oleh Pusat Kesihatan Panaga BSP menumpukan kepada isu kesihatan dan keselamatan cara kerja yang kini menjadi isu perubatan yang kepentingannya semakin meningkat di Negara Brunei Darussalam.

Beberapa orang pakar dari Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Hospital Suri Seri Begawan, Pusat Kesihatan Jerudong dan Pusat Kesihatan

Panaga diundang menyampaikan ceramah yang berkaitan dengan kesihatan pekerjaan di negara ini serta peranan penting yang dimainkan oleh Pusat Kesihatan Panaga.

Antara tajuk ceramah yang disampaikan termasuklah ergonomi, sakit belakang, barah pekerjaan dan stres pekerjaan. Simposium berkenaan dihadiri oleh para doktor dari jabatan kerajaan dan sektor swasta.

Simposium juga diselitkan dengan perbincangan menarik bertajuk 'Rumah Ini Percaya Pekerja-pekerja Obesiti Tidak Layak Bekerja Di Luar Pantai' disampaikan oleh Ketua Kesihatan dan Keselamatan Alam Sekitar BSP, Lee Wai Chee.

Awangku Mohd. Hakeem, Dayangku Fauziah juara

KUALA BELAIT, 9 Jun. - Awangku Mohd. Hakeem bin Pengiran Rosli dan Dayangku Fauziah Nadirah binti Pengiran Haji Jofri masing-masing menjadi johan di Peraduan Azan Subuh Serta Doanya dan Menghafaz Ayat-ayat Lazim Peringkat Akhir Negara.

Awangku Mohd. Hakeem dari Sekolah Sunshine, Brunei III berjaya menewaskan tujuh peserta lain di Peraduan Azan Subuh Serta Doanya, manakala Dayangku Fauziah Nadirah dari Sekolah Rendah Pulaie, Brunei II menduduki tempat pertama dengan mengalahkan tujuh rakannya di Peraduan Menghafaz Ayat-ayat Lazim bagi sekolah-sekolah rendah kerajaan dan sekolah-sekolah pendidikan swasta yang diadakan di Dewan Sekolah Rendah Pengiran Setia Jaya Pengiran Abdul Momin di sini.

Naib johan Peraduan Azan Subuh disandang oleh Ahmad Zawawi bin Pengarah Haji Ibrahim dari Sekolah Rendah Dato Ahmad, Brunei I dan di tempat ketiga, Rajali bin Haji Aji dari Sekolah Rendah Kapok Muara, Brunei II sementara naib johan Peraduan Menghafaz Ayat-ayat Lazim, Madiah binti Haji Mohd. Naim dari Sekolah Rendah Sungai Liang dan di tempat ketiga, Nurul Izzah binti Haji Zainal Ariffin Lubis dari Sekolah Rendah Haji Md. Jaafar Maun, Kiulap, Brunei III.

Tetamu kehormat, Penolong Pengarah Sekolah-sekolah Pendidikan Rendah, Ustazah Hajah Fati-



TAHNIAH ... Tetamu kehormat, Ustazah Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani menyampaikan hadiah kepada johan Peraduan Azan Subuh Serta Doanya, Awangku Mohd. Hakeem bin Pengiran Rosli.

mah binti Haji Abd. Ghani menyampaikan hadiah kepada para pemenang dan setiap peserta yang mengambil bahagian. Terdahulu sebelum itu beliau menyampaikan ucapannya antara lain berkata, peraduan seumpama itu akan dapat menanamkan perasaan mencintai Al-Quran dalam jiwa pelajar-pelajar sekali gus memimpin mereka menjadi insan yang bertakwa dan beriman.

Dalam membimbing mereka mempelajari Al-Quran beliau menyeru guru-guru yang terlibat supaya mengaplikasikan pendekatan, strategi, metod dan teknik yang berkesan demi menjadikan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran dalam suasana yang lebih kondusif dan

efektif. Selain itu, tambahnya, penggunaan alat bantu mengajar perlu diambil perhatian kerana menurut kajian pakar pendidikan 75 peratus daripada maklumat yang diperolehi oleh manusia melalui deria penglihatan, 13 peratus melalui deria pendengaran dan selebihnya melalui deria sentuh, rasa dan bau.

"Ini jelas menunjukkan deria penglihatan dan pendengaran merupakan dua saluran deria manusia yang penting sekali untuk memperoleh maklumat. Oleh itu sumber pengajaran dan pembelajaran Al-Quran khususnya alat pandang-dengar memainkan peranan penting dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk memperoleh penge-

tahuan dan menguasai kemahiran membaca dan menghafaz Al-Quran," ujarnya.

Dalam pada itu beliau juga mengingatkan guru-guru yang terlibat dalam mengajar azan agar lebih berhati-hati dan teliti mengajar murid-murid mereka dengan memastikan lagu azan tidak menyebabkan perubahan kepada makna kalimat azan atau menimbulkan keawahan dan keraguan yang ditegakkan antaranya memanjatkan huruf 'hamzah' pada kalimat 'asyhadu' menjadikan huruf tersebut sebagai tanda tanya.

Beliau juga menyarankan penjaga dan ibu bapa sama-sama mendukung usaha yang dilakukan pihak sekolah dengan mendedahkan anak-anak mereka secara berterusan kepada aktiviti keagamaan bagi melahirkan generasi yang beriman, bertakwa dan mempunyai ketahanan diri dalam menangkis apa jua pancaroba dalam era globalisasi yang penuh dengan cabaran.

Peraduan tersebut merupakan sebahagian daripada kegiatan tahunan Jabatan Pendidikan Kokurikulum sejak tahun 1988 bertujuan memupuk, meningkatkan kesedaran dan kefahaman beragama serta mengasah bakat di bidang pembacaan ayat-ayat lazim dan azan Subuh beserta doanya, di samping mendukung konsep falsafah Melayu Islam Beraja.



GRADUAN-GRADUAN yang menamatkan latihan Skim Khas Progres Juruteknik di Loji Penapis Minyak Seria dan Loji Syarikat Brunei LNG menandatangani perjanjian sebagai pekerja baru di kedua-dua loji berkenaan.

Meterai perjanjian sebagai pekerja baru

SERIA, 1 Jun. - Tujuh pelajar lepasan Diploma Tingi Kebangsaan (HND) dari Institut Teknologi Brunei menandatangani perjanjian sebagai pekerja-pekerja baru Loji Penapis Minyak Seria (Brunei Shell Refinery) dan Loji Syarikat Brunei LNG.

Majlis tersebut diadakan di Pejabat Pentadbiran Loji Penapis Minyak merupakan yang julung kali diadakan dengan disaksikan bersama oleh kedua ibu bapa graduan

bagi memberikan pendedahan dan pengetahuan kepada pihak awam mengenai skim berkenaan yang akan terus dilaksanakan.

Kesemua lepasan pelajar tersebut termasuk seorang wanita merupakan graduan-graduan yang menamatkan latihan Skim Khas Progres Juruteknik di kedua-dua industri Loji Penapis Minyak dan Loji Brunei LNG selama setahun. Semasa latihan, tiga daripada mere-

ka ditempatkan di kawasan Loji Penapis Minyak sementara empat yang lain ditempatkan di beberapa bahagian Loji Brunei LNG Lumut.

Sepanjang latihan graduan-graduan didedahkan kepada kemahiran teori dan praktikal di dalam bidang-bidang tertentu di kedua-dua industri berkenaan. Penilaian juga dibuat ke atas mereka setiap suku tahun sehingga kepada penilaian peringkat akhir diadakan

ujian bertulis serta penyampaian kertas kerja kepada ahli panel pada bulan Mei lalu.

Pengurus Sumber Manusia Brunei LNG, Pengiran Hajah Hajjah binti Pengiran Haji Metarsat di majlis itu menyeru para pekerja baru supaya menjalankan tugas dengan tekun dan sentiasa berusaha memperbaiki pencapaian kerja mereka sepanjang masa berkhidmat di kedua-dua industri itu.

Pengiran Hajah Hajjah juga berharap agar mereka cekap membahagikan masa bekerja dan masa luang bersama keluarga selaras dengan amalan 'Inisiatif Mengimbangi Kehidupan Bekerja' yang dilaksanakan warga kerja Syarikat Brunei LNG.

Beliau seterusnya menyatakan pentingnya mereka mematuhi peraturan yang ditetapkan setelah meli-

batkan diri menjadi warga syarikat berkenaan khususnya mengelakkan diri daripada terlibat dalam kegiatan antisosial seperti penyalahgunaan dadah, minuman keras dan menyalahgunakan kemudahan teknologi maklumat, mengelakkan diri daripada melakukan kesalahan merokok di kawasan tempat kerja yang boleh mengakibatkan mereka dihentikan daripada perkhidmatan.

ARENA SUKAN

Majlis Sukan ABDB kuasai lumba perahu

MUARA, 12 Jun. - Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB), merangkul empat pingat emas dalam empat acara yang dipertandingkan dalam Pesta Sukan Kebangsaan (PSK) Ke-7 yang berlangsung di Kompleks Sukan Air, Serasa di sini.

Bagi acara lumba perahu PSK disertai oleh enam buah pasukan iaitu MS ABDB, Majlis Sukan Pasukan Polis Diraja Brunei (MS PDB), Daerah Temburong, Tutong, Daerah Brunei Muara (DBM) dan Belait.

MS ABDB meraih pingat pertama melalui acara 800 meter 10 orang pekayuh. Dalam pertandingan itu MS ABDB yang diletakkan di lorong 2 sudah sememangnya mempunyai kelebihan dari segi latihan dan pengalaman mampu mencatatkan masa 4 minit 9 saat.

Pasukan DBM yang ditempatkan di lorong 4 merupakan pasukan pesaing sengit bagi acara ini hanya ketinggalan 11 saat di belakang, sekali gus meraih pingat perak dan Daerah Tutong hanya mampu mengutip pingat gangsa dengan catatan masa 4 minit 25 saat yang di tempat di lorong 5.

MS ABDB sekali lagi berjaya menambah pingat emas bagi acara 800 meter 20 orang pekayuh dengan mudah meninggalkan pasukan-pasukan lagi de-

Oleh Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

ngan catatan masa 3 minit 25 saat. Pingat perak dimiliki oleh MS PDB yang hanya ketinggalan tiga saat di belakang dan DBM pula berjaya meraih pingat gangsa dengan catatan masa 3 minit 29 saat.

Bagi acara 400 meter dengan 10 pekayuh, pekayuh MS ABDB yang pernah mewakili negara bagi acara lumba perahu di Sukan Arafura di Darwin bulan lepas memberikan pengalaman dan harapan yang amat berharga dengan terbukti mereka berjaya mengumpul pingat emas yang ketiga bagi acara ini dengan catatan masa 1 minit 46 saat.

Pasukan DBM yang tidak kurang dari segi pengalaman dan kemahiran bagi acara ini sering menjadi pesaing bagi MS ABDB dengan berjaya meraih pingat perak dengan masa dua minit di belakang MS ABDB. Pingat gangsa pula diraih oleh pasukan Daerah Temburong dengan masa 1 minit 51 saat.

Kerja berpasukan dan menjaga disiplin yang baik dan ditambah dengan sesi latihan yang teratur menjadi perangsang kepada kejayaan pasukan MS ABDB yang melengkapkan kutipan pingat emas yang keempat bagi acara 400 meter 20 orang pekayuh yang me-

rupakan acara terakhir bagi acara lumba perahu PSK.

Majlis Sukan ABDB yang mencatatkan masa 1 minit 29 saat yang merupakan masa terpendek yang pernah direkodkan dalam acara lumba perahu PSK 2005. Pingat perak dimiliki oleh pasukan DBM dengan catatan masa 1 minit 31 saat dan Daerah Temburong pula hanya sekadar mengutip pingat gangsa dengan masa yang diperolehi 1 minit 35 saat.

Pingat-pingat disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas, Jabatan Belia dan Sukan, Awang Haji Zamri bin Dato Paduka Haji Hamdani kepada pemenang.

Acara lumba perahu PSK Ke-7 2005 MS ABDB mengutip empat pingat emas, Daerah Brunei dan Muara memperoleh tiga perak dan satu gangsa. Manakala MS PDB hanya berjaya mengumpul satu pingat perak, Daerah Temburong mengutip dua gangsa, Daerah Belait tidak meraih sebarang pingat dan Daerah Tutong mengutip satu gangsa.



PASUKAN bola keranjang Daerah Brunei dan Muara (DBM) berjaya merangkul kesemua pingat emas.

DBM kuasai bola keranjang lelaki dan wanita

Oleh Azrin Mohd. Hassan

BERAKAS, 18 Jun - Acara perlawanan akhir bola keranjang telah sampai ke penghujungnya dengan pasukan bola keranjang Daerah Brunei Muara (DBM) kali ini berjaya membuktikan kemampuan mereka meraih kemenangan pingat emas pada pertandingan Pesta Sukan Kebangsaan (PSK) Ke-7 berlangsung di Kompleks Sukan Hassanal Bolkiah.

Pasukan bola keranjang DBM yang terdiri daripada 12 lelaki dan 12 wanita ini berjaya sekali gus merangkul kesemua pingat emas dalam perlawanan akhir di mana skuad bola keranjang wanita berjaya mengutip

mata 70 berbalas 23 menentang skuad bola keranjang wanita Daerah Belait, manakala skuad bola keranjang lelaki DBM pula berjaya mengutip mata 65 berbalas 59 menentang skuad bola keranjang lelaki Kuala Belait.

Pingat perak pula berjaya dirangkul oleh skuad bola keranjang lelaki Daerah Temburong dan skuad bola keranjang wanita Daerah Temburong, manakala pingat gangsa pula berjaya diraih oleh skuad bola keranjang lelaki Daerah Tutong dan skuad bola keranjang wanita Kuala Belait.

Sebanyak tujuh buah pasukan menyertai acara bola keranjang ini yang terdiri daripada pasukan DBM, Belait, Tutong, Temburong, Persatuan Bank-bank dan Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) kesemuanya terdiri daripada skuad lelaki dan wanita kecuali MS ABDB yang terdiri daripada peserta lelaki sahaja.

Temburong bolot emas hoki lelaki dan wanita

Oleh Refa'ah Ali Osman

BERAKAS, 18 Jun. - Pasukan hoki Daerah Temburong benar-benar memanfaatkan temasya Pesta Sukan Kebangsaan (PSK) Ke-7 sebagai landasan ke arah kecemerlangan sukan hoki apabila barisan lelaki dan wanita mereka membawa pulang kedua-dua pingat emas.

Pasukan lelaki mereka bagaimanapun terpaksa berhempas pulas hingga ke pertandingan 'golden gol' sesudah kedudukan berakhir 1-1 dan pada perlawanan tambahan 'golden gol' mereka memperoleh jaringan melalui Shalizan Hakim untuk mengatasi Daerah Brunei Muara (DBM) di Kompleks Sukan Hoki.

Pasukan wanita Temburong pula berjaya menundukkan Daerah Tutong dengan kemenangan tipis 1-0 yang diperolehi pada saat terakhir permainan melalui jaringan Mariam Ulat.

Terdahulu sebelum itu kedua-dua pasukan sering berbalas-balas serangan dan melakukan banyak percubaan-percubaan bahaya namun ketangkasan barisan

pertahanan dan penjaga gol kedua pasukan kesemua percubaan tersebut tersasar keluar.

Kemudian di separuh masa kedua corak permainan kedua-dua pasukan beralih dengan beberapa serangan berkala dan kebanyakan bola berligar di tengah padang. Kedua pasukan amat berhati-hati begitu pun, Temburong lebih bernasib baik apabila gerakan Mariam Ulat dari tepi ke kanan dan terus menolak masuk untuk Temburong merangkul pingat emas.

Sebanyak enam buah pasukan menyertai bagi perlawanan hoki PSK yang terdiri dari DBM, Universiti Brunei Darussalam, Daerah Tutong, Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB), Daerah Tutong dan Daerah Belait.

Hadir bagi menyampaikan pingat-pingat kemenangan ialah Pemangku Pengarah Ko-Kurikulum, Awang Haji Arsad bin Haji Adis.



AKSI skuad bola keranjang wanita DBM menentang skuad bola keranjang wanita Kuala Belait dalam perlawanan akhir.

MS ABDB - DBM bersaing emas

Oleh Haji Ahmad Haji Salim

BERAKAS, 17 Jun. - Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) dan Pasukan Daerah Brunei dan Muara (DBM) telah berjaya menambah pungutan pingat emas dalam acara akhir ping pong Pesta Sukan Kebangsaan yang berlangsung di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah di sini.

MS ABDB meraih pingat emas melalui pemainnya Pengiran Sufian Pengiran Ibrahim yang berjaya menewaskan pesaingnya daripada pasukan DBM, Mohd. Hanifah Haji Bungsu dalam peringkat akhir perseorangan lelaki ping pong dalam kiraan

5 - 11, 11 - 8, 11 - 5, 11 - 8.

Manakala bagi acara akhir perseorangan wanita ping pong, pasukan DBM juga berjaya mengutip pingat emas melalui Sia Mee Mee yang berjaya mengalahkan pemain pasukan Daerah Belait, Foo Su Shan dengan kiraan 11 - 9, 7 - 11 dan 11 - 7.

Sementara pingat gangsa bagi perseorangan lelaki dimenangi oleh Sanny Choo daripada pasukan DBM berjaya mengalahkan rakan sepasukannya Liew Bing Vie dengan kiraan 11 - 8, 8 - 11, 11 - 5 dan 16 - 4.

Bagi acara perseora-

ngan wanita, pingat gangsa dikutip oleh Sandy Choo setelah berjaya menewaskan rakan sepasukannya juga daripada pasukan DBM, Stephanie Liew dengan kiraan 8 - 11, 8 - 11,

11 - 6, 11 - 7 dan 11 - 8.

Penyampaian pingat disempurnakan oleh tetamu kehormat, Pegawai Tugas-Tugas Khas, Kementerian Perhubungan, Awang Haji Kadir bin Haji Tengah.



AKSI perlawanan ping pong di Pesta Sukan Kebangsaan yang berlangsung di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah. - Gambar oleh Ramli Tengah.

ARENA SUKAN

Kayuhan Raihan kutip emas

Oleh Abdullah Asgar

abdullah.asgar@information.gov.bn

RAIHAN Abdul Aziz dari Tutong mengutip pingat emas kedua peribadinya setelah menjuarai uji masa perseorangan sejauh 24 kilometer pada Pesta Sukan Kebangsaan (PSK) Ke-7 dengan catatan masa 35 minit 35.26 saat berjaya mengenepikan 17 pelumba yang lain.

Mengutip pingat perak rakan sepasukannya Md. Arbe Shahdatul Farani Zainul Ariffin dengan catatan masa 36 minit 11.13 saat, manakala pingat gangsa milik Daerah Belait, Muhd. Rukhzaidin Ahmad setelah mencatat masa 37 minit 14.61 saat.

Dari 18 pelumba hanya 16 orang yang berjaya menamatkan perlumbaan, kerana dua pelumba yang mewakili Majlis Sukan Pasukan Polis Diraja Brunei (MS PDB) gagal

sampai ke garis penamat.

Peserta pilihan yang mewakili Daerah Brunei dan Muara (DBM) yang mantan pelumba kebangsaan, Ching Chiew Lie hanya berjaya di tempat keempat dengan hanya tertinggal 10 saat dari pemenang pingat gangsa.

Laluan 24 kilometer itu bermula di Stadium Negara Hassanal Bolkiah terus melalui Jalan Kebangsaan sebelum turun ke Lebuhraya Mentiri dan berpusing balik mendaki Bukit Mentiri. Di sini terdapatnya halangan di setiap pelumba dan terus kembali ke garis bermula.

Setakat ini Daerah Tutong dalam acara lumba basikal telah mengumpul tiga pingat emas, masing-masing dalam acara menu-run bukit, kriterium dan uji masa perseorangan.

Tutong rangkul 4 emas melalui acara basikal

Oleh Abdullah Asgar

abdullah.asgar@information.gov.bn

TIGA pelumba basikal mewakili Daerah Tutong menguasai acara kriterium 70 kilometer dengan mengutip kesemua pingat emas, perak dan gangsa pada Pesta Sukan Kebangsaan (PSK) Ke-7 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Pingat emas milik Mohd. Arbe Shahdatul Farani Zainul Ariffin berjaya mengumpul 30 mata, manakala adiknya Mohd. Azbe Hidayatullah Zainul Ariffin merangkul perak dengan 18 mata dan Raihan Abd. Aziz meraih pingat gangsa setelah mendapat 14 mata yang sebelum ini memperolehi emas melalui acara menu-run bukit (downhill).

Pada awal perlumbaan tiga pelumba (Mohd. Azbe, Raihan dan Rafiuddin) berjaya melepasi diri dari kelompok besar namun malang bagi Rafiuddin yang mewakili Daerah Brunei dan Muara (DBM) terpaksa keluar perlumbaan setelah mengalami kecederaan.

Dengan memimpin perlumbaan setelah kece-

deraan Rafiuddin, dua pelumba Daerah Tutong saling silih berganti mengumpul mata pecutan dan pusingan sehinggalah pecahan melalui Mohd. Arbe menambah derita lagi bagi kelompok utama dengan ketiga-tiga pelumba terus mengumpul mata.

Kedudukan ini berlarutan hingga ke pusingan terakhir hinggalah ketiga-tiga mereka sempat memintas kelompok utama pada pusingan ke-24 dan memenangi perlumbaan buat pertama kali setelah kecewa di kejohanan dua tahun lalu, hanya 23 pelumba mengambil bahagian namun hanya 11 peserta yang menamatkan perlumbaan.

Mohd. Arbe dan adiknya Mohd. Azbe sebelum ini mewakili negara di Sukan Arafura, Darwin Australia dengan mengutip pingat-pingat.

Penyampaian pingat-pingat disempurnakan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Khalid bin Haji Ghazali.



EMAS PERTAMA Pesilat tunggal Daerah Temburong, Khairil Fitri berjaya mengutip pingat emas pertama bagi daerahnya dalam acara kelas B lelaki 50 - 55 kg.



PERLAWANAN peringkat akhir dalam acara Bolasepak antara pasukan MS ABDB dan DBM di Pesta Sukan Kebangsaan (PSK).

DBM terlepas emas acara bola sepak

Oleh Samle Haji Jait

samle.jait@information.gov.bn

BERAKAS, 18 Jun. - Skuad bola sepak Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) muncul juara acara bola sepak Pesta Sukan Kebangsaan Ke-7 selepas menumpaskan pasukan Daerah Brunei dan Muara (DBM) 3-1 pada peringkat akhir di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Pasukan MS ABDB yang menunjukkan persembahan konsisten sejak perlawanan pusingan awal menjadi pasukan 'favourite' untuk melangkah ke separuh akhir sehingga mereka membuktikan kehebatan dengan kebangkitan di babak kedua untuk memastikan pingat emas buat kontinjen berkenaan.

Sekalipun skuad MS ABDB lebih awal menayangkan beberapa ujian untuk pertahanan DBM,

pasukan itu pula tersentak dengan jaringan Erni Hakim seawal minit ke-13 yang berjaya menggagalkan jaringan MS ABDB menerusi rembatan kencang.

Ketinggalan jaringan itu memberi tekanan buat MS ABDB selepas melihat serangan mereka yang tidak menjadi malah kebangkitan mereka tersekat apabila hujan lebat yang turun di venue perlawanan menyebabkan perlawanan tertangguh seketika apabila bekalan api elektrik terputus kira-kira 20 minit.

Kesempatan rehat itu memberi ilham baru bagi kedua-dua pasukan menampikan persembahan cukup mendebar dan berkualiti dengan set piece yang menarik sehingga pertahanan DBM yang sebelum ini kental akhirnya rapuh juga dengan asakan bertalu-

Pesilat MS ABDB bolot 11 emas

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 Jun.- Para pendekar Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) menjelmakan impian mereka apabila muncul sebagai pasukan terbaik dalam acara pencak silat dengan pencapaian 11 pingat emas, 6 perak dan 4 gangsa sambil diekori oleh pasukan Daerah Brunei dan Muara (DBM) dan Daerah Tutong.

MS ABDB yang menggegar gelenggang pencak silat bermula sejak kejohanan Pesta Sukan Kebangsaan (PSK) dengan menaruh harapan tinggi kepada pesilat-pesilatnya yang banyak melayakkan diri ke peringkat akhir.

Pertemuan Soldadu (U) Romzi dari MS ABDB yang menentang pesilat Saiful Adli dari DBM dalam kelas F 70 - 75 kilogram (kg) merupakan perlawanan terakhir kejohanan setelah juri berpihak kepada Soldadu (U) Romzi dengan kiraan 4 - 1 yang kelebihan membuat beberapa jatuhkan, di samping melakukan beberapa pukulan tepat.

Sebelum itu dalam perlawanan bagi acara kuntau lelaki, Soldadu Ak. Md. Khairil pesilat MS ABDB tidak mempunyai masalah besar apabila berjaya menyingkirkan Hussein Bujih dari Daerah Tutong dengan kiraan 5 - 0 namun Daerah Tutong bangkit semula dalam kelas E lelaki 65 - 70 kg. menerusi pesilatnya Md. Aliyas yang menang ke atas Abdul Rahman dari MS ABDB menang tipis 3 - 2.

Dalam acara silat cekak asli lelaki, Pg. Kamaruddin dari DBM berjaya menewaskan Jufri dari MS ABDB dengan kiraan 3 - 2, manakala pesilat dari daerah seberang Temburong, Khairil Fitri berjaya mengutip pingat emas pertama bagi daerahnya selepas menumpaskan pesilat dari Majlis Sukan Pasukan Polis Diraja Brunei (MS PDB) dengan kiraan 4 - 1 dalam acara kelas B lelaki 50 - 55 kg.

lawan.

Jaringan penyamaan MS ABDB menjelma menerusi penyerang berbisanya, Dahari Haji Mohd. Yusof di minit ke-26 yang melepaskan rembatan 'volley' disudut kotak penalti yang mengelirukan penjaga gol Tutong.

Sentuhan MS ABDB terus menjadi dengan asakan bertali arus sekalipun pemain-pemain DBM berjaya mengimbangi perlawanan, namun Haji Seruji Haji Bakar tidak meniasakan peluang menambah jaringan untuk MS ABDB di minit ke-55 bagi mendahului jaringan 2-1.

Kebangkitan DBM untuk sekurang-kurang me-

nyamakan kedudukan akhirnya tidak kesampaian, malah penyerang muda MS ABDB, Md. Roy Suhardi Hanifah pula bijak menghukum kelekaan pertahanan DBM dengan jaringan ketiga MS ABDB.

Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud menyampaikan pingat-pingat kepada pemenang.

Sementara itu pasukan Majlis Sukan Polis Diraja Brunei (MS PDB) pula menduduki di tempat ketiga selepas menundukkan pasukan Daerah Tutong 4-2.

Oleh Abu Bakar Haji Abd. Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

Sementara dalam perlawanan akhir semalam di sebelah petang dalam kelas J lelaki 90 - 95 kg., Leftenan Ak. Md. Yusri dari MS ABDB menang ke atas Md. Borhanuddin pesilat dari DBM, kelas B wanita 50 - 55 kg., Siti Nuraminah dari DBM menang ke atas Halimatul Mardiah dari Kuala Belait, kelas C lelaki 55 - 60 kg. pesilat ABDB, Md. Fauzi menang tipis kepada Haji Jamuddin dari DBM, kelas C wanita 55 - 60 kg. pesilat MS ABDB, Rizah Samsuri tewas kepada pesilat DBM, Siti Julianah, Ak. Md. Sukri dari DBM menang ke atas Amirul Ahat bagi kelas A lelaki 45 - 50 kg., kelas D wanita 60 - 65 kg. dimenangi oleh Salinawati dari MS ABDB dengan menewaskan Siti Zuliza dari DBM, kelas D lelaki 60 - 65 kg. dimenangi oleh pesilat dari Daerah Belait, Khuzaiman setelah menewaskan Salihin dari Daerah Temburong dan Md. Redha dari Universiti Burnei Darussalam (UBD) menang ke atas Md. Ariffin dari MS ABDB bagi kelas I lelaki 85 - 90 kg.

Manakala pada 15 Jun sebelah malam beberapa acara peringkat akhir telah berlangsung, bagi acara silat cekak asli wanita Salinawati dari MS ABDB menang ke atas Dk. Amal Bahjah dari Daerah Belait, Noredawaty yang juga mewakili MS ABDB menang ke atas Norlevermah dari Daerah Tutong bagi acara kuntau wanita, kelas E wanita 65 - 70. Haniten Noraisah berjaya menewaskan Norelwati dari MS ABDB, kelas A wanita 45 - 50 kg. Asliza dari Daerah Belait menang setelah berjaya menewaskan Nanti anak Samanai dari Daerah Temburong, kelas H lelaki 80 - 85 kg. dimenangi oleh Md Sabri dari MS ABDB dengan menumpaskan Matius dari Daerah Temburong dan dalam kelas F wanita, Asahadnynasty dari DBM menewaskan Salniza dari Daerah Belait.

Dalam perlawanan bagi kelas G lelaki Md. Fadillah dari MS ABDB menang mudah ke atas Md. Mario Raziman dari Daerah Belait dan dalam acara tunggal lelaki Shamsol Makmun dari MS PDB unggul di tempat pertama dengan memugut mata 467, diikuti tempat kedua, Fauzi dari MS ABDB dan Ak. Hj. Md. Ramzi dari DBM.

Sementara pesilat Md Fauzi dari MS ABDB dan Siti Nuraminah dari DBM masing-masing muncul sebagai Pesilat Wanita Terbaik dan diikuti oleh Mejar Haji Murni sebagai Pengurus Terbaik keseluruhan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Timbalan Sultan berangkat menziarahi jenazah Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohammad Daud yang kembali ke rahmatullah di kediaman Allahyarham di Kampong Madewa, Jalan Tutong. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

Hubungan ekonomi Brunei - Filipina terus kukuh

BERAKAS, 14 Jun. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri bersabda, hubungan di antara negara ini dengan Republik Filipina telah semakin progresif dan dalam kerjasama pelbagai hala terus dipertingkatkan.

Sabda Yang Teramat Mulia, hubungan ekonomi terus-menerus diperkukuhkan dan pertukaran lawatan dapat mengeratkan lagi hubungan yang semakin rapat di antara kedua-dua negara ini telah melibatkan pemimpin kedua-dua negara dan pegawai-pegawai kanan.

Tambah Yang Teramat Mulia, perkara ini dapat mempercepatkan lagi hubungan yang erat dan kerjasama yang semakin meluas agar boleh menghasilkan satu konsultasi dan kolaborasi yang mana nantinya akan berupaya menguntungkan kedua-dua masyarakat.

Yang Teramat Mulia bersabda demikian di Majlis Sambutan Hari Kemerdekaan Republik Filipina Ke-107 di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini. Berangkat sama ialah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibul Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Menurut sabda Yang Teramat Mulia dalam bidang kerjasama pertahanan, para pegawai pertahanan dari negara ini telah bekerjasama sebagai sebahagian dari pasukan paman-taan antarabangsa di Selatan Filipina khasnya di Mindanao, di mana Yang Teramat Mulia percaya ia akan menyediakan satu perkhidmatan yang berharga dalam mempromosikan kedamaian di rantau ini.

Dalam hal pelancongan dan perniagaan di antara kedua-dua negara, sabda Yang

Teramat Mulia ia mempunyai potensi luas untuk dikembangkan terutama dalam hal pengangkutan udara dan hubungan perkapalan terutama bagi pengangkutan laut.

Yang Teramat Mulia juga melahirkan penghargaan pada lebih 15,000 warga Filipina yang bekerja di negara dalam pelbagai bidang yang diharapkan akan terus dapat memberikan sumbangan ke arah pembangunan dan kemajuan negara ini.

Di samping itu, Yang Teramat Mulia juga menghargai akan peranan yang dimainkan oleh Republik Filipina di peringkat serantau dan antarabangsa terutama dalam ASEAN, APEC dan yang terkini ialah Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Sementara itu dalam ucapan alu-aluan oleh Duta Besar Republik Filipina ke negara ini, Puan Yang Terutama Virginia H. Benavidez antara lain berkata dan melahirkan rasa puas di atas perhubungan dan persahabatan yang terus berkembang di antara kedua-dua negara.

Antaranya, jelas PYT ialah usaha yang berterusan dalam mengekalkan kedamaian dan pembangunan yang dikongsi bersama di mana menandakan satu lonjakan kerjasama bagi Filipina dan Brunei khasnya dalam kerjasama kementerian dan sektor pertahanan.

PYT juga menyatakan yang penghantaran 10 orang pemerhati tentera dari negara ini pada bulan Oktober tahun lalu bagi Perjanjian Perletakan Senjata di antara Kerajaan Republik Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro ke

arah proses kedamaian di Mindanao.

Beliau menambah program biasiswa yang berjalan sekarang yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi Pentadbiran dan Guru Sekolah Madrasah Islam Filipina sebagai suatu usaha membuka jalan ke arah membina kapasiti dan meningkatkan kemahiran bagi memajukan pendidikan yang sedia ada kepada penduduk Islam di sana.

Majlis malam itu bermula dengan memainkan Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara, diikuti kemudian ucapan dan sabda yang diteruskan dengan memotong kek sempena sambutan Hari Kemerdekaan Republik Filipina Ke-107 oleh Yang Teramat Mulia.

Seorang pembesar negara kembali ke rahmahtullah



BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Jun - Dengan sedihnya dimaklumkan bahawa Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohammad Daud telah kembali ke rahmatullah pada hari Khamis 9 Jamadilawal 1426 (gambar kiri).

Schubungan dengan

Timbalan Sultan berangkat menziarahi jenazah

MADEWA, 16 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Timbalan Sultan hari ini berangkat menziarahi jenazah Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohammad Daud yang kembali ke rahmatullah hari ini ketika berusia 89 tahun.

Yang Amat Mulia yang dilahirkan pada tahun 1916 di Bandar Brunei ketika itu mendapat pendidikan awal di Sekolah Jalan Pemancha, Pekan Brunei (Bandar Seri Begawan) pada tahun 1925 dan meneruskan persekolahan di Sekolah Pekan Brunei, Bandar Brunei hingga tahun 1930 sehingga tamat Darjah 5 seterusnya meneruskan pengajian di Maktab Sultan Idris, Tanjung Malim (S.I.T.C) Perak, Malaysia pada tahun 1934 - 1936.

Manakala di bidang kerjaya, Yang Amat Mulia pada mulanya bekerja sendiri sebagai penjaga kedai dan selepas itu Yang Amat Mulia

Oleh Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

memasuki bidang perguruan dengan menawat beberapa jawatan seperti Guru Pelatih, Group Teacher, Inspector of School dan Pengelola Skim Pemakanan Sekolah-sekolah.

Pada tahun 1960, Yang Amat Mulia dilantik menjadi Yang Di-pertua Hal Ehwal Ugama, menjadi 'Speaker Dewan Majlis Mesyuarat Negeri Brunei' (Mac 1962 - September 1962) dan menjadi Timbalan Menteri Besar Negeri Brunei (1962 - 1966).

Yang Amat Mulia juga pernah menjadi Ahli Dewan Majlis Mesyuarat Daerah Brunei/Muara (1966). Semasa hayatnya Yang Amat Mulia juga adalah seorang yang aktif dalam berurusan-niaga.

Sementara di bidang keahlihan, Yang Amat Mulia telah dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Diraja, Ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja dan Ahli Majlis Mesyuarat Adat

Istiadat.

Setelah diangkat menjadi Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar pada tahun 1975 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan bagi mengenang jasa dan khidmat bakti kepada bangsa dan negara Yang Amat Mulia juga dikurniakan dengan

beberapa bintang kebesaran dan pingat-pingat kehormatan seperti P.S.L.J - 1976, S.P.M.B - 1963, D.S.N.B - 1960, S.M.B - 1958, P.O.A.S - 1961, P.H.B.S - 1975, P.J.K - 1959 dan Pingat Kerja Lama (P.K.L) 1956.

